

**PENGURUSAN PENCAPAIAN AKADEMIK  
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI LUAR BANDAR:  
KES EMPAT BUAH SEKOLAH MENENGAH  
DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Tesis ini diserahkan kepada Sekolah Siswazah  
untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan

Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)

Universiti Utara Malaysia

Oleh

**ZALEHA BT. SULAIMAN**

## **KEBENARAN MENGGUNA**

Dalam menyerah tesis ini, sebagai memenuhi keperluan pengajian lepas ijazah Universiti Utara Malaysia (UUM), saya bersetuju pihak Perpustakaan UUM mengadakan tesis ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan keseluruhan atau sebahagian daripadanya, bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang peyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini, untuk pemerolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Di samping itu pengiktirafan kepada saya dan UUM seharusnya diberikan dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam tesis ini. Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau lain kegunaan, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, boleh dibuat dengan menulis kepada:

DEKAN  
SEKOLAH SISWAZAH  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
06010 SINTOK, JITRA  
KEDAH DARUL AMAN

## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di empat buah sekolah menengah luar bandar di Negeri Kedah Darul Aman. Seterusnya penyelidik mengkaji faktor-faktor yang mewujudkan perbezaan pengurusan pencapaian akademik pelajar sekolah efektif dan kurang efektif luar bandar di negeri yang sama . Responden yang dikaji terdiri daripada pengetna, guru, pelajar, ibu bapa/penjaga dan kemudahan sekolah. Data dikutip melalui temubual dan pemerhatian yang berpandukan empat set garis panduan yang disediakan. Data primer dianalisis secara diskriptif dan bersifat kualitatif dan disokong dengan data sekunder. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengurusan pencapaian akademik pelajar berkait rapat dengan lima faktor berikut: pengalaman pengetna; komitmen dan dedikasi guru; taraf sosio-ekonomi ibu bapa dan penglibatan mereka dalam prestasi anak-anak serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru; motivasi, aspirasi dan daya saing di kalangan pelajar; dan, kemudahan sekolah yang lengkap. Berdasarkan dapatan ini beberapa cadangan yang diberikan ialah: membasmi kemiskinan dengan lebih berkesan; melantik pengetua yang berpengalaman; mempertingkatkan profesionalisma perguruan; mengubah sikap ibu bapa dan pelajar; dan, menggunakan kemudahan fizikal sekolah yang sedia ada semaksima mungkin. Akhir sekali diharapkan satu kajian lanjutan yang menyeluruh dijalankan untuk memperoleh dapatan yang lebih mantap.

## **ABSTRACT**

The purpose of this research was to study the factors that influence the management of the students' academic achievement of four rural secondary schools in Kedah Darul Aman. It was also to examine the factors that influence the differences in the academic achievement between the effective and less effective rural secondary schools in the same state. The respondents were the principals, teachers, students, parents and schools' facilities. The research data were collected by interviewing the respondents by means of four sets of interview schedule and by observing the schools' facilities. Primary data were analyzed and interpreted descriptively and in a qualitative manner. They were supported by secondary data. The study revealed that the management of the students' academic achievement was associated with five major factors namely : the principals' experience; teachers' commitment and dedication; parents socio-economic status and involvement in their children's performance and Parents Teachers Association; students motivation, aspiration and competition among themselves; and, a well-equipped facilities. Based upon the findings, a few recommendations were given. They were: eradicate poverty effectively; appoint experienced principals; upgrade teachers' professionalism; change the attitude of parents and students; and, maximize the use of existing schools' facilities. Finally, a more comprehensive study was proposed to substantiate the existing findings.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Syukur Alhamdulillah dengan limpah rahmatNya maka tesis ini telah dapat disempurnakan. Tesis ini juga berjaya disiapkan kerana hasil kerjasama dan galakan daripada berbagai pihak.

Setinggi-tinggi terima kasih saya ajukan kepada Prof. Madya Dr. Yusof Hasan dan En. Musafir Kelana selaku penyelia dan pembimbing yang sudi meluangkan masa, menyemak, memberi teguran membina dan menyumbangkan idea yang bermutu hingga ke akhir penulisan tesis ini.

Ucapan terima kasih kepada Dekan Sekolah Siswazah, Prof. Madya Dr. Ibrahim Abdul Hamid, dan Pengarah Institut Aminuddin Baki, Dr. Ibrahim Bajunid di atas kerjasama dan dorongan yang telah diberikan semasa pengajian.

Penghargaan kepada Bahagian Biasiswa dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Pejabat Pendidikan Daerah Kubang Pasu, Pengetua-Pengetua, Penolong Kanan-Penolong Kanan, guru-guru, pelajar-pelajar dan ibu bapa-ibu bapa keempat buah sekolah yang dikaji di atas kerjasama yang diberikan dalam menyempurnakan tesis ini.

Akhir sekali penghargaan yang tidak terhingga kepada keluarga tersayang ke atas pengorbanan, kesabaran dan sokongan yang diberikan. Khas buat ibu yang sering mendoakan kejayaan anak-anaknya. Semoga usaha kita diberkati Allah.

Terima kasih.

## KANDUNGAN

ABSTRAK		i
ABSTRACT		ii
PENGHARGAAN		iii
KANDUNGAN		iv
SENARAI JADUAL		v
BAB 1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Masalah Kajian	7
1.3	Tujuan Kajian	15
1.4	Soalan–Soalan Penyelidikan	17
1.5	Rumusan	17
BAB 2	ULASAN KARYA	19
2.1	Pengenalan	19
2.2	Pengetua	19
2.3	Guru	34
2.4	Pelajar	45
2.5	Ibu Bapa/Penjaga	59

	2.6	:	Kemudahan Sekolah	69
	2.7	:	Rumusan	75
Bab	3	:	KAEDAH KAJIAN	76
	3.1	:	Pengenalan	76
	3.2	:	Populasi dan Sampel	77
	3.3	:	Instrumen Kajian	79
			3.3.1: Temubual	79
			3.3.2: Pemerhatian	82
	3.4	:	Prosedur Kajian	83
	3.5	:	Analisis Data	84
	3.6	:	Batasan Kajian	84
	3.7	:	Definisi Operasional	86
	3.8	:	Rumusan	90
BAB	4	:	PENEMUAN KAJIAN	91
	4.1	:	Pengenalan	91
	4.2	:	Pengetua	92
	4.3	:	Guru	104
	4.4	:	Pelajar	114

4.5	:	Ibu Bapa/Penjaga	127
4.6	:	Kemudahan Sekolah	137
		4.6.1: Lokasi	137
		4.6.2: Keceriaan	139
		4.6.3: Kemudahan Fizikal	140
4.7	:	Rumusan	144
<b>BAB 5</b>	:	<b>KESIMPULAN</b>	<b>150</b>
5.1	:	Pengenalan	150
5.2	:	Pentingnya Kajian	151
5.3	:	Rumusan	163

**BIBLIOGRAFI**

**LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 : Rekabentuk Kajian	76
Jadual 3.2 : Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	78
Jadual 3.3 : Maklumat Asas Empat Sekolah Di Luar Bandar 1995	79
Jadual 4.1 : Taburan Pengetua Mengikut Umur	92
Jadual 4.2 : Taburan Pengetua Mengikut Tempoh Pengalaman	93
Jadual 4.3 : Taburan Guru Mengikut Umur	105
Jadual 4.4 : Taburan Guru Mengikut Tempat Lahir	105
Jadual 4.5 : Taburan Guru Mengikut Kelulusan	106
Jadual 4.6 : Taburan Guru Mengikut Tempoh Pengalaman mengajar	107
Jadual 4.7 : Taburan Pelajar Mengikut Jantina	115
Jadual 4.8 : Taburan Pelajar Mengikut Jarak Rumah ke Sekolah	116
Jadual 4.9 : Taburan Menunjukkan Cara Pelajar Kesekolah	116
Jadual 4.10 : Taburan Menunjukkan Perbelanjaan Sehari-hari Pelajar	117
Jadual 4.11 : Taburan Menunjukkan Tahap Pendidikan IbuBapa/Penjaga Pekerjaan	127
Jadual 4.12 : Taburan Menunjukkan Pekerjaan Ibu Bapa/Penjaga	128
Jadual 4.13 : Taburan Menunjukkan Bilangan Anak Dalam Keluarga	129

# **BAB 1**

## **PENDAIHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Masyarakat Malaysia hari ini telah berkembang dengan pesat selaras dengan perkembangan masyarakat dunia. **Tajul Ariffin** dan **Nor'Aini (1992)** berpendapat sistem pendidikan Malaysia terpaksa menerima cabaran ini kerana proses perkembangan sesuatu masyarakat seringkali dikaitkan secara langsung dengan sistem pendidikannya. Pendidikan sejak zaman berzaman telah diakui sebagai unsur terpenting dalam pembangunan tamadun manusia. **(Ibrahim Mamat, 1993)**. Perkembangan ekonomi dan sosial yang berlaku di banyak negara dicetus oleh pendidikan. Pendidikan digunakan sebagai alat untuk menimbulkan kesedaran politik dan sosial, di samping mengeluarkan tenaga mahir dan warganegara yang intelektual. Ditambah pula dengan faedah-faedah yang dapat dinikmati oleh orang perseorangan hasil daripada pendidikan yang boleh dilihat dengan nyata.

Pada tanggal 28 Februari 1991, Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam Persidangan Pertama Majlis Perdagangan Malaysia telah mengemukakan arah masa depan negara kita dan bagaimana kita patut berusaha mencapai matlamat membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara

yang maju pada tahun 2020. (Tajul Ariffin dan Nor'Aini 1992). Mereka menjelaskan:

**Menjelang tahun 2020 Malaysia boleh menjadi negara bersatu dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur, dan mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang bersaing, dinamik, giat dan kental.**

(m.s. 16)

Akan tetapi sebelum Malaysia dapat diwujudkan sebagai sebuah negara maju sepenuhnya, Dr. Mahathir telah menggariskan sembilan cabaran yang perlu diberi perhatian serius oleh semua rakyat Malaysia. Cabaran-cabaran itu adalah:

Pertama, mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama.

Kedua, mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada, dengan apa yang dicapai dan gagah menghadapi pelbagai masalah.

Ketiga, mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun.

Keempat, mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika sepenuhnya yang mempunyai warganegara yang kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi.

Kelima, mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur dalam konteks rakyat Malaysia pelbagai kaum, bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama mereka dan pada masa yang sama meletakkan kesetiaan mereka pada satu negara.

Keenam, mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan dan memandang ke depan yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi malah menjadi penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.

Ketujuh, mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi iaitu sistem sosial yang memberi keutamaan kepada kepentingan masyarakat daripada diri sendiri.

Kelapan, memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi iaitu masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama.

Kesembilan, mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi yang bersaing, dinamik, giat dan kental.

Sesungguhnya peranan pendidik adalah untuk menghadapi dan memenuhi cabaran, terutamanya cabaran yang keempat dan ketujuh adalah terlalu penting. Ini adalah kerana cabaran keempat merupakan teras kepada cabaran-cabaran berikutnya. Sekiranya asas ini berjaya dibentuk melalui pendidikan, dengan sendirinya individu itu dapat menyerapkan nilai-nilai dan etika yang luhur dalam kehidupannya, masyarakat dan negara. Berdasarkan asas yang kukuh, masyarakat penyayang yang bermula dengan keluarga dapat dibina. Oleh itu cabaran yang ketujuh juga perlu diberi penekanan seterusnya barulah cabaran-cabaran yang lain menyusul. Pendidikan adalah wadah utama untuk membentuk identiti anak bangsa, menjadi alat terpenting untuk menjayakan pembangunan negara, dan berfungsi sebagai wacana yang kukuh untuk mencapai perpaduan serta kesejahteraan bangsa dan negara. Pendidikan yang mampu menghadapi cabaran dan tuntutan seharusnya mempunyai paksi atau teras yang kukuh iaitu keTuhanan. Jadi, adalah amat wajar bagi pendidik untuk melakukan perubahan dalam sistem pendidikan, agar pengubahsuaian, serta pemantapan dapat dilakukan untuk menyelamatkan agama, umat dan negara selaras dengan kehendak Wawasan 2020.

Didapati semakin hari semakin tinggi tuntutan bagi memperolehi pencapaian yang baik dalam bidang akademik. Akhbar juga mempersoalkan perkara yang sama. Pernah dipaparkan **“SPM TIADA PENINGKATAN” (Utusan Malaysia 15 Mac 1992)**. Didedahkan juga peratusan pencapaian pelajar mengikut mata pelajaran dan aliran sekolah. Persoalan ini amat menarik kerana masyarakat meletakkan nilai yang tinggi terhadap kecemerlangan pencapaian akademik. Ini disebabkan setiap ibu bapa inginkan anaknya berjaya dalam bidang pelajaran agar anaknya dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Ini adalah kerana kelulusan akademik mempunyai korelasi yang tinggi dengan pendapatan dan seterusnya taraf hidup (Hussein Mahmood, 1993).

Pada pandangan masyarakat Malaysia, sekolah yang berjaya biasanya dikaitkan dengan keunggulan sekolah khususnya yang terletak di bandar atau sekolah berasrama penuh. Keprihatinan masyarakat terhadap kecemerlangan pendidikan ini amat jelas dalam al&bar-akhbar, mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan dan Guru-guru (PIBG), dan dalam forum-forum. Malah, pihak Kementerian Pendidikan pun menekankan dan memberi penghargaan khas kepada sekolah yang berjaya yang digelar “Sekolah Harapan Negara”. Pihak Sekolah bertungkus lumus mencari jalan bagi memajukan pencapaian akademik. Pihak Sekolah juga menjalankan pelbagai program untuk memastikan pencapaian para pelajar meningkat. Oleh itu sekolah sebagai satu institusi masyarakat mempunyai tujuan tertentu untuk membentuk dan mengubah tingkah laku pelajar ke arah yang

dikehendaki. Perubahan tingkah laku ini merupakan matlamat yang hendak dicapai melalui fungsi sekolah.

Mengikut Falsafah Pendidikan Negara (**Ibrahim Mamat 1993**) pula:

**Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berihnu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.**

(m.s. 92)

Dari situ jelaslah bahawa pendidikan berkualiti adalah pendidikan yang dapat menghasilkan manusia seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, iaitu manusia yang mempunyai ilmu pengetahuan, yang beramal dengan ilmunya, yang baik akhlaknya, yang bertanggungjawab yang tenang hidupnya dan sihat tubuh badannya. Dalam aspek-aspek yang tersebut terkandung unsur-unsur kualiti seperti kecemerlangan, kepuasan, ketahanan dan lain-lain yang semuanya menggambarkan kebaikan.

## 1.2 Masalah Kajian

Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 1994 telah diumumkan pada hari Rabu 8 Mac 1995. Keputusan menunjukkan peningkatan dengan kelulusan pangkat satu dan dua bertambah dari segi bilangan dan peratus berbanding tahun 1994. Menurut bekas Menteri Pendidikan YE Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud, berdasarkan analisis Kementerian, pencapaian calon SPM di bandar mencatatkan peratus lebih tinggi berbanding luar bandar sama ada secara keseluruhan ataupun dari segi pangkat satu dan dua. Walaupun pencapaian pelajar luar bandar meningkat bagi pangkat satu iaitu bertambah 1.5% dan pangkat dua bertambah 0.3%, keseluruhannya peratus lulus pelajar luar bandar adalah 62.3% iaitu tambahan 1.2% dari tahun 1994. Ini adalah satu keadaan yang menggalakkan namun demikian mereka tidak dapat menandingi pelajar-pelajar di bandar (**Berita Harian 9 Mac 1995**).

Kementerian memandang serius tentang hal ini dan juga terhadap tiga mata pelajaran yang mencapai keputusan yang merosot. Mata pelajaran terlibat ialah: Bahasa Inggeris, Sejarah, dan Sains.

Ini adalah kerana mata pelajaran tersebut penting dan dengan kemerosotan mata pelajaran berkenaan maka keseluruhan pencapaian pelajar di luar bandar merosot. Menurut Datuk Amar Dr. Sulaiman, kemerosotan pencapaian ketiga-tiga mata pelajaran berkenaan yang turun di antara 1.1% dan 1.4% dalam SPM 1994 amat ketara di kawasan luar bandar.

Peningkatan prestasi pelajar-pelajar penting kepada negara bagi mencapai Wawasan 2020. Y.B. Datuk Seri Anwar Ibrahim berasa dukacita kerana pencapaian akademik para pelajar belum mencapai matlamat yang dikehendaki walaupun segala kemudahan telah disediakan (**Utusan Malaysia 21 Jun 1986**). Beliau menyambung bahawa guru perlu lebih berdedikasi dan rela berkorban untuk mengatasi perkara itu kerana perjuangan pendidikan merupakan perjuangan hidup – mati yang menentukan kejayaan masyarakat dan negara pada masa hadapan.

Oleh itu Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud mengatakan bahawa Kementerian akan memperkenalkan beberapa program tambahan bagi mempertingkatkan prestasi (**Utusan Malaysia 9 Mac 1995**). Ini termasuk: Dari segi pembelajaran dan pengajaran; menyediakan guru-guru pakar; menghantar lebih ramai guru-guru berpengalaman ke luar bandar; memberi insentif khas kepada guru; dan, ibu bapa digalakkan memberi kerjasama dan sokongan kepada pelajar.

Pada 19 Jun 1995, Menteri Pendidikan yang baru, Datuk Seri Najib pula berkata Kementerian Pendidikan akan memperkenalkan satu program untuk mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar luar bandar. Kerajaan menyedari sekolah-sekolah luar bandar perlu bantuan agar pencapaian mereka setaraf dengan pelajar-pelajar bandar terutama tentang masalah yang mereka hadapi seperti kekurangan kemudahan di sekolah dan kekurangan guru yang berkelayakan dan berkebolehan. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa Kementerian menganggap bahawa guru dan ibu bapa adalah teras kepada pencapaian pelajar sementara faktor-faktor lain tidak dikenalpasti.

Jadi permasalahan yang hendak dikaji adalah, apakah faktor-faktor yang menyebabkan pengurusan pencapaian akademik pelajar-pelajar luar bandar merosot. Ini bukan sahaja jelas dilihat pada keputusan SPM 1994, tetapi juga pada keputusan sebelumnya. Masalah ini juga wujud di sekolah-sekolah di bandar tetapi masalah ini lebih ketara di kawasan luar bandar.

Sekiranya dibandingkan pencapaian antara sekolah-sekolah di luar bandar, didapati ada yang tinggi dan ada yang terlalu rendah. Kemerosotan pencapaian akademik pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah ini juga menjadi topik perbincangan di kalangan guru-guru dan rungutan orang ramai dan hal ini juga disiarkan di dalam akhbar, jurnal dan buku-buku pendidikan. Pelbagai cadangan

sudah disyorkan bagi mengatasinya tetapi keputusan peperiksaan tiap-tiap tahun tidak menunjukkan banyak perubahan. Didapati pelajar-pelajar yang tinggal di pedalaman hanya ke sekolah untuk belajar dalam masa yang terhad dan apabila pulang ke rumah, proses pembelajaran terhenti.

Mengikut kajian yang dijalankan oleh **Kementerian Pendidikan Malaysia (1989)**, budaya menimba ilmu adalah sesuatu yang asing di luar bandar. Di sana tidak ada kemudahan yang boleh membantu anak-anak Melayu maju. Pelajar-pelajar hidup selesa dengan persekitaran kampung tanpa menghadapi saingan daripada bangsa-bangsa lain berbanding dengan sekolah luar bandar yang efektif pelajar-pelajar tidak mempunyai masa untuk berehat. Masa cuti hujung minggu dipenuhi dengan membuat kerja rumah dan ke kelas-kelas tambahan dan tuisyen. Mengikut kajian ini juga sekolah-sekolah luar bandar yang memperoleh pencapaian tinggi terletak berdekatan dengan bandar besar di sesebuah negeri berbanding dengan sekolah yang terletak jauh di pedalaman. Oleh itu faktor lokasi adalah penting dalam mengkaji pencapaian sesebuah sekolah itu.

Sekolah-sekolah di pedalaman ini juga merosot kerana masyarakat di situ tidak mendapat pendedahan tentang isu semasa berbanding dengan masyarakat yang berdekatan dengan bandar. Tambahan lagi sekolah mengalami kekurangan guru terlatih. Kebanyakan guru yang mengajar di sana adalah guru sandaran yang tidak

mendapat apa-apa latihan tentang pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru terlatih yang ada tidak akan tinggal lama di pedalaman kerana tidak mempunyai tempat kediaman yang selesa dan ada yang terpaksa menaiki sampan untuk ke sekolah. Oleh itu masalah pengangkutan dan kekurangan kemudahan-kemudahan di sekolah tidak memberi insentif kepada para guru bekerja. Mengikut **Awang Had Salleh (Straits Times, 14 Mac 1993)** guru harus diberi insentif, ganjaran, penghormatan dan pengiktirafan yang lebih oleh kerajaan agar mereka mendapat kepuasan kerja dan seterusnya dapat menguruskan pencapaian akademik pelajar dengan lebih berkesan.

Pihak Kementerian telah mengenalpasti dua faktor yang menyebabkan kemerosotan pengurusan pencapaian akademik iaitu guru dan ibu bapa. Ini adalah faktor-faktor yang akan dikaji. Selain daripada itu, faktor-faktor lain yang dapat diandaikan sebagai penyebab yang mempengaruhi masalah ini ialah: pentadbir, ciri-ciri sekolah, dan pelajar.

**Ibrahim Mamat (1993)** menerangkan, secara sempit, pendidikan berkualiti bermaksud bilangan calon yang ramai lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan awam kerajaan. Dalam konteks sistem pendidikan yang ada, khususnya format yang kita anggap terbaik setakat ini adalah kerana sistem ini cuba memperseimbangkan unsur-unsur keTuhanan. Beliau menambah bahawa terdapat

enam faktor utama yang mempengaruhi pengurusan pendidikan berkualiti iaitu, kemudahan asas, tenaga manusia, kurikulum, pelajar, bahan, dan kepimpinan.

**Kemudahan Asas.** Tempat belajar yang selesa sangat perlu untuk menentukan apa yang diajar dapat diterima dengan tenang oleh murid. Bangunan, bilik darjah, kerusi meja yang sesuai merupakan suatu keperluan.

**Tenaga Manusia.** Guru adalah alat yang paling penting bagi menentukan bentuk manusia yang dikeluarkan oleh sistem pendidikan. Guru yang berkesan mengeluarkan "hasil" yang baik.

**Kurikulum.** Isi pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan sangat mempengaruhi bentuk pendidikan yang diberi kepada pelajar. Bentuk manusia yang dihasilkan juga bergantung besar kepada kurikulum yang disediakan.

**Pelajar.** Pelajar yang normal perlu wujud untuk menentukan hasil yang berkualiti. Pelajar yang tidak normal, yang terganggu inteletiknya, rohaninya, emosinya dan jasmaninya tidak menolong pendidikan berkualiti.

**Bahan.** Alat bantu mengajar seperti buku, alat sukan dan lain-lain yang bermutu memberi kesan kepada kualiti manusia yang dihasilkan.

**Kepemimpinan.** Pendidikan berkualiti juga bergantung kepada kepemimpinan pentadbir institusi. Kepimpinan yang dapat mewujudkan satu suasana pengurusan dan budaya kerja yang baik boleh menambah produktiviti dari segi pengajaran dan pembelajaran.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) jelas disuarakan dalam Nadi Pendidikan (199 1) yang berbunyi:

**Di samping pembangunan fizikal diperkembangkan, . . . usaha-usaha ke arah meningkatkan lagi mutu dan kecemerlangan pendidikan akan dipergiatkan lagi. Kini sudah sampai masanya, usaha-usaha ke arah itu dipergiatkan. Memang selama ini kita lakukan, tetapi melalui RM 6 ini, usaha ini perlu dipergiatkan lagi menerusi usaha-usaha sendiri di peringkat sekolah dan daerah. Kita tidak boleh bergantung pada keadaan yang membolehkan kita mengadakan program/projek kerana kita ada duit. Ada masa dan ketika di mana faktor kewangan menjadi kekangan. Oleh itu, usaha-usaha bagi memajukan lagi pendidikan kita ke arah pencapaian mutu dan kecemerlangan hendaklah bersifat inovatif.**

(m.s. 1 • 2)

Jelas sekali bahawa matlamat pendidikan kita adalah kualiti dan kecemerlangan. Ini tidak bererti bahawa aspek kuantitatif itu diketepikan. Di samping perkembangan pembangunan fizikal, usaha ke arah meningkatkan lagi kualiti pendidikan akan dipertingkatkan, di peringkat sekolah dan daerah. Usaha ke arah pencapaian mutu dan kecemerlangan hendaklah lebih bersifat inovatif. Ini

termasuk aspek proses dedikasi, pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan disertai dengan pembangunan pendidikan keseluruhannya di peringkat sekolah.

**If you put a frog in water and slowly heat it, the frog will eventually let itself be boiled to death. We too, will not survive if we don't respond to the radical way in which the world is changing. (m.s. 223)**

**Charles Handy (1990)  
The Age of Unreason**

Kata-kata **Handy (Hussein Mahmood, 1993)** bermaksud jika kita tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku yang sentiasa menekan diri sendiri, kita akan mati, demikianlah juga sekolah. Sekolah wujud dalam persekitaran yang sentiasa berubah. Perubahan berlaku dari segi kegiatan ekonomi, pembangunan perumahan, infrastruktur, sosial dan budaya serta nilai dan kepercayaan masyarakat di tempat sekolah itu beroperasi. Dalam keadaan persekitaran yang sentiasa berubah, sekolah yang hanya berfungsi memenuhi keperluan sekolah tidak akan berupaya menangani kehendak masyarakat sekitarnya. Oleh itu perubahan yang bertujuan memajukan sekolah wajar dilaksanakan agar sesuai dengan perubahan sekitarnya.

Sebagai contoh, sebuah sekolah A di Kawasan Y, kini mengalami kemerosotan enrolmennya kerana ibu bapa di kawasan itu menghantar anak mereka ke kawasan

lain yang jauh. Apabila disiasat didapati prestasi sekolah A semakin merosot tahun demi tahun dan pihak sekolah tidak mengambil apa-apa tindakan untuk memperbaiki tahap prestasi pelajarinya. Dalam kes ini nyata sekali bahawa pengurusan sekolah tidak peka terhadap perkembangan dan perubahan di sekitarnya. Sekolah itu tidak diuruskan sejajar dengan perubahan di sekelilingnya. Oleh itu Handy menyatakan bahawa reformasi peringkat sekolah bergantung kepada perubahan sikap, tabiat dan amalan dalam sesebuah institusi sekolah. Perubahan bagi sesebuah organisasi adalah satu kemestian bagi meningkatkan kecemerlangan.

### **1.3 Tujuan Kajian**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji lima faktor yang mempengaruhi pengurusan pencapaian akademik pelajar di empat buah sekolah menengah luar bandar di Negeri Kedah Darul Aman.

Tumpuan penyelidikan juga adalah untuk:

Pertama, mengenalpasti pembolehubah-pembolehubah penting yang mempengaruhi pengurusan pencapaian akademik pelajar .

Kedua, melihat persepsi guru-guru terhadap sikap Pengetua.

Ketiga, melihat persepsi pengetua terhadap sikap guru-guru.

Keempat, mengenalpasti faktor-faktor yang mewujudkan perbezaan pengurusan pencapaian akademik pelajar di antara sekolah efektif dan sekolah kurang efektif luar bandar di kawasan yang sama.

Pengkaji juga ingin melihat sama ada terdapat ciri-ciri sekolah luar bandar efektif di sekolah yang hendak dikaji, seperti yang disenaraikan oleh **Md. Karim bin Md. Nor (1989)** dalam kajiannya, ciri-ciri tersebut adalah: kepimpinan Pengetua yang mantap, berketrampilan dan berpengalaman; persepsi Pengetua tentang pentingnya peranan mereka ke arah memajukan sekolah; lebih banyak strategi diguna dan dijalankan untuk memajukan sekolah; guru mempunyai harapan yang tinggi terhadap kemajuan murid dan memberi bantuan dan bimbingan ke arah ini; guru mempunyai sikap positif terhadap pelajar; guru mempunyai pandangan tinggi terhadap sekolah mereka; disiplin sekolah yang baik; penggunaan sepenuhnya kemudahan-kemudahan; persepsi guru bahawa segala laporan, arahan dan sebagainya daripada pihak atasan (Kementerian dan Jabatan Pendidikan) sebagai berguna membantu memajukan sekolah; dan, guru berpuas hati tentang kerja rumah yang dibuat oleh pelajar.

#### **1.4 Soalan-soalan Penyelidikan**

Untuk mendapat gambaran yang jelas tentang kaji selidik ini, maka kajian akan berdasarkan kepada soalan-soalan penyelidikan. Soalan-soalan yang akan digunakan ini tidak akan meliputi semua aspek tetapi hanya akan menumpukan kepada perkara-perkara berkaitan dengan tajuk kajian iaitu khususnya kajian ini akan mencari jawapan-jawapan kepada dua soalan kajian seperti berikut:

Pertama, mengenal pasti, faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan pencapaian akademik pelajar di sekolah menengah luar bandar.

Kedua, mengenal pasti, faktor-faktor yang mewujudkan perbezaan pengurusan pencapaian akademik pelajar di antara sekolah efektif dan sekolah kurang efektif di kawasan yang sama.

#### **1.5 Rumusan**

Dapat disimpulkan bahawa keseluruhan Bab I merupakan bahagian pengenalan kepada permasalahan kajian. Pengenalan membincangkan tentang kejayaan dan kecemerlangan dalam bidang pendidikan yang menjadi isu hangat pada hari ini. Ini adalah kerana peranan pendidikan dalam pembangunan masyarakat dan negara

## **BAB 2**

### **ULASAN KARYA**

#### **2.1 Pengenalan**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar di Negeri Kedah Darul Aman. Untuk memahami keseluruhan kajian adalah penting untuk melihat dahulu teori-teori dan karya yang berkaitan dengan pengurusan pencapaian akademik sebagai pembolehubah bersandar dan pengetua, guru, pelajar, ibu bapa/penjaga dan kemudahan sekolah sebagai pembolehubah bebas.

#### **2.2 Pengetua**

Secara teori pengetua adalah seorang yang paling berkuasa di dalam organisasi sekolah (**Campbell, Bridges dan Nijstard, 1977**). Pengetua memperolehinya kuasanya menerusi jawatan yang disandang iaitu kuasa legitimasi dan kuasa yang berpunca daripada ciri-ciri peribadinya iaitu kuasa rujukan dan kuasa pakar (**French dan Raven, 1959**). Mereka menambah bahawa tanpa kuasa tidak akan wujud organisasi dan tidak akan ada perintah. Dalam hubungan ini kuasa

diperlukan oleh pengetua untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin, pentadbir dan pengurus organisasi sekolah.

Pada masa ini, masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah selalunya bukanlah merupakan masalah individu tetapi masalah bagaimana organisasi sekolah dapat berfungsi secara berkesan. Di sinilah pengetua memerlukan pengetahuan untuk mengurus dan mentadbir sekolah dengan cara yang terancang dan sistematis agar mencapai matlamat mengikut perincian yang dibuat berdasarkan falsafah dan matlamat pendidikan negara. Inilah cabaran kepada pentadbir sekolah. Jadi pengurusan merupakan satu cara bagi pengetua membimbing dan mengawal daya usaha kumpulan pekerja ke arah pencapaian matlamat (**Zaidatol, 1989**). Proses-proses pentadbiran yang dikenali sebagai merancang, menyelaras, mengawal, mengadakan komunikasi dan menilai memainkan peranan penting ke arah penyempurnaan matlamat yang ditentukan. Peningkatan mutu pendidikan yang telah dikatakan oleh **Campbell et al. (1983)** iaitu pentadbiran pendidikan, merupakan pengurusan untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

**Maehr, et al. (1992)** menambah bahawa sekarang adalah masa yang bergelora untuk sekolah kerana terdapat seruan-seruan daripada semua pihak untuk sekolah berubah, memulihara dan untuk disusun semula. Tetapi seruan-seruan yang sebegini tidak mendapat sambutan positif daripada pihak pemimpin sekolah. Satu

perkara yang membimbangkan adalah ketidakmampuan setengah sekolah mencapai matlamat rasmi sebagai agen perubahan dan sebagai pelaksana program pendidikan dalam proses reformasi pendidikan. Selain daripada itu perbezaan keberkesanan antara sekolah-sekolah dari segi pencapaian akademik pelajar menimbulkan keraguan.

Mengikut **Al Ramaiah (1993)**, di Malaysia, segala dasar dan program berkenaan pendidikan digubal di Kementerian Pendidikan untuk dilaksanakan di peringkat sekolah. Sebahagian belanjawan yang diperuntukkan adalah untuk perjalanan sistem sekolah. Berjaya ataupun gagal sesuatu dasar bergantung kepada kecekapan Pengetua. **Othman (1979)** mendapati Pengetua, sebagai ketua eksekutif sekolah, pada umumnya tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup untuk memberi tunjuk ajar dan arahan yang bersifat profesional kepada guru-guru dalam hal pengajaran. Oleh sebab itu pengetua-pengetua tidak dapat menjalankan tugas dengan memuaskan sebagai pemimpin pengajaran, pemimpin pentadbiran dan pemimpin profesional. Sebagai pentadbir Pengetua diharapkan berupaya memainkan peranan pemimpin. Menurut **Boles (1979)** seorang pemimpin

**... is, a person who is recognised by one or more others as exerting either short or long term influence, authority, or power in a given situation. Thus.. . a leader is determined by role, not by position.**

**(m.s. 9)**

Oleh yang demikian seorang pengetua yang mempunyai kewibawaan serta pengaruh di sekolah biasanya memperoleh status sebagai pemimpin yang penting.

**Hanafi Kamal (1992)** memberi dua sebab mengapa kepimpinan penting.

Pertama, pengetua sekolah hendaklah pandai merancang dan memimpin untuk memastikan pengeluaran adalah di peringkat maksimum di samping kos di peringkat minima.

Kedua, sekolah adalah sebuah organisasi yang hidup. Oleh itu masalah kerap timbul dan perlu diatasi. Perubahan harus dilakukan oleh pengetua sekolah tetapi pengetua tidak dapat memikul kesemuanya berseorangan. Pengetua harus dapat menggembelngkan tenaga anggota stafnya ke arah pencapaian matlamat organisasi sebaik-baiknya.

**Reed (1967)** menambah bahawa pemimpin dapat mempengaruhi orang-orang lain agar matlamat tertentu tercapai mengikut apa yang dikehendaki. **Yap dan**

**Fernandez (1985)** mengemukakan enam peranan pengetua dalam pentadbiran.

Pertama, Pengetua Sebagai Pengurus (Sekolah). Peranan ini meliputi tugas seperti pengagihan tugas (kepada guru dan staf sokongan) dan tenaga dengan seimbang; menentukan jentera pentadbiran sekolah bergerak dengan lancar, bertindak

terhadap gejala-gejala yang menunjukkan pelepasan tanggungjawab, mendorong guru dan pelajar bagi meningkatkan lagi prestasi dan output yang maksimum dan mengadakan saluran komunikasi yang berkesan.

Kedua, Pengetua Sebagai Penyelaras Kurikulum Sekolah. Antara tugasnya termasuklah menyelaras dan melaksanakan aktiviti kurikulum di peringkat sekolah serta mematuhi peraturan-peraturan yang terpakai. Contohnya surat-surat pekeliling ikhtisas.

Ketiga, Pengetua Sebagai Pendidik. Peranan ini bererti pengetua mesti mengajar. Dalam seminggu, pengetua perlu mengajar sekurang-kurangnya lima waktu. Tujuannya supaya Pengetua ini boleh menjadi contoh dan teladan kepada guru bawahannya, di samping dia dapat merasai dan menyedari perkembangan pengajaran pembelajaran di bilik darjah.

Keempat, Pengetua Sebagai Penghubung Antara Ibu Bapa Dengan Guru. Pengetua menjadi penghubung antara sekolah dengan ibu bapa dan masyarakat setempat. Antara tugasnya adalah menjadi “ex-officio” Persatuan Ibu Bapa dan Guru, menjelaskan sebarang masalah yang dihadapi tentang persekolahan pelajar dan menggalakkan penglibatan ibu bapa dan masyarakat setempat dalam pendidikan pelajar.

Kelima, Pengetua Sebagai Sumber Pengetahuan Dan Perkembangan. Sebagai pelaksana Dasar Pelajaran Kebangsaan, pengetua perlu memastikan segala dasar dan peraturan yang berkaitan dilaksanakan di sekolah. Dalam hubungan ini, pengetua perlu mengetahui dasar dan peraturan yang berkaitan dengan kurikulum, kokurikulum, perundangan, pentadbiran dan pengurusan, dan menjelaskannya pula kepada guru dan staf sokongan yang berkaitan. Dia juga perlu menerima perubahan dan bersedia untuk melaksanakannya.

Keenam, Pengetua Sebagai Pembimbing. Sebagai ketua organisasi, sewajarnya pengetua memainkan peranan untuk memberi perkhidmatan bimbingan dan nasihat kepada guru, pelajar dan staf sokongan dalam hal-hal yang berkaitan dengan tugas dan peranan masing-masing.

Dalam keadaan sebenarnya, pengetua memainkan banyak peranan. Aktiviti pengetua menampakkan corak kepimpinan yang lebih menghala ke arah pentadbiran pengurusan. Ini termasuk: kerja-kerja pengetua adalah pelbagai; menumpukan dan menghabiskan masa dalam hal-hal bukan pengajaran; kerja-kerja yang merupakan tindak balas terhadap masalah dalaman dan luaran sekolah; dan, kerja yang lebih berorientasikan orang **(Willis, 1980)**.

**Hall dan Hard (1987)** pula mempunyai pandangan bahawa pengetua adalah orang yang paling penting dalam menjayakan pelaksanaan program untuk memajukan sekolah. Usaha yang boleh dijalankan termasuklah: bekerja bersama-sama dengan guru; memudahcara inovasi pengajaran; menggalakkan guru melibatkan diri dalam perubahan yang dijalankan supaya amalan-amalan pengajaran dapat diperbaiki; menyediakan maklumat dan latihan; dan, memberangsang kreativiti dan motivasi para guru.

Ini menunjukkan teori kepimpinan pengajaran yang wujud meliputi bidang yang luas dan melibatkan program pendidikan seperti kurikulum dan objektif pengajaran, kaedah, prosedur dan stail pengajaran, iklim pengajaran di bilik darjah, program penilaian guru dan pelajar, koordinasi skop dan isi kandungan kurikulum. Kebanyakan aktiviti-aktiviti ini adalah di luar kemampuan pengetua untuk melakukan semuanya melainkan diperturunkan kuasanya kepada pegawai-pegawai bawahannya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti itu. Penumpuan penyelia seharusnya dititikberatkan kepada aktiviti kepimpinan pendidikan dan beliau mengemukakan isu-isu menguji fikiran, memberi pengetahuan tentang polisi dan falsafah sekolah untuk mendapat keberkesanan yang mendalam tentang aspek kepimpinan pendidikan. Pengetua mesti menumpukan kepada dua perkara yang penting iaitu penekanan kepada kepimpinan pengajaran terhadap semua mata pelajaran.

Dalam penyelidikan tentang keberkesanan sekolah menunjukkan penentu yang paling utama bagi kejayaan sekolah adalah kepimpinan yang ditunjukkan dalam bidang pengajaran. Peranan ini berkait rapat dengan usaha memajukan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Proses ini melibatkan pelaksanaan inovasi program pendidikan yang bertujuan meningkatkan prestasi pelajaran dan mengurangkan kadar kegagalan.

**Hussein Mahmood (1993)** telah mengemukakan salah satu saranan utama tentang betapa pentingnya peranan pengetua dalam bidang pengajaran yang telah dikemukakan oleh The Select Committee on Equal Education Opportunity of the United State's pada tahun 1979 yang mengatakan:

**Dalam banyak hal, pengetua sekolah ialah individu yang paling penting dan berpengaruh di sesebuah sekolah. Dia ialah orang yang bertanggungjawab terhadap semua aktiviti yang berlaku di sekolah. Kepemimpinannya ialah yang menetapkan nadi sekolah, iklim pembelajaran, tahap profesionalisme dan moral guru serta darjat keprihatinan terhadap masa depan para pelajar. Pengetua juga adalah penghubung utama antara sekolah dengan komuniti dan cara dia menjalankan tugas dalam konteks ini menentukan sikap para ibu bapa dan pelajar terhadap sekolah. Seseorang akan mengatakan kepemimpinan pengetualah yang menyebabkan sekolah itu berjaya, inovatif, tempat tumpuan para pelajar, terkenal kerana kecemerlangan dalam pembelajaran, dan terhadap pelajar yang gigih.**

(m.s. 294 - 295)

Di Malaysia, Jawatankuasa Mengkaji Taraf pelajaran di sekolah-sekolah pada tahun 1982 telah melaporkan bahawa para pengetua bertanggungjawab terhadap pencapaian pelajar di sekolah mereka. Mengikut pendapat jawatankuasa ini pengetua perlulah:

**Cekap dan banyak menghabiskan masa mengelolakan aktiviti pembelajaran di sekolah-sekolah, mengekalkan penyeliaan sekolahnya dengan cara yang berkesan, bertindak sebagai pakar runding, penasihat dan koordinator bagi program-program pengajaran dan pembelajaran di sekolah, dan perlu juga menghabiskan masa yang lebih dalam aktiviti-aktiviti profesional guru dan pelajar dan jangan hanya bekerja semata-mata sebagai pentadbir yang berkurung di biliknya mengeluarkan arahan dan surat-surat siaran.**

(m.s. 300)

Ini jelas menunjukkan perubahan peranan pengetua daripada pentadbir sekolah kepada pemimpin pengajaran. Antara tugas pengetua yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1985 adalah: mengelolakan pentadbiran sekolah; menyelia pelaksanaan kurikulum sekolah selaras dengan dasar pelajaran kebangsaan; menyelia pelaksana program (pendidikan) tambahan dan juga perkhidmatan sokongan; memberi kepimpinan profesional kepada semua guru di sekolahnya; dan, mempererat kerjasama antara pihak sekolah dengan masyarakat melalui organisasi-organisasi seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan pihak Pengelola/Pengurus sekolah.

Perubahan peranan Pengetua dan Jabatan Pendidikan Negeri berlaku kerana pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan berusaha untuk mencapai kecemerlangan pendidikan. Dalam konteks pembangunan sumber manusia untuk memenuhi keperluan wawasan 2020, kepimpinan pengetua mesti bercorak proaktif agar beliau dapat menangani cabaran yang dihasilkan oleh inovasi. **Larsen, (Hussein Mahmood, 1993)** menyatakan terdapat dapatan-dapatan daripada pelbagai penyelidikan dalam bidang pendidikan yang menunjukkan adanya pertalian antara pencapaian pelajar dengan tingkah laku pengetua. Oleh itu pengetua perlu menguruskan sekolah dan memberi kepimpinan dalam melaksanakan program yang dirancang (**Rosenblum, et al. 1980**). Banyak usaha untuk melaksanakan inovasi pendidikan di sekolah dikatakan tidak atau kurang berjaya dalam pencapaian objektif yang ditetapkan. **Wyant, et al. (1980)** menambah bahawa tanpa sokongan kuat dan persetujuan penuh daripada pihak pengetua, hampir semua usaha yang dilakukan oleh pihak luar untuk membuat perubahan di sekolah akan menemui kegagalan.

**Wideen dan Andrew (1904)** memberi pandangan yang sama. Mereka menyatakan perubahan perlu dikomunikasikan dengan berkesan kepada guru.

**Yang paling penting antara pembuat dasar dengan guru ialah pengetua kerana merekalah yang memberi sokongan dan memulakan usaha untuk membawakan kepada pelaksanaan yang berkesan. Tanpa sokongan daripada mereka, jangalah diharapkan para guru boleh mencapai perubahan tersebut.**

**(m.s. 90)**

Ini menunjukkan para pengetua yang berkesan hendaklah sentiasa melibatkan diri secara aktif dalam kepimpinan pengajaran. Walaupun mereka menghadapi masalah mereka mestilah menjalankan tanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan perubahan kurikulum agar dapat memperkembangkan para pelajar dari segi kognitif, afektif dan psikomotor.

**Al Ramaiah (1993)** memberikan enam bidang kemajuan yang boleh dicapai sehubungan dengan peningkatan taraf pendidikan di Malaysia. Bidang-bidang ini tercatat dalam Laporan Jawatankuasa Mengkaji Taraf Pelajaran Di Sekolah-sekolah (1977). Enam bidang tersebut adalah: kecekapan profesional dan dedikasi guru; kepimpinan pendidikan di peringkat sekolah; kesediaan pelajar untuk mengikuti program-program sekolah; hubungan sekolah - komuniti; suasana pembelajaran di sekolah; dan, kurikulum.

Laporan tersebut juga berpendapat bahawa pengetua perlu dibantu supaya mereka akan menjadi lebih cekap dan sedar akan keperluan memberikan penekanan yang lebih kepada aktiviti pembelajaran di sekolah, bertindak sebagai perunding,

penasihat dan penyelaras. Ini selaras dengan pandangan **Sergiovanni (1990)** bahawa pemimpin sekolah memainkan peranan yang pelbagai. Dirasakan pengetua perlu menampakkan masa interaksi yang bersifat profesional dengan guru-guru dan pelajar-pelajar. Ini bermakna pengetua tidak seharusnya bertindak sebagai pentadbir sepenuhnya dan bekerja bersendirian dalam pejabatnya. Fungsi sebenar pengetua adalah ke arah kewibawaan profesional bukan lagi kewibawaan birokratik. Penekanan yang lebih diberikan kepada urusan profesional pendidikan berbanding urusan birokrasi sekolah.

Sehubungan itu **Ramaiah, (1993)** menjelaskan perbezaan antara kewibawaan profesional dengan kewibawaan birokratik seperti berikut:

**... bureauratic authority presumes a rational distribution of power over hieracby of positions in which incumbents of super-ordinates position, posses authority over subordinates. Profesional authority, on the other hand, presumes a collegial rather than hierachical relationship in which the distribution of authority rests on demonstrated knowledge of competence.**

**(m.s. 16)**

Sehubungan dengan kewibawaan pengetua atas guru-guru, **Corwin (1969)** berpendapat pekerja profesional mempunyai kewajipan mematuhi perintah dan tahu apa yang harus dilakukan serta bagaimana dia boleh melakukan sesuatu tugas.

**Chase (1951)** mendapati kepemimpinan pengetua yang dinamik dan memberangsangkan serta mengutamakan tugas dan bimbingan yang sewajarnya akan memberi kepuasan dan semangat kepada guru-guru dalam tugas harian. Guru juga akan lebih komited dan berdedikasi sekiranya mereka diberi peluang oleh pemimpin mengambil bahagian dalam membuat keputusan dan menetapkan matlamat yang hendak dicapai oleh sekolah.

Di California, **Wiggin (1972)** dalam kajian atas 35 sekolah yang dipilih secara rawak mendapati bahawa tingkah laku kepemimpinan yang berkesan membawa kepada pencapaian yang baik. **Chase (1951)** dalam kajiannya tentang tingkah laku kepemimpinan atas di 1984 buah sekolah di 43 bandar di Amerika Syarikat mendapati 88.4% daripada kepemimpinan yang dinamik dan memberangsangkan adalah merupakan unsur paling penting kepada kepuasan guru-guru dalam tugas harian. **Cross dan Herron (1965)** membuat kajian terhadap 528 orang pengetua di 41 buah bandar di Amerika Syarikat mendapati bahawa terdapat perhubungan positif antara kepemimpinan pengetua dengan pembelajaran pelajar-pelajar dan tingkah laku pengetua yang positif mempunyai pulangan dalam pencapaian pelajar-pelajar. **Koster (1994)** berpendapat pengetua-pengetua menjalankan tugas mereka melalui: gol dan objektif sekolah; visi yang jelas; penglibatan semua pihak yang inginkan kejayaan; pengukuhan kepercayaan cinta dan hormat menghormati di antara semua yang terlibat; dan, memperbaiki iklim sekolah.

**Herron (1995)** membuat kajian atas 194 pengetua di 1514 sekolah rendah di Pennsylvania. Dapatan menunjukkan stail kepimpinan tidak mempengaruhi pencapaian pelajar. Tidak terdapat korelasi yang signifikan antara stail kepimpinan dan pencapaian pelajar. Untuk menjadikan sekolah lebih efektif, Pengetua mesti mempunyai stail kepimpinan yang 'instructional'.

Dalam **Kumar (1994)** Edmonds menambah bahawa sekolah yang efektif perlu mempunyai seorang pentadbir yang membuat perancangan yang kolaboratif, tegas, dan mempunyai harapan yang tinggi untuk semua pelajarnya dan penekanan harus diberikan kepada kemahiran seperti iklim sekolah yang teratur, dan sempurna serta mengikut kemajuan pelajar.

Kajian dalam bidang kepimpinan pendidikan di Malaysia masih kurang terutama sekali kepimpinan pengetua di sekolah menengah terutamanya di luar bandar. **Mukherjee (1970)** mendapati hubungan guru adalah penting kerana ini dapat menolong mereka saling memahami peranan masing-masing yang akhirnya membantu untuk mencapai kepuasan hati guru-guru. Di samping itu, **Thandi (1978)** mendapati bahawa corak kepimpinan dan penyesuaian guru besar mempunyai korelasi dengan nilai guru-guru. **Alageswary (1980)** mendapati bahawa wujudnya hubungan yang signifikan di antara tingkahlaku kepimpinan

guru besar dengan pencapaian akademik murid–murid. Beliau melaporkan bahawa guru besar yang mementingkan tugas dan hubungan manusia adalah lebih berkesan serta membawa kepada pencapaian akademik muridnya yang lebih tinggi. Pengetua juga mempunyai hubungan pekerjaan yang lebih baik dengan guru-guru terutama dalam tingkah laku seperti sifat-sifat bertolak ansur dan bertimbangrasa.

**Rahimah (1981)** telah mengkaji corak kepimpinan 32 guru besar sekolah rendah di Kuala Lumpur dan kaitannya dengan iklim sekolah dan pencapaian murid. Dapatan kajian menunjukkan secara purata bahawa guru-guru besar dinilai lebih tinggi di dalam dimensi tingkah laku yang cenderung kepada tugas berbanding dengan tingkah laku hubungan manusia. Ini mungkin disebabkan sistem pentadbiran pendidikan yang bercorak sistem berpusat dan kuasa guru besar adalah sekadar melaksanakan dasar atau menjalankan tugas. Skop untuk menjalankan tanggungjawab kepimpinan sebagai agen perubahan atau inovasi agak terhad. Kedudukan mereka juga agak teguh melalui perlantikan. Jadi ada antara mereka tidak memerlukan hubungan manusia untuk menyempurnakan tugas–tugas harian sekolah. Namun begitu, **Rahimah (1981)** mendapati analisis hubungan tingkahlaku manusia menunjukkan korelasi yang positif dengan iklim sekolah.

Sebenarnya, pengetua di Malaysia lebih menumpukan tugas pengajaran berbanding dengan tugas pengurusan dan pentadbiran kerana keberkesanan sekolah

semata-mata disukat dengan merujuk kepada peratus lulus dalam peperiksaan awam atau pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam (Al Ramaiah 1993).

### 2.3 Guru

Falsafah Pendidikan Guru di Malaysia, terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia (1982), memberi penekanan kepada tiga komponen utama kualiti guru, iaitu kualiti personal, kualiti profesional dan kualiti sosial. Kualiti berkenaan mempunyai hubungkaitnya dengan sikap nilai dan prestasi guru serta terhadap pencapaian akademik pelajar. Menurut Wan Zahid (1991), kecemerlangan akademik tidak akan tercapai sekiranya guru tidak memainkan peranan dengan cemerlang juga. Beliau menambah

**... we believe that there is no good curriculum regardless the good organisation, to date content, until what the student does under the direction of the teacher results in positive, permanent and practical learning.**

(m.s. 8)

Ini bermakna guru-guru perlu sedar bahawa mereka menjadi penentu yang dapat menolong pelajar mempunyai minat belajar dengan rajin. Mencapai kejayaan bukanlah sekadar meluahkan fakta dan pengetahuan hari demi hari tetapi yang lebih penting adalah bagaimanakah pengetahuan ini disampaikan. Dato' Seri

Anwar Ibrahim pula berdukacita kerana pencapaian akademik para pelajar belum mencapai matlamat yang dikehendaki sungguhpun segala kemudahan disediakan.

(Utusan Melayu, 14 Nov. 1986) Mengikut beliau:

**... guru perlu lebih berdedikasi dan perlu berkorban untuk mengatasi masalah kerana perjuangan hidup mati yang menentukan kejayaan masyarakat dan negara pada masa hadapan.**

(m.s. 2)

**Udai Pareek (1982)**, bersetuju bahawa guru memainkan peranan penting dalam pendidikan. Ini adalah kerana guru dapat mempengaruhi sekolah dan proses mempercepatkan pembangunan terutama sekali di luar bandar. Ini dapat dilaksanakan bukan sahaja melalui pengajaran tetapi melalui kepimpinan yang tidak formal. Jadi guru di luar bandar berperanan sebagai pendidik, pembantu perubahan, penyelaras dan penyelesaian masalah. **Berger (1983)** menambah, guru juga berperanan sebagai kaunselor, penterjemah, kawan dan sumber pembangunan masyarakat. Ini semua digambarkan melalui aktiviti-aktiviti seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan program-program lain yang diadakan di sekolah dan di luar sekolah.

**Vulliamy (1987)** berpendapat guru-guru yang mengajar di sekolah menengah di luar bandar di Malaysia, pada hakikatnya, adalah satu-satunya punca pengetahuan bagi sekolah. Oleh itu beliau menegaskan sekiranya seseorang guru itu berkecukupan, mempunyai kebolehan, berpengetahuan yang luas serta mampu dan sanggup menjalankan tugas dengan sempurna, maka ini akan memberi kesan yang baik atas pencapaian pelajar.

**Bhasin (1979)** memberi ciri-ciri yang perlu ada pada diri guru yang mengajar di luar bandar. Guru-guru ini adalah sebagai agen perubahan yang perlu memberi sepenuh kepercayaan kepada anak didik yang hendak diajar. Guru-guru perlu pelajari sesuatu daripada pelajar-pelajar luar bandar ini agar akan lebih memahami keadaan mereka. Oleh itu guru-guru perlu mempunyai sifat yang berdedikasi, sabar, jujur, rendah diri dan sensitif. Mereka perlu cuba mengenali pelajar-pelajar, keluarga mereka, taraf sosio-ekonomi mereka, situasi budaya dan masalah yang mereka hadapi. Kemudian dapatlah guru-guru mengatur program yang sesuai dengan keadaan sebenarnya. Dengan ini berkemungkinan juga organisasi sekolah dapat mencapai matlamatnya iaitu menghasilkan output yang berkualiti.

Menurut **Ibrahim Mamat (1993)** adalah menjadi tanggungjawab menumpukan perhatian kepada pengurusan pencapaian matlamat organisasi sekolah. Pengurusan

guru yang dimaksudkan adalah: merancang dan menyediakan rancangan mengajar yang lengkap dan berterusan; menentukan apa yang dirancang itu dibuat oleh pelajar; dan, mengawal disiplin pelajar.

Pengurusan bagi pihak guru dapat dirumuskan sebagai penggunaan ciri-ciri yang ada padanya agar pelajar-pelajar dapat mencapai cita-cita yang diidamkan iaitu lulus peperiksaan.

Jangkaan guru juga dapat mempengaruhi prestasi pelajar. Mengikut **Azizah (1982)** seorang ahli sosiologi 'self fulfilling prophecy'. Mengikut teori ini manusia akan melakukan sesuatu yang dijangka mereka akan lakukan sehingga jangkaan yang tidak berasas pun akan menimbulkan tindaklaku yang diharapkan itu. Jadi guru yang mempunyai sangkaan bahawa pelajarinya lemah akan mendapati pelajarinya benar-benar lemah.

**Goodland (1985)** mendapati kemahiran berfikir tidak diajar secukupnya di sekolah sebagaimana yang sepatutnya. Dalam pelaksanaan kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) satu aspek penting disarankan tentang pengajaran pembelajaran ialah:

**Para pelajar tidak hanya menerima pengetahuan semata-mata tetapi mereka seharusnya dapat menyatakan idea, fikiran dan pendapat dengan jelas, objektif, kreatif, rasional dalam semua situasi. Untuk mencapai hasrat ini, peluang meningkatkan daya intelek perlu diwujudkan supaya pemikiran yang kritis dan analitis akan menjadi salah satu aspek yang penting dalam tiap-tiap aktiviti pembelajaran.**

(m.s. 5)

Walau bagaimanapun pengajaran di sekolah masih kurang memberi perhatian kepada perkembangan daya pemikiran pelajar. Terdapat beberapa pendapat mengapa pengajaran pemikiran tidak ditekankan. Di antaranya adalah pendapat **Philips (1992)** dan **Nickerson, et al. (1985)**. Philips (1992) berkata: sesudah guru mengajar semua fakta dan konsep, masa tidak mengizinkan untuk menggalakkan mereka berfikir; penekanan peperiksaan yang mementingkan pengujian kebolehan pelajar mengingat kembali fakta; pengajaran pemikiran ditumpukan kepada pelajar yang pintar sahaja; dan guru ragu-ragu tentang cara mempertingkatkan daya pemikiran pelajar mereka.

**Nickerson et al. (1985)** menegaskan guru hendaklah mengelak daripada merasai bahawa pengajaran kemahiran ini adalah satu bebanan dan membuang masa kerana kemahiran tidak ada kaitan dengan peperiksaan. Adalah penting untuk guru mewujudkan suasana yang bebas daripada tekanan dan menggalakkan cetusan idea yang berlainan dan luar biasa. Laksanakan aktiviti-aktiviti yang dapat merangsang pelajar berfikir secara otomatik. Guru mesti memberi

gambaran bahawa mereka juga berminat dengan topik yang diajar dan guru pula menjadi contoh kepada pelajar seperti disarankan oleh **Polya (1965)**.

**Apa yang dinyatakan oleh guru tidak penting, tetapi apa yang difikirkan oleh pelajar seribu kali lebih penting. Guru seumpama-bidan yang ditugas melahirkan idea-idea di kalangan pelajar.**

**(m.s. 104)**

Oleh itu menggalakkan pelajar berfikir akan memperkukuhkan pembelajaran dan seterusnya membantu pelajar mempertingkatkan pencapaian akademik mereka.

Terdapat banyak kajian dan tulisan yang berkaitan perlakuan guru dan kesan-kesannya terhadap pencapaian pelajar. Kajian-kajian tersebut memperlihatkan kesan-kesan positif dan negatif tentang implikasi sikap, nilai prestasi guru terhadap pencapaian pelajar. **Holt (1970)** mendedahkan sikap dan pengajaran guru di bilik darjah sebagai punca kegagalan pelajar mengembangkan potensi mereka. Beliau lebih kuat mengkritik sistem pendidikan yang berlaku di sekolah sebagai kurang mampu memenuhi prinsip pembelajaran dan perkembangan potensi individu pelajar. **Reimer (1970)** pula berpendapat walaupun guru secara perseorangan mungkin mengambil berat terhadap pembelajaran, tetapi sistem sekolah hanya mencatat markah yang diperolehi pelajar tanpa mengambil tindakan

susunan. Oleh itu kebolehan dan bakat pelajar tidak dikembangkan. **Abd. Rahim (1987)** memberikan beberapa kelemahan yang berlaku di bilik darjah seperti pengajaran guru membosankan dan bersifat autokratik. Guru tidak mengambil berat masalah pelajar, guru lebih banyak menceceh dan berleter, keadaan sebilangan pelajar terbiar dan kurangnya tumpuan yang diberikan untuk mengembangkan kemahiran-kemahiran tertentu.

Yee (1968) meninjau secara teliti sikap guru terhadap pelajar yang bernasib baik dan yang kurang bernasib baik. Kajian tersebut mendapati guru dan pelajar kelas menengah mempunyai sikap yang menggalakkan terhadap satu sama lain berbanding dengan apa yang dialami oleh pelajar kelas bawahan dan sikap guru mereka yang kurang menggalakkan. Kajian ini mendapati pelajar daripada golongan kelas menengah mempunyai guru-guru yang lebih bersemangat, lebih bersimpati dan lebih progresif berbanding dengan pelajar-pelajar kelas bawahan yang mempunyai guru-guru yang mengongkong dan bersifat menghukum.

Menurut **Atan Long (1982)** sahsiah seorang guru amat penting bagi menghasilkan kesan pengajaran kepada pelajar. Oleh itu sikap dan tingkah laku guru mempunyai pengaruh yang besar kepada pelajar. Sifat sabar, bermurah hati dan mesra di dalam kelas membuatkan pembelajaran lebih berkesan. Suasana kelas dicorakkan oleh sahsiah tingkah laku guru yang mengajar. Suasana kelas yang

positif seperti kebolehan guru menarik minat pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran mempunyai kesan yang berlanjutan. Keadaan ini dapat mengubah sikap pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran ke arah positif dan kesannya adalah peningkatan pencapaian. Sikap guru yang positif dan kebijaksanaan guru itu sendiri akan mendatangkan hasil yang lebih baik.

Kadangkala guru itu sendiri tidak dapat menghargai kebolehan dirinya dengan sepenuhnya dan dengan itu tidak dapat menggunakan kebolehan tersebut. Mungkin kelemahan daripada segi pencapaian pelajar itu berpunca daripada kelemahan pengajaran itu sendiri. Di dalam hal ini guru terpaksa mencari jalan baharu untuk memperbaiki pengajarannya. Guru perlu mengetahui dengan mendalam akan mata pelajaran yang hendak diajarnya kerana, kurang pengetahuan di dalam mata pelajaran yang akan diajarkannya akan mendatangkan rasa tidak percaya kepada dirinya sendiri dan mendatangkan rasa bimbang. Ini seterusnya akan menghilangkan kepercayaan pelajar kepada guru. Sebaliknya terdapat guru yang berpengetahuan tentang apa yang hendak diajar tetapi tidak berjaya menyampaikan kepada pelajar. Ini tidak menunjukkan guru ini tidak cekap kerana kecekapan di dalam sesuatu bidang pelajaran itu sahaja tidak semestinya ada pertalian dengan kebolehan untuk merangsangkan pelajar untuk mahu belajar. Seterusnya guru mesti memahami para pelajar yang diajarnya dan menjadi pengganti ibu bapa dan kawan serta orang yang mereka boleh percayai. Dengan ini guru dapat membentuk pelajar ke arah mencapai matlamat organisasi.

**Fuller (1987)** pula berpendapat guru yang cekap akan mencari punca kelemahan dan kerumitan yang dihadapi oleh pelajar serta mengutamakan alat pengajaran untuk penguasaan sesuatu pembelajaran agar lebih berjaya.

Beberapa kajian di Amerika Syarikat cuba menghubungkan komitmen dan semangat guru dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian-kajian ini beranggapan bahawa sekolah-sekolah yang mempunyai guru-guru yang komited dan berpuas hati akan mendapati guru-guru ini akan bekerja bersungguh-sungguh tanpa merasa penat (**Willms, 1992**). Beliau menambah bahawa satu aspek penting tentang semangat guru ialah mereka akan bertambah cekap. Kejayaan pelajar akan memberikan ganjaran yang berbentuk psikologi kepada guru-guru. Mereka akan merasa bertambah yakin tentang kebolehan mereka mempengaruhi kejayaan pelajar.

**Blase (1986)** berkata guru-guru yang baru mengajar kurang menumpukan perhatian kepada pengajaran dan pembelajaran kerana mereka akan lebih sibuk mengurus tingkah laku pelajar dalam kelas. **Tuckman (1971)** mendapati ada kaitan yang positif di antara guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar 10 tahun ke atas dengan pencapaian sekolah. Ini adalah kerana guru yang mengajar begitu lama lebih berpengalaman. **Willms (1992)** pula menyatakan bahawa guru-guru yang begitu lama berkecimpung dalam profesion perguruan

tidak dapat mengajar dengan sempurna kerana kekurangan minat dan semangat. Tambahan lagi dengan bebanan kerja yang perlu dilaksanakan selain daripada mengajar . Mengikut kajian Yee (1968) kebanyakan guru-guru berpengalaman yang mengajar golongan pelajar-pelajar kelas bawahan mempunyai sikap yang negatif terhadap pengajaran dan ini menjejaskan pencapaian pelajar. Tetapi **Wright dan Nuthall (1970)** yang membuat kajian terawal kesan-kesan tingkah laku guru merumuskan, tidak terdapat perbezaan yang signifikan berhubung dengan pengalaman guru dengan pencapaian pelajar.

**Good (1983)** berkata sekolah yang berjaya selalunya mempunyai matlamat sekolah yang jelas dan aktiviti pembelajaran telah distrukturkan mengikut kaedah pengajaran yang jelas. Untuk mencapai matlamat, pelajar perlu diurus dengan baik dan sistematik oleh guru yang efisien. Keadaan ini dapat mempengaruhi kejayaan pelajar. Guru yang efektif juga akan dapat menyesuaikan pengajarannya dengan tahap kebolehan pelajar-pelajarnya. Contoh, guru perlu mengambilkira pengetahuan yang sedia ada pada pelajar-pelajarnya sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran positif. Guru juga perlu memuji pelajar sekiranya mereka menunjukkan prestasi yang baik dan paling penting sekali adalah memulakan pengajaran tepat pada waktunya. **Brookover, et al. (1979)** menyokong faktor masa ini dan menyatakan bahawa jangkamasa yang diambil untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pengajaran sangat mustahak kerana guru-guru

perlu masa untuk mengurus kelas, mengawal dan memberi maklumat. Terdapat kajian yang lalu yang menunjukkan hubungan yang positif antara masa dan pembelajaran.

**Copeland (1987)** berkata untuk mempertingkatkan kualiti pencapaian akademik sekolah, guru-guru perlu menghadiri kursus-kursus dalam perkhidmatan dan mereka dapat mempelajari kemahiran mengajar yang terkini. Hasil kajian yang dibuat atas 64 guru pelatih mendapati kursus dalam perkhidmatan dapat mewujudkan kemahiran mengajar yang efektif.

**Guskey (1986)** menyokong pendapat Copeland dan dapatan kajiannya menunjukkan kursus dalam perkhidmatan boleh berjaya dengan wujudnya beberapa elemen penting seperti: inovasi yang didedahkan semasa kursus mesti jelas, konkrit, spesifik bukan global; kursus perlu diberikan oleh orang yang bertauliah; dan, memberitahu peserta kursus bagaimana inovasi yang didedahkan dapat membantu mempertingkatkan pencapaian pelajar.

Dapatan **Avalo (1980)** tentang kelayakan guru menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang positif antara peratusan guru berijazah dengan pencapaian.

**Klein dan Atkin (1972)** menyatakan bahawa sekiranya guru-guru perlu dinilai, mereka tidak boleh dinilai secara subjektif oleh pengetua, rakan sebaya atau pelajar. Faktor-faktor yang diluar kawalan guru perlu diambilkira. Mereka menambah;

**... a good teacher evaluation system should emphasise objective assesment of teacher performance and it must have some means of adjusting for factors that may influence students performance but over which teachers have no control.**

**(m.s. 80)**

**Bridge, et al. (1979)** memberikan beberapa pembolehubah yang dianggap dapat mempengaruhi pencapaian pelajar yang tidak dapat dikawal oleh guru. Faktor-faktor ini adalah: ciri-ciri individu pelajar; ciri-ciri sekolah; ciri-ciri keluarga; dan rakan sebaya.

#### 2.4 **Pelajar**

**Hall (1956)** mengemukakan satu teori yang menyatakan bahawa zaman remaja merupakan satu peringkat apabila seseorang individu akan mengalami keadaan keributan dan tekanan, (storm and stress). Pada ketika ini golongan remaja mengalami pergolakan di dalam diri sehingga menimbulkan rasa keraguan dan tidak pasti. Peringkat ini merupakan satu keadaan peralihan apabila seseorang

individu mula meninggalkan alam kanak-kanak untuk memasuki alam dewasa. Proses penyesuaian yang ditempuhi akan menimbulkan berbagai-bagai masalah khususnya daripada segi emosi sendiri kerana pada ketika ini seseorang individu akan banyak mengalami perubahan daripada segi fizikal, psikologi, seksual dan sosial.

Oleh kerana perubahan yang mereka hadapi, ramai pelajar terjerumus kepada kegiatan yang tidak sihat seperti menagih dadah, ponteng sekolah, gagal dalam peperiksaan dan lari dari rumah. Dahulu masalah ini melanda pelajar bandar tetapi sekarang ini sudah merebak dan berleluasa di luar bandar. Istilah yang diperkatakan kini ialah bohsia dan bohjan. Ini merupakan gejala yang boleh mengancam keharmonian hidup dalam jangka panjang. Wabak bohsia yang dilibati oleh remaja perempuan yang kebanyakannya pelajar sekolah adalah satu gejala yang memalukan. Bagi mereka dosa pahala ditolak ke tepi. Apa yang penting adalah mendapat habuan untuk mereka hidup berseronok tanpa mengetahui apakah perbuatan mereka itu wajar dari segi hukum agama dan kemasyarakatan. Lebih memalukan dan menyedihkan antara yang teramai melibatkan diri adalah remaja keturunan Melayu dan beragama Islam. Stail hidup yang dipamerkan merupakan perlakuan yang bertentangan dengan nilai agama. Mereka merupakan insan yang kurang didikan agama dan kurang kasih sayang daripada keluarga. Rumah bukan lagi syurga bagi mereka. Lanjutan daripada ini

anak-anak remaja mencari alternatif di luar rumah dan seterusnya terjebak ke kancan hidup yang merugikan diri sendiri.

Masalah ini memberikan implikasi yang negatif terhadap pencapaian akademik mereka di sekolah. Masalah ini juga menjejaskan tugas-tugas intelek yang biasanya dipatuhi di dalam kelas kbasnya dalam pembelajaran. Mengikut **Sharifah Alwiyah (1987)**, pelajar-pelajar yang bermasalah ini akan merasa bimbang dan tidak lagi berminat untuk belajar. Kesan negatif yang ketara terhadap personaliti pelajar mereka ialah: tidak begitu popular dengan rakan sebaya; mempunyai konsep diri yang negatif; dan, bergantung kepada orang lain.

Akibat lain yang diberikan oleh **Goldstein dan Palmer (1975)** ialah mereka bertindak menyingkir dari diri sendiri dan melanggar undang-undang sekolah. Akhir sekali akan menjatuhkan prestasi akademik mereka. Oleh itu gejala sosial bentuk baru ini perlu diatasi dengan segera. Pihak kerajaan dialu-alukan mengambil inisiatif dengan mengurangkan atau tiadakan langsung pusat-pusat hiburan. Lebih penting, pengajaran agama perlu ditekankan ke dalam diri remaja. Ibu bapa amat wajar memainkan peranan agar remaja hidup dengan sopan. Kebijaksanaan dan ketegasan dari pihak sekolah juga dapat menyelamatkan dan menyelesaikan masalah mereka.

Sikap pelajar terhadap mata pelajaran adalah merupakan satu faktor penting dalam menentukan pencapaian akademik sesebuah sekolah. **Mager (1968)** menegaskan pelajar yang mempunyai sikap yang baik dan positif terhadap sesuatu mata pelajaran biasanya mempunyai kesanggupan untuk belajar bersungguh-sungguh. Sikap ini akan berterusan walaupun pembelajaran secara formal sudah berakhir. Pelajar yang bersikap negatif pula berkecenderungan untuk gagal dalam kegiatan akademik mereka. **Adnan (1985)** yang menjalankan kajian terhadap seramai 230 pelajar tingkatan tiga di Kuala Lumpur telah berjaya menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap mata pelajaran sebenarnya mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian. **Triandis (1978)** berkata sikap adalah sesuatu yang diperolehi melalui pengalaman seseorang, interaksi sosial, suasana rumahtangga dan persepsi guru-guru. Sikap yang diperolehi ini sedikit demi sedikit dapat merangsangkan pencapaian para pelajar.

Memang tidak dapat dinafikan para pelajar adalah berbeza di antara satu dengan lain dari segi keupayaan intelek, minat, kemahiran, aspirasi, daya dan usaha, pendidikan dan juga pengalaman. Sesungguhnya kelainan individu telah membentuk beberapa batasan terhadap prestasi. Namun demikian motivasi merupakan satu faktor yang kuat untuk menentukan pelajar mencapai kejayaan **Zaidatol (1990)** menegaskan bahawa motivasi dapat mengorak tingkah laku pelajar supaya menjadi bertenaga dan bertujuan. Masalah utama adalah

bagaimana untuk mempengaruhi sekumpulan pelajar yang mempunyai keperluan yang berbagai-bagai dan sahsiah yang unik supaya dapat bekerjasama dan berusaha mencapai objektif sekolah.

Seringkali didengari rungutan pelajar-pelajar bahawa mereka tiada 'mood' untuk belajar, bosan terhadap guru dan mata pelajaran yang tertentu. Dengan adanya motivasi yang positif, iaitu galakan daripada pihak ibu bapa dan guru, semangat belajar seseorang pelajar adalah tinggi. Sebaliknya, jika galakan yang negatif timbul seperti kerisauan, maka keseluruhan pelajaran mereka akan terjejas.

Secara teori, motivasi pencapaian adalah suatu konsep yang telah diperkembangkan oleh **McClland (1961)** dan dirujuk kepada motif untuk mencapai kejayaan pada tahap tertentu. Di dalam psikologi, motivasi pendidikan adalah sesuatu yang berkaitan dengan kemajuan, iaitu membuat sesuatu lebih baik daripada orang sebelumnya. Menurut **Harrison (1979)**, secara umumnya motivasi merupakan dorongan yang wujud semulajadi dalam diri seseorang dan yang diwujudkan daripada pengaruh luar. Motivasi dalam konteks pendorong luaran boleh diberi kepada pelajar-pelajar oleh ibu bapa dan pihak sekolah. Mengikut **Chian Heng Keng**, pelajar akan menunjukkan motivasi yang baik jika ia mengetahui ibu bapanya berminat dalam pelajarannya dan bila ada perbincangan antara ibu bapa dan anak.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia hari kecemerlangan atau kegagalan adalah perkara yang tidak asing lagi. Tiap-tiap kali keputusan peperiksaan diumumkan, media massa mencanangkan tentang pencapaian-pencapaian yang cemerlang di bandar dan kemerosotan di sesetengah sekolah di luar bandar. Ketika itulah beribu-ribu pelajar menjadi mangsa kegagalan. Sungguh ramai pelajar-pelajar yang gagal dalam peperiksaan tetapi lebih ramai lagi yang gagal dalam ertikata yang lebih penting iaitu hampir semua pelajar yang gagal dalam memperkembangkan keupayaan mereka untuk belajar, untuk memahami dan untuk menjadi kreatif (**Azizah, 1982**).

Kebanyakan mangsa kegagalan di luar bandar ialah pelajar Melayu. **Kamarudin Hj. Kachar (1969)** memberi beberapa sebab kemunduran bumiputera dalam pencapaian akademik. Sebab-sebab yang paling ketara adalah: kurang semangat kesedaran; kurang tekun dan usaha; kurang menyedari keadaan bumiputra yang serba ketinggalan; kurang memahami dunia hari ini ialah dunia persaingan; kurang memberi tumpuan kepada isu pokok yang terlalu menuju kepada isu remeh temeh; pengajaran kemahiran berfikir akan mengambil masa yang banyak serta membebankan guru; dan, guru sendiri tidak tahu cara mempertingkatkan daya pemikiran pelajar dan mengandaikan bahawa kemahiran berfikir dapat dikuasai secara otomatis melalui pendidikan.

Mengikut **De Bono (1976)** dalam proses pendidikan, proses mental yang ditekankan adalah kefahaman dan analisis. Beliau menggambarkan pemikiran ini sebagai pemikiran yang bercorak deskriptif dan pasif. Kemahiran berfikir yang perlu diajar secara eksplisit adalah kemahiran yang membina, aktif dan kreatif. Ramai ahli psikologi berkata kad laporan yang diisi oleh guru boleh meninggikan harga diri pelajar atau boleh menurunkannya. Keputusan peperiksaan atau ujian yang lemah sudah tentu mendatangkan kekecewaan dan rasa hampa kepada pelajar-pelajar yang berkenaan. Sebaliknya bagi mereka yang berjaya, sifat berlumba-lumba untuk mencapai kecemerlangan akan bertambah teguh. Oleh kerana sifat ini, pelajar sentiasa berada di bawah tekanan jadi prestasi yang dianggap berjaya itu menjadi terlalu tinggi dan tidak mungkin dapat dicapai oleh semua pelajar.

**Hj . Abd. Main (1993)** menegaskan bahawa pelajar merupakan salah satu sumber penting dalam pembelajaran dan berkaitan dengan pelajar itu pula terdapat beraneka perkara seperti idea, pengalaman, sikap, minat dan suasana pengajaran – pembelajaran yang menjadi punca pembelajaran dan penyelesaian masalah. Kadangkala perkara-perkara ini tidak dikaji daripada sudut perkaitannya dengan pencapaian pelajar . Kebiasaannya perkara yang ditonjolkan ialah kesan media pengajaran, pihak guru, buku-buku dan minat murid. Kebelakangan ini timbul aliran fikiran bahawa prestasi akademik seseorang pelajar bergantung kepada

keseluruhan sistem persekolahan. **Mohd Fadzilah (1993)** pula melihat kepada sistem pembelajaran yang cemerlang dan mengatakan:

**... ada pelajar yang sangat tekun belajar tetapi kurang cemerlang dalam prestasi akademiknya, manakala ada pelajar yang menggunakan usaha yang sama dan menghasilkan prestasi yang cemerlang. Yang membezakan antara keduanya ini ialah sistem pelajaran yang digunakan.**

**(m.s. 20)**

Ini menunjukkan cara belajar atau stail pembelajaran yang biasa dilakukan oleh pelajar dapat mempengaruhi pencapaian mereka. Pelajar yang berjaya ialah mereka yang dapat menghayati apa-apa yang disampaikan oleh guru, menilai apa yang diberikan, mengaitkan dengan pengetahuan dan pengalaman yang lepas, memikirkan kandungan mata pelajaran secara kritis, mencari dan menghafal fakta umum dan membentuk fahaman sendiri. **Thomas (1986)** merumuskan bahawa pelajar-pelajar yang menggunakan cara belajar yang sesuai akan memahami bahan pelajaran dengan lebih jelas dan mengingat maklumat dengan lebih lama. Cara 'deep approach' ini dapat mempertingkatkan lagi pengurusan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Pelajar juga memberikan sebab-sebab utama yang mempengaruhi pencapaian rendah. Di antaranya adalah teknik pengajaran yang kurang sesuai, bebanan kerja yang banyak serta salah pemilihan mata pelajaran elektif.

Sebenarnya tidak ada persetujuan antara penyelidik tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar. **Jensen (1969)** adalah penyelidik yang mementingkan faktor keturunan. Penyelidikan beliau menunjukkan bahawa gen akan mempengaruhi ciri-ciri atau trait manusia. **Sharifah Alwiyah (1989)** pula berkata tahap kecerdasan bakat tertentu tidak diwarisi sepenuhnya. Gen mempengaruhi tingkah laku secara tidak langsung. Penyelidik-penyelidik tentang perwarisan kecerdasan telah memisahkan masalah perkembangan kecerdasan kepada dua sudut pandangan. Pandangan pertama adalah, perwarisan tahap kecerdasan anak bergantung kepada tahap kecerdasan tinggi, sederhana atau rendah akan mempunyai anak yang kecerdasan mereka lebih kurang sama dengan ibu bapa mereka. Pandangan yang ekstrim mengatakan tahap kecerdasan adalah bakat yang diterima daripada nenek moyang. Seterusnya kecerdasan itu sudah ditetapkan ketika lahir dan tidak berubah seumur hidup. Tiada satu tindakan yang diusahakan oleh individu yang dapat mengubahsuaikan kecerdasan ke tahap yang signifikan.

Sudut pandangan yang bertentangan pula dipegang oleh ahli sosiologi dan psikologi yang begitu kagum dengan peranan persekitaran di dalam usaha membentuk kebolehan pelajar. Mengikut pandangan mereka, kecerdasan itu diperolehi. Kecerdasan adalah hasil persekitaran dan bukan diwarisi. Kanak-

kanak yang telah diasuh di dalam persekitaran 'superior' sederhana atau 'inferior' akan menunjukkan kecerdasan yang sama juga.

Dengan perkembangan sains genetik, kini diakui bahawa setiap apa yang kita lakukan hingga ke akhir hayat adalah akibat interaksi perwarisan dan persekitaran. **Sartain (1962)** berkata individu mempunyai masa seumur hidup untuk tumbuh dan berkembang. Sebenarnya peranan perwarisan dan persekitaran di dalam pertumbuhan dan perkembangan sangatlah kompleks. Oleh itu dapat dirumuskan kehidupan sentiasa dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu: apakah potensi warisan individu; apakah persekitarannya; dan, apakah gerak balas individu terhadap potensi yang diwarisinya dan persekitaran yang dipunyainya.

Kesan dan implikasi faktor-faktor ini mempengaruhi tingkah laku dan pembelajaran pelajar-pelajar. Pendidikan juga bertujuan menyediakan pelajar-pelajar untuk hidup pada masa depan. Tetapi ramai pelajar yang tidak berperanan futuristik. Mereka tidak faham tentang perkembangan dan corak masyarakat pada masa depan dan merekalah bakal warganegara yang aktif dan pemimpin masa depan. Dari segi mental, pelajar-pelajar luar bandar kurang berkembang, mereka kurang mendapat pendedahan kepada dunia yang lebih luas dan kaya daripada dunia singkat dan terhad yang dipandang dan dialaminya hari-hari.

**Robiah Sidin (1992)** menyatakan di Semenanjung Malaysia, statistik membuktikan betapa tingginya enrolmen persekolahan pelajar-pelajar di peringkat rendah iaitu 98% bagi kelompok umur 6 tahun tiap-tiap tahun. Bilangan yang besar juga menunjukkan ciri-ciri keciciran, buta huruf, buta tulisan. Bagi golongan yang boleh membaca, biasanya masih ramai yang tidak mahu dan mungkin tidak mampu mempertingkatkan dirinya untuk menjadi manusia yang lebih mengetahui, lebih peka dan lebih berupaya. Mereka kekal di tahap lama dari segi pengetahuan, pergaulan dan dari segi pentakrifan tentang perkembangan alam fizikal dan sosial di sekeliling. Jika beginilah keadaannya maka pendidikan itu tidak memberi apa-apa erti dalam hidup seseorang pelajar itu. Seruan Yang Berhormat Menteri Pendidikan adalah, semua pihak harus membaiki kemahiran asas dan menggalakkan para pelajar suka dan banyak membaca dan menghayati serta memperkembangkan lagi kebolehan yang terdapat dalam diri mereka. Pendidikan harus juga membentuk sikap pelajar, menjadikan mereka ingin tahu perkara yang berlaku di sekeliling; menggalakkan mereka menggunakan pemikiran yang logik dan rasional dan suka berbincang, memberi pendapat dan boleh menerima kritikan orang lain.

**Beyer (1985)** berpendapat kekurangan kemahiran berfikir di kalangan pelajar-pelajar menjadi asas kepada kegagalan mereka. Oleh kerana malas berfikir, pelajar didapati sangat bergantung kepada guru untuk mendapatkan fakta dan

konsep sesuatu mata pelajaran. Ramai mengutamakan penghafalan fakta dan tidak berfikir tentang fakta yang dipelajari. Amalan ini bercanggah dengan salah satu prinsip utama pembelajaran yang menyatakan 'bukan apa yang disampaikan kepada pelajar tetapi apa yang mendorong mereka melakukan sesuatu ke atas maklumat itu yang menyebabkan pembelajaran' (Markle, 1977). Pelajar juga kurang berfikir kerana menumpukan perhatian menguasai maklumat untuk diluahkan semasa peperiksaan. Oleh itu daya pemikiran mereka tidak diperkembangkan. Ramlah (1995) menegaskan bahawa maklumat yang banyak tidak menjadikan seseorang itu pandai berfikir, walaupun maklumat itu boleh dijadikan bahan manipulatif dalam proses berfikir seperti kata De Bono (1976).

**Maklumat tidak boleh menggantikan pemikiran, seperti juga pemikiran tidak boleh menggantikan maklumat. Namun kadangkalanya diperlukan untuk perkembangan intelek.**

(m.s. 39)

De Bono menambah andaian yang dibuat selama ini adalah kemahiran berfikir dapat dikuasai secara otomatis melalui pendidikan. Mengikut beliau dalam proses pendidikan, proses mental yang ditekankan adalah kefahaman dan analisis. Beliau menggambarkan pemikiran ini sebagai pemikiran yang bercorak deskriptif dan pasif. Kemahiran berfikir yang perlu diajar secara eksplisit adalah kemahiran yang membina, aktif dan kreatif. Pentingnya berfikir juga boleh diasaskan kepada

konsep pemikiran sebagai suatu matlamat pendidikan berkualiti. **Eisner (1982)** menulis:

**The aims of schooling and the development of student's ability to think and to know have long been associated, it may be regarded as the general aim of education the focus on the development of cognition as an educational goal is appropriate on the belief that schools seem to be the most suitable place to foster the student's ability to understand to word, to deal effectively with problems, and to acquire wide varieties of meaning from interaction with it. The development of cognition is the primary means to these ends.**

**(m.s. 27)**

Jelaslah di sini bahawa berfikir adalah suatu ciri penting untuk insan intelek dan harus dijadikan sebahagian daripada kurikulum sekolah. Ringkasnya berfikir adalah suatu kemahiran yang perlu dimiliki oleh seseorang pelajar dan sekolah memainkan peranan untuk mengembangkan kemahiran berfikir di kalangan para pelajar supaya mereka berfikir secara kritikal, bersifat analitik dan dapat membahaskan sesuatu isu. **Philips (1992)** menambah bahawa kebolehan berfikir dengan berkesan sangat penting terutama bagi pelajar di luar bandar kerana dunia kian kompleks dan canggih. Menghadapi cabaran-cabaran kehidupan seharian tidak hanya memerlukan pengetahuan yang cukup tetapi juga kemahiran mengaplikasikan pengetahuan itu dalam berbagai-bagai situasi modernisasi dan perubahan yang pesat mendedahkan individu kepada pelbagai pilihan dan opsiyen yang memerlukan kemahiran dan kepakaran membuat keputusan dengan berkesan.

**Senthal dan Jacobson (1968)** telah menjalankan eksperimen untuk membuktikan betapa benarnya teori 'self-fulfilling prophecy' ini di sebuah sekolah. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada berbagai-bagai kaum dan status status. Guru telah mengkomunikasikan jangkaannya yang tinggi kepada mereka dan melalui air mukanya. Di penghujung tahun apabila diberi ujian, benar-benar didapati bahawa pelajar telah memperolehi pencapaian yang lebih baik daripada pelajar-pelajar dalam kumpulan kawalan. Penyelidik mendapati berkemungkinan teknik ini telah membantu para pelajar untuk belajar dengan bersungguh-sungguh kerana komunikasi itu telah memperbaiki konsep diri, jangkaan dan motivasi para pelajar.

Ada beberapa kajian lain yang menunjukkan jangkaan guru yang berbeza-beza itu memberi kesan kepada pencapaian pelajar-pelajar. Dapatan-dapatan kajian telah menunjukkan bahawa jangkaan guru tentang pencapaian pelajar boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor yang ada kaitannya dengan kebolehan pelajar yang sebenar. Jangkaan-jangkaan ini menentukan tahap pencapaian pelajar dengan menghadkan peluang-peluang pembelajaran baginya apabila ia dimasukkan ke dalam sesebuah kelas yang tertentu. Pelajar-pelajar yang diletakkan dalam kelas yang akhir tidak mungkin dapat memperkembangkan potensinya kerana guru tidak mengharap apa-apa daripadanya. Di Malaysia, **Putchucheary (1978)** telah membuat kajian yang selaras dengan kajian Rosenthal. Kajiannya di sebuah sekolah nampaknya menunjukkan bahawa pengaliran mengikut pencapaian tidak menguntungkan

pencapai-pencapai rendah, kerana mereka masih lagi dalam aliran lemah setelah empat tahun dalam persekolahan.

Banyak kajian lepas telah menunjukkan perhubungan di antara motivasi dengan pencapaian akademik. **Kuo Sheng-Yu (1983)** telah melakukan kajian berdasarkan motivasi pencapaian dan ukuran ujian kerisauan, untuk menguji hubungan di antara pencapaian akademik dengan motivasi untuk mengkaji sebab-sebab dan akibat tentang kejayaan dan kegagalan pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar yang telah diorientasi oleh kejayaan mempunyai pencapaian akademik yang lebih tinggi dan menganggap kejayaan mereka adalah hasil daripada kemampuan dan usaha manakala pelajar yang diorientasikan oleh kegagalan mempunyai pencapaian akademik yang rendah dan menganggap kegagalan mereka adalah akibat daripada nasib. **Sauer dan Gattringer (1985)** telah mengesahkan bahawa kecerdasan merupakan alat ramalan yang paling penting untuk pencapaian sekolah diikuti dengan tahap aspirasi pendidikan, peneguhan daripada ibu bapa, suasana rumah dan juga motivasi akan mempengaruhi pencapaian sekolah.

## **2.5 Ibu bapa/Penjaga**

**Robiah (1992)** menegaskan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencorakkan pendidikan anak-anak. Merekalah yang membentuk asas-asas

perkembangan diri seseorang anak. Ibu bapalah yang dapat membantu anak-anak memperoleh pendidikan yang cemerlang dan bermutu. Oleh itu, mereka bertanggungjawab membentuk sikap yang positif di dalam diri anak-anak seperti ingin belajar, rajin membaca, ingin tahu, suka bergaul dengan orang lain, sentiasa aktif dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sekolah. Ibu bapa juga hat-us menunjukkan contoh sikap ini kepada anak-anak dan membimbing kelakuan mereka. Ibu bapa juga bertanggungjawab meletakkan asas-asas nilai murni dan pembentukan konsep diri yang positif di kalangan anak-anak. Nyatalah peranan ibu bapa dan keluarga dalam pendidikan terutama pendidikan yang bermutu itu bukan kecil.

**Mohd. Nor (1990)** berkata di kalangan keluarga yang dalam golongan bawahan terdapat corak hidup dan pengasuhan anak yang berlainan daripada keluarga kelas pertengahan dan kelas atasan. Keadaan keluarga yang miskin ini mempengaruhi sikap mereka terhadap pendidikan. Desakan hidup menyebabkan mereka tidak dapat memenuhi keperluan-keperluan untuk mencapai kejayaan dalam pendidikan. Ini akan turut menjejaskan kemampuan anak mereka dalam pengajian di sekolah. Keluarga yang dalam keadaan budaya miskin ini mempunyai aspirasi yang rendah terhadap pendidikan dan pekerjaan dan mereka sering menyarankan kepada nasib atau takdir dan percaya mereka tidak dapat menguasai persekitaran. Anak-anak

diasuh membantu mencari nafkah. Mereka juga bersifat tidak memandang jauh ke masa depan, mereka lebih mengutamakan keperluan asas.

**Atan Long (1993)** menegaskan bahawa kejayaan anak-anak dalam pelajaran memerlukan sumbangan kedua-dua pihak guru dan ibu bapa. Atas kesedaran inilah maka Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di tubuhkan di semua sekolah untuk mendapatkan kerjasama di antara pihak sekolah dan guru dengan pihak ibu bapa supaya dapat memperbaiki kualiti pembelajaran anak-anak. Setiap ibu bapa atau penjaga anak-anak yang bersekolah secara automatik menjadi ahli di dalam PIBG bersama-sama dengan guru-guru sekolah berkenaan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh seorang ahli daripada ibu bapa atau penjaga dan setiausaha adalah daripada pihak sekolah.

Sungguhpun PIBG mempunyai mekanisma yang kemas tetapi kalau diikuti sejarah perkembangan didapati tidak semua PIBG mempunyai prestasi yang cemerlang terutama sekali PIBG sekolah-sekolah di luar bandar yang ahli-ahli ibu bapanya terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai kadar kesedaran yang rendah tentang pentingnya pelajaran. Di kebanyakan sekolah yang mempunyai PIBG yang lembab mempunyai jumlah ibu bapa yang hadir di dalam mesyuarat Agong tidak melebihi 30% bahkan ada serendah 10%. Dari tahun ke tahun ibu bapa yang sama yang meluangkan masa ke mesyuarat Agong. Mereka akan meluahkan

perasaan tidak puas hati terhadap guru-guru kerana kegagalan anak-anak mereka. Ada yang menyalahkan guru-guru dalam berbagai-bagai hal dan ada pula yang cuba hendak mengajar guru tentang cara mengajar. Keadaan ini seharusnya tidak timbul kerana PIBG adalah sebagai pelengkap kepada apa yang dijalankan di sekolah. **Tajul Ariffin Noordin (1993)** memberikan beberapa tujuan PIBG. Di antaranya adalah: mengadakan forum dan perkhidmatan untuk kebajikan dan kemajuan pelajar di sekolah; membantu serta melengkapi usaha sekolah untuk memenuhi keperluan pelajar daripada segi kebendaan dan menjalankan kegiatan sekolah; membolehkan ibu bapa dan guru bertukar fikiran dan maklumat tentang pendidikan; dan, membolehkan guru dan ibu bapa berbincang sesama sendiri tentang cara memperbaiki taraf pendidikan anak-anak mereka.

Melalui PIBG bukan sahaja anak-anak yang diharapkan dapat dibimbing mencapai kemajuan tetapi ibu bapa mereka dapat dibimbing mencapai kemajuan. Oleh itu wujudlah keselarasan di antara budaya sekolah dengan budaya rumahtangga dan apa yang dirancang di sekolah tidak menimbulkan pertentangan dengan rumah tangga dan keluarga. Ibu bapa dan penjaga memainkan peranan penting bagi mengadakan perseimbangan. Sama ada disedari atau tidak jelaslah bahawa masyarakat sama ada secara langsung atau tidak adalah bertanggungjawab terhadap pencapaian akademik pelajar. Oleh itu adalah wajar sekali dan tepat sekiranya komuniti di sekitar sekolah memikirkan cara mereka dapat melibatkan

ibu bapa mengatasi masalah pendidikan. Ini akan menjadikan sekolah sebagai institusi masyarakat yang lebih berkesan dan menyeluruh.

Pakar-pakar psikologi sosial di dalam dan di luar negeri telah melakukan banyak kajian yang berkaitan dengan hubungan di antara aspek-aspek sosio ekonomi keluarga (SEK) dengan pencapaian akademik pelajar. Ada dapatan yang menunjukkan SEK mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar manakala yang lain tidak. **Fraser (1959)** telah menjalankan kajian atas 408 kanak-kanak di Aberdeen. Beliau melihat aspek hubungan pendidikan ibu bapa, motivasi, kemudahan material serta emosi keluarga seorang pelajar dengan pencapaiannya. Dapatan Fraser ialah kemajuan kanak-kanak di sekolah adalah lebih berkait rapat dengan iklim di rumah daripada kecerdasan. Seterusnya, beliau menunjukkan bahawa SEK memberi kesan yang kuat atas pencapaian kanak-kanak. Beliau juga membuat perbandingan di antara dua kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan yang sama tetapi berlatar belakang sosial yang berlainan. Beliau mendapati kanak-kanak yang keluarganya miskin, kurang bermotivasi untuk mencapai kemajuan di sekolah dan seterusnya berprestasi lebih rendah daripada kanak-kanak bersosio-ekonomi tinggi.

**Jagdish (1983)** berkata dalam tahun-tahun kebelakangan ini, bahan-bahan penyelidikan yang menitikberatkan aspek ibu bapa kian bertambah. Ini adalah

satu perkembangan yang menggalakkan kerana fokus pembolehubah keluarga menandakan pengakuan akan betapa pentingnya peranan ibu bapa dalam soal pendidikan anak-anak. Banyak kajian yang dibuat menunjukkan bahawa terdapat pertalian atau korelasi yang tinggi di antara pencapaian akademik dan bukan akademik pelajar dengan latar belakang dan bimbingan ibu bapa dan keluarga di rumah. Jagdish menyambung yang Laporan Plowden mendapati bahawa kelainan sikap ibu bapa menyebabkan perbezaan dalam pencapaian pelajar sekadar yang lebih berbanding dengan faktor-faktor lain seperti keadaan keluarga atau sekolah. **Barwick dan Arbuckle (1962)** dalam mengemukakan dapatan mereka menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang digolongkan sebagai pencapai rendah, memperlihatkan pelakuan yang serupa, kerana terjejas oleh sikap ibu bapa. **Miller (1971)** berpendapat bahawa sikap ibu bapa adalah lebih penting daripada taraf sosio-ekonomi. Dapatan-dapatan ini menunjukkan betapa pentingnya ibu bapa mengawasi dan meneliti sikap mereka supaya unsur-unsur negatif tidaklah terbawa-bawa kepada anak-anak sehingga boleh menjejaskan persekolahan mereka.

Terdapat juga kajian yang memfokuskan aspek-aspek minat, dorongan dan galakan daripada ibu bapa sebagai unsur yang penting sekali dalam menentukan perlakuan akademik pelajar-pelajar. **Dauglas (1964)** telah menyelidiki perkaitan antara empat pembolehubah iaitu minat ibu bapa, perubahan, saiz keluarga dan rekod akademik sekolah dengan pencapaian para pelajar. Dapattannya

menunjukkan bahawa dari segi pencapaian, minat ibu bapa menampakkan kesan yang lebih daripada pembolehubah-pembolehubah lain dalam kajian tersebut. **Wilson (1980)** percaya bahawa perbezaan yang terdapat dalam pencapaian akademik di kalangan pelajar mungkin bukan kerana ciri-ciri guru tetapi perbezaan pendidikan pra sekolah, pengaruh keluarga dan rakan-rakan. Beliau merumuskan dapatannya yang pelajar daripada latar belakang sosio ekonomi yang rendah mendapat keputusan yang kurang baik dari rakan-rakan yang lebih bernasib baik.

**Zeigler (Mohd. Nor 1990)**, menunjukkan adanya perbezaan perkembangan intelek di antara anak-anak dari keluarga bawahan dan keluarga atasan. **Benson (1980)** berkata sekiranya ibu bapa mengambil berat dalam aktiviti pembelajaran anak-anak, pelajar-pelajar ini akan mencapai kejayaan tidak kira sama ada mereka daripada latar belakang berada atau tidak. **Murnace (1981)** berpendapat pencapaian akademik ada kaitan dengan ijazah yang diperolehi oleh ibu-ibu pelajar.

Mengikut **Laporan Kajian Keciciran (1973)**, di Malaysia pelajar-pelajar di luar bandar yang miskin tidak mencapai prestasi yang tinggi berbanding dengan rakan-rakan yang lebih beruntung di kawasan bandar. Perbezaan sosial memberi kesan kepada prestasi pelajar. Oleh itu kemiskinan dianggap sebagai faktor yang

mempengaruhi pencapaian pelajar. Ini adalah kerana ibu bapa miskin tidak dapat mengadakan peluang-peluang yang lebih baik kepada anak-anak kerana mereka tidak mampu membayar perbelanjaan persekolahan anak-anak.

**Mahadzir (1995)** berkata satu kajian dibuat oleh Pusat Pengajian Tinggi tentang tahap pencapaian pelajar yang tinggal di kampung dengan pelajar yang tinggal di asrama. Kedua-dua pihak mempunyai latar belakang yang serupa iaitu anak petani. Hasil kajian itu mendapati memang pelajar yang tinggal di asrama berjaya dengan cemerlang. Kalaupun ada yang lemah peratusnya sedikit sahaja. Ini menunjukkan faktor persekitaran memainkan peranan yang penting bagi mempertingkatkan pencapaian pelajar. Jika sekolah asrama sebagai pilihan terbaik untuk anak-anak Melayu di luar bandar wajarlah sekolah-sekolah seumpama itu diberi keutamaan. Oleh itu ibu bapa mestilah menyahut seruan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mahukan mereka di luar bandar merebut peluang menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah berasrama. Beliau juga berkata beberapa sekolah berasrama penuh akan dikhaskan kepada pelajar-pelajar luar bandar yang miskin.

Terdapat beberapa kajian di Malaysia yang menunjukkan pencapaian anak-anak daripada keluarga miskin di luar bandar lebih rendah daripada keluarga kelas menengah sebab anak-anak keluarga kelas bawahan masuk ke sekolah tanpa beberapa kemahiran seperti bahasa, aspirasi yang tinggi. Mereka juga mempunyai imej sendiri yang rendah. **Awang Had Salleh (1993)** berpendapat kemerosotan

prestasi pendidikan pelajar luar bandar disebabkan oleh kurang pendedahan tentang isu semasa berbanding pelajar yang menerima pendidikan di kawasan bandar.

**Jagdish (1983)** pula menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang berstatus sosio ekonomi tinggi memperoleh persekitaran yang terdorong untuk belajar seperti mendapat kemudahan tuisyen dan mempunyai keadaan rumah yang menyeronokkan jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang berada di dalam keadaan yang serba kekurangan. **Omardin (1984)** membuat kesimpulan bahawa persekitaran seperti SEK keluarga mempunyai pengaruh atas pencapaian pembelajaran pelajar. Keputusan beliau ialah pelajar yang berasal daripada SEK tinggi adalah lebih maju dalam pelajaran berbanding dengan rakan-rakan mereka yang kurang berada.

**Omar Mohd. Hashim (1993)** berkata walaupun ibu bapa miskin, namun mereka dapat memberikan pengajaran dan dorongan kepada anak-anak Melayu yang sangat senang putus asa khususnya yang tinggal di luar bandar, walaupun angan-angan dan cita-cita mereka selalunya tinggi. Oleh itu, kajian yang dibuat dalam bidang pendidikan menyatakan dan mentafsirkan cita-cita yang tinggi itu sebagai motivasi yang kuat tetapi tidak selalunya disokong oleh hasrat bekerja keras dan kegigihan semangat yang besar untuk memenuhi cita-cita itu. Adalah diharapkan

semoga ibu bapa akan dapat menanam unsur-unsur dan kekuatan yang boleh mengukuhkan lagi semangat. Ibu bapa bertanggungjawab menanam etika kerja atau tatasusila berhubung dengan bekerja keras.

**Coleman (1966)** telah menjalankan satu tinjauan prestasi akademik yang melibatkan seramai 645,000 pelajar miskin di kawasan bandar dari 4,000 buah sekolah rendah dan menengah. Daripada dapatan-dapatan kajian ini, beliau membuat kesimpulan bahawa, pada keseluruhannya pencapaian akademik pelajar tidak bergantung pada sekolahnya tetapi pengaruh keluarga yang terpenting. **Tanalol (1990)** berkata keluarga yang ahlinya melebihi 5 orang dikatakan satu keluarga yang besar yang akan mengakibatkan gangguan kelakuan kepada kanak-kanak. Bilangan ahli dalam keluarga memainkan peranan untuk membentuk tingkahlaku ibu bapa yang jarang bergaul atau berbincang dengan anak-anak seperti bertanyakan khabar tentang kemajuan pelajaran di sekolah akan mengakibatkan anak-anak melibatkan diri dengan kegiatan yang kurang sihat dan seterusnya memberi kesan negatif terhadap pencapaian anak-anak.

Beberapa penyelidik pula mendapati pencapaian pelajar tidak bergantung kepada SEK seseorang **Slavin (1989)** berkata pada hakikatnya tiap-tiap pelajar berupaya memperoleh kemahiran asas yang secukupnya tidak kira latar belakang sosio ekonominya tinggi atau rendah. **Berube (1984)** bersetuju dengan dapatan ini.

Beliau tidak setuju dengan sesetengah dapatan yang mengatakan pelajar-pelajar daripada keluarga miskin tidak boleh dididik. Mereka gagal di sekolah-sekolah awam bukan kerana latar belakang ekonomi yang miskin tetapi oleh sebab-sebab lain. **Rutter (1971)** pula membuat keputusan yang faktor sekolah lebih mustahak daripada SEK keluarga. Beliau membuat keputusan ini setelah mengkaji 12 sekolah rendah di London yang melibatkan 2,700 pelajar. **Brookover, et al. (1979)** menegaskan bahawa sekolah yang selalu menggunakan strategi pendidikan dalam pengajaran pembelajaran selalunya berjaya mencapai matlamat sekolah. Tambahan pula dengan guru-guru yang menghabiskan masa dan tenaga mengajar dan mempunyai harapan yang tinggi terhadap pelajarinya. Iklim sekolah yang sesuai juga dapat mempertingkatkan lagi pencapaian akademik. Oleh itu SES ibu bapa bukanlah faktor yang penting.

## **2.6 Kemudahan Sekolah**

Kementerian Pendidikan telah diberikan peruntukan yang besar bagi memastikan segala rancangan pendidikan dapat diteruskan. Ini dapat dilihat daripada jumlah guru-guru terlatih yang bertambah, penyediaan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran, pembangunan dan kemudahan. Ini bermakna penambahan sekolah-sekolah baru, bilik-bilik darjah tambahan, makmal-makmal sains, perpustakaan, kerusi meja dan membekalkan buku teks kepada pelajar-pelajar daripada golongan

yang kurang berada. Memang telah menjadi dasar kerajaan untuk memberi pendidikan yang sama dan bermutu kepada semua pelajar tanpa mengira kaum ataupun tempat kediaman.

Dari segi pelaksanaannya, kementerian telah berjaya menyediakan tempat belajar, guru-guru yang berkualiti, kemudahan-kemudahan pendidikan dan sebagainya di seluruh negara, baik di bandar mahupun di kawasan luar bandar. Secara teori sekiranya kemudahan yang disediakan sama, maka hasilnya sepatutnya sama. Dengan kata lain prestasi pelajar di bandar dan di kawasan luar bandar sepatutnya sama. Tetapi daripada segi kenyataan, didapati jurang perbezaan yang begitu ketara di antara prestasi pelajar. Salah satu faktor yang membawa kepada keadaan begitu adalah kekurangan kemudahan fizikal di sekolah-sekolah di luar bandar.

**Omar Mohd. Hashim (1991)** berkata kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan jurang perbezaan ini dengan melengkapkan kekurangan kemudahan di luar bandar.

Kaedah untuk kajian ini, agak mustahil untuk mengkaji secara mendalam semua kemudahan yang ada di sekolah. Oleh itu aspek fizikal sekolah ditinjau daripada tiga sudut iaitu lokasi, keceriaan dan kemudahan fizikal.

Dalam kajian yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan (1989) lokasi bukanlah menjadi faktor penentu terhadap keberkesanan sesebuah sekolah. Ini adalah kerana terdapat beberapa buah sekolah yang dianggap tidak berkesan tetapi

terletak di kawasan yang boleh dikira baik untuk pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya terdapat beberapa sekolah yang berkesan terletak di tengah bandar yang sibuk dan berhampiran dengan pusat hiburan. Dari segi keceriaan sekolah, garis pemisah di antara sekolah berkesan dan tidak berkesan tidaklah begitu jelas kerana ada sekolah yang tidak berkesan didapati bersih dan menarik dan sekolah yang berkesan pula tidak begitu ceria.

Pembolehubah kemudahan fizikal dianggap mustahak kerana meninggalkan kesan yang signifikan atas keberkesanan sekolah. Cole (1979) mengatakan pencapaian akademik bukan sahaja dipengaruhi oleh ciri-ciri pelajar dan keluarga tetapi saiz kelas, buku teks dan peralatan yang terkini memainkan peranan yang penting bagi mempertingkatkan pencapaian pelajar.

Di Malaysia sungguhpun Kementerian Pendidikan mengadakan peruntukan yang mencukupi untuk tiap-tiap sekolah, ruang untuk memperbaiki kemudahan pembelajaran sentiasa ada dan boleh dilakukan. Ini semua memerlukan wang, sekolah yang maju dan terletak di bandar mendapat sokongan kewangan daripada PIBG. Wang ini boleh digunakan untuk membeli berbagai-bagai alat tambahan bagi memajukan pelajaran seperti menambahkan alat bantu mengajar seperti komputer, alat-alat muzik, membina padang permainan, mengadakan hadiah rangsangan bagi kemajuan pelajar di dalam pelajaran. Di luar bandar, di dapati

PIBG tidak mampu mendapatkan wang yang banyak untuk membeli alat-alat tambahan. Sumber kewangan PIBG hanyalah daripada yuran tahunan. Mereka tidak mendapat sumbangan derma daripada agensi terkenal dan ibu bapa pula kurang berkemampuan untuk menderma lebih. Mereka hanya boleh menyumbangkan bahan-bahan untuk pembinaan dan menyumbang tenaga untuk kerja-kerja amal. Mereka berharap sumbangan ini dapat melengkapkan kekurangan kemudahan fizikal yang ketara di sekolah-sekolah luar bandar.

Dalam tahun-tahun awal 1980an beberapa kajian telah menghasilkan beberapa ciri yang berkaitan dengan sekolah efektif. Ciri-ciri tersebut adalah ciri-ciri organisasi seperti kepimpinan pengetua, perkembangan staf dan masa pembelajaran. Ciri kedua ialah ciri proses seperti iklim sekolah yang positif dan teratur, pengharapan yang tinggi terhadap pencapaian pelajar. **Hussein Mahmood (1993)** berkata ciri-ciri ini nampaknya tidak mempunyai pertalian dengan bangunan sekolah atau saiz sekolah atau kemudahan di sekolah.

**Vulliamy (1987)** pula menyenaraikan pembolehubah-pembolehubah yang dikenali sebagai kemudahan sekolah. Ini termasuklah: saiz kelas; perbelanjaan bagi setiap pelajar; jumlah buku dalam perpustakaan; dan, keadaan bangunan-bangunan sekolah.

Dapatan beliau menunjukkan bahawa keberkesanan sekolah tidak berkaitan secara ketara dengan kemudahan material tetapi lebih kepada ciri-ciri iklim sekolah. **Abdul Rahim (1978)** mendapati majoriti ibu bapa mengatakan sekolah mendapat pencapaian tinggi kerana mempunyai guru-guru yang berdedikasi. Kualiti sekolah sama ada dilabelkan sebagai baik atau tidak bukanlah disebabkan oleh faktor-faktor fizikal seperti kemudahan-kemudahan sekolah. Beliau berpendapat pelajar dapat belajar dengan selesa sekiranya saiz kelas kecil dan sekolah mempunyai buku-buku teks dan alatan mengajar yang terkini.

**Levin dan Lockheed (1971)** telah mengenalpasti pembolehubah yang memberi kesan positif terhadap keberkesanan sekolah antara negara maju dengan negara sedang membangun dan kurang maju. Di negara maju, pembolehubah proses pembelajaran di sekolah merupakan faktor yang kuat mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian pelajar. Di negara yang sedang membangun dan kurang maju pula, faktor input menjadi penentu bagi keberkesanan sesebuah sekolah itu. Faktor itu terdiri daripada kemudahan fizikal seperti bilik darjah, buku teks dan guru terlatih.

Mengikut **Albatch (1983)** salah satu sumber penting di sekolah ialah buku teks dan beliau berkata;

**Nothing has ever replaced the printed word as the key element in the educational process and as a result, textbooks are central to school at all level.**

**(m.s. 320)**

Satu kajian di Thailand menyokong pandangan Albatch yang buku teks memberi sumbangan yang teguh dalam proses pembelajaran di negara membangun dan di luar bandar. Ini adalah disebabkan buku teks adalah sumber yang terdekat dengan pelajar (**Fuller, 1986**). Didapati sesetengah pelajar-pelajar di sekolah luar bandar di Malaysia, tidak dapat menggunakan buku teks sepenuhnya kerana isi kandungan buku-buku ini terlalu berat terutama sekali buku-buku Bahasa Inggeris.

**Postlethwaite (1980)** berpendapat sekolah-sekolah besar di bandar dibekalkan dengan kerusi dan meja secukupnya dan makmal sains, buku teks jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah luar bandar yang selalu kekurangan kemudahan-kemudahan ini. **Hanushek (1986)** pula berpendapat, walaupun peruntukan diberi secukupnya untuk melengkapkan kemudahan di sekolah tetapi hasil kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang sistematik atau kukuh di antara kemudahan yang lengkap dengan pencapaian pelajar. **Cohn dan Rosmiller (1987)** berkata penambahan peruntukan untuk melengkapkan kemudahan fizikal di sekolah belum dapat menjamin peningkatan pencapaian pelajar. Apa yang

penting adalah bagaimana sumber-sumber ini digunakan boleh membantu memajukan pendidikan di negara-negara membangun.

## 2.7 Rumusan

Dapat dirumuskan bahawa terdapat banyak kajian dan penulisan yang diterbitkan dan yang tidak diterbitkan yang membincangkan tentang pengurusan pencapaian akademik pelajar di sekolah-sekolah menengah efektif di bandar tetapi kurang yang menyentuh tentang sekolah-sekolah kurang efektif di luar bandar (**Abd. Karim, 1993**). **Cohn dan Rosmiller (1977)** berpendapat bahawa terdapat persamaan tentang penentu-penentu pengurusan pencapaian akademik di antara kedua-dua jenis sekolah efektif dan kurang efektif.

Kajian-kajian yang lepas juga tertumpu kepada sekolah-sekolah rendah di Barat begitu juga dengan kajian-kajian yang dibuat di Malaysia. **Cuttance (1985)** berkata dapatan berasaskan sekolah-sekolah rendah berkemungkinan tidak boleh digeneralisasikan ke sekolah-sekolah menengah. Akhir sekali, bab ini telah memperlihatkan karya-karya berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan pencapaian akademik pelajar dan perbincangan telah dibahagikan kepada lima bahagian iaitu pengetua, guru, pelajar, ibu bapa/penjaga dan kemudahan sekolah.


## BAB 3

### KAEDAH KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan tentang kaedah kajian yang terdiri daripada pemilihan sampel, instrumen yang digunakan, prosedur kajian dan analisis data. Rekabentuk kajian ini ialah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

**Jadual 3.1 : Rekabentuk Kajian**



### 3.2 Populasi dan Sampel

Tujuan kajian ialah mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan pencapaian akademik sekolah-sekolah di luar bandar. Daerah yang dipilih ialah Kubang Pasu, Kedah. Jumlah sekolah menengah yang terdapat di daerah ini ialah 15 buah semuanya (1995). Lapan buah sekolah dikategorikan sebagai dalam kawasan bandar dan tujuh buah sekolah dalam kawasan luar bandar. Sekolah-sekolah yang terletak di luar bandar ialah: Sekolah Menengah Air Hitam; Sekolah Tunku Bendahara; Sekolah Menengah Megat Dewa; Sekolah Menengah Permatang Bonglai; Sekolah Menengah Alor Biak; Sekolah Menengah Bukit Kayu Hitam; dan, Sekolah Menengah Sanglang.

Penyelidik hanya memilih empat daripada tujuh buah sekolah yang telah disenaraikan untuk dikaji. Sekolah-sekolah yang dipilih memenuhi kriteria-kriteria berikut: Sekolah harian bantuan kerajaan; Sekolah bercampur lelaki dan perempuan; Dua sekolah efektif (SE) dan dua sekolah kurang efektif (SKE) diukur daripada keputusan SPM 1993 dan 1994 (Jadual 3.2); Sekolah-sekolah yang dipilih disebut sekolah A,B,C dan D; dan, Populasi sekolah hampir sama, sekolah A dan B mempunyai populasi lebih 1,000 pelajar sekolah C dan D mempunyai populasi kurang 500 pelajar (Jadual 3.3).

Responden yang ditemubual terdiri daripada 4 orang pengetua, 24 orang guru terdiri daripada 4 orang penolong kanan, dan 20 orang guru biasa yang dipilih daripada guru yang mengajar Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah. Guru-guru ini dipilih kerana penyelidik ingin mendapat maklumat daripada sudut pandangan yang berbeza. Oleh kerana pelajar ramai dan penyelidik kekurangan masa dan wang, maka penyelidik tidak dapat menemubual semua. Oleh itu, 20 pelajar dipilih secara rawak untuk menjawab beberapa soalan tentang pengetua, guru dan ibu bapa/penjaga mereka. Pelajar-pelajar juga ditemubual tentang tujuan mereka datang ke sekolah serta masalah yang mereka hadapi yang dapat menjejaskan pengurusan pencapaian akademik mereka. Penyelidik juga tidak dapat menemubual semua ibu bapa. Jadi ibu bapa yang ditemubual adalah mereka yang penyelidik berkesempatan bertemu sahaja.

**Jadua13.2**  
**Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)**

Sekolah	Tahun	Peratus Lulus
A (E)	1993	68.30
	1994	61.70
B (KE)	1993	59.10
	1994	47.90
C (E)	1993	70.40
	1994	56.50
D (KE)	1993	60.96
	1994	52.50

\* E - Efektif KE - Kurang Efektif

**Jadua13.3**

**Maklumat Asas Empat Sekolah Di Luar Badar 1995**

Sekolah	Bilangan Pelajar Tkt. IV	Jumlah Pelajar	Bilangan Guru-guru Bukan Siswazah	Bilangan Guru-guru Siswazah	Jumlah
A (E)	206	1601	39	54	93
B (KE)	143	1163	24	36	64
C (E)	83	451	10	19	29
D (KE)	48	363	13	11	24

\* E – Efektif  
KE – Kurang Efektif

**3.3 Instrumen Kajian**

Instrumen berikut telah digunakan untuk kajian ini.

**3.3.1 Temubual**

Penyelidik menggunakan kaedah ini di dalam proses memperolehi maklumat secara langsung atau data primer daripada subjek.

Temubual ini digunakan untuk memperolehi maklumat berkenaan fakta dan perasaan untuk mencapai objektif penyelidikan. Mengikut **Mohd Majid Konting (1993)** temubual merupakan kaedah yang sangat praktikal digunakan untuk mendapatkan maklumat tepat.

Mengikut **Warwick dan Lininger (1990)**, temubual memberi peluang kepada penyelidik mendapat maklumat tentang orang perseorangan, tempat, benda, kejadian atau idea secara terus dan orang-orang tertentu. Mereka juga menerangkan tentang keesahan maklumat dari temubual.

**Reliability is not an unreachable goal. If the interviewer provides a trusting and supportive atmosphere, respondent will tend to be open and honest.**

**(m.s.15)**

Responden akan bersedia memberi jawapan yang jujur dan terbuka sekiranya terjalin suasana percaya mempercayai antara kedua pihak.

Mereka menambah;

**If the interviewer is interested in the study, enthusiastic about his or her work, and likes the respondent, these feelings will usually be communicated to the respondent with positive effects on the latter participation.**

**(m.s. 15)**

Ini bermakna mereka berpendapat teknik temubual sesuai untuk pengutipan data kerana perjumpaan yang bersemuka dapat mengelakkan kecurigaan atau kekaburan responden tentang objektif dan tujuan kajian. Teknik ini dianggap baik kerana adanya ciri-ciri berikut: Temubual lebih fleksibel daripada soal selidik; dapat mencungkil jawapan daripada responden agar mereka menghuraikannya dengan panjang lebar; dan, Penemubual boleh merangka temubual tersebut mengikut kesesuaian orang yang ditemubual, dan boleh menggunakan isyarat lisan atau isyarat tanpa bahasa (Syahrom, 1990).

Sebelum temubual dijalankan, penyelidik memastikan butir-butir soalan dibentuk (Lampiran 1). Ini dapat memandu penemubual merangsang maklumat yang diperlukan. Garis panduan temubual dengan pengetua, guru, pelajar dan ibu bapa meliputi aspek-aspek berikut: latar belakang, pentadbiran, kurikulum, kokurikulum, disiplin, dan ibu bapa/penjaga.

Aspek-aspek yang disoal adalah berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan pengurusan pencapaian akademik pelajar di luar bandar. Penyelidik mengharapkan ketetapan dan kejujuran jawapan

daripada responden. Data primer yang diperolehi direkodkan. Seterusnya jawapan diproses, dianalisis dan ditafsirkan.

### **3.3.2 Pemerhatian**

Kaedah ini juga merupakan satu daripada alat mengukur pembolehubah pendidikan. Pemerhatian dijalankan secara berstruktur kerana penyelidik telah mengenalpasti terlebih dahulu pembolehubah yang hendak diperhatikan iaitu aspek fizikal sekolah yang termasuk: lokasi, keceriaan, dan kemudahan sekolah.

Secara sistematik penyelidik memerhati dan merekodkan maklumat berdasarkan kepada pembolehubah yang dikenalpasti. Pemerhatian bermula sebaik sahaja pengkaji menjejak kaki masuk ke kawasan sekolah. Pemerhatian berfokus kepada persekitaran sekolah termasuk bilik guru, kantin sekolah, makmal sains dan pusat sumber.

Penyelidik juga memerhati iklim bilik darjah untuk melihat sikap pelajar di dalam kelas dan interaksi mereka sesama sendiri dan bersama guru.

### **3.4 Prosedur Kajian**

Sebelum menjalankan kajian ke sekolah-sekolah, penyelidik perlu mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia. Dengan itu dua set cadangan kajian dikemukakan kepada EPRD. Setelah mendapat kebenaran, satu salinan surat daripada EPRD dihantarkan kepada Jabatan Pendidikan Kedah (JPNK). Dengan itu, JPNK memberi kebenaran kepada penyelidik mendapatkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 1993 dan 1994 bagi sekolah-sekolah di Daerah Kubang Pasu. Penyelidik seterusnya meminta kebenaran daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kubang Pasu untuk membuat kajian ke atas sekolah-sekolah di Daerah itu. Setelah kebenaran diperolehi daripada PPD, kajian di sekolah-sekolah yang dipilih dijalankan pada bulan Julai.

Penyelidik memulakan kajian dengan menghubungi pengetua sekolah-sekolah berkenaan dan menetapkan tarikh mengadakan kajian. Penyelidik mengambil masa 3 – 4 hari untuk mengumpul data di tiap-tiap sekolah. Temubual dengan seorang responden mengambil masa empat puluh minit. Tiap-tiap responden memberi kerjasama yang positif dan menggalakkan. Selain daripada pengetua, penyelidik juga menemubual guru-guru, pelajar dan ibu bapa. Temubual dijalankan dalam situasi dan suasana yang bersahaja dan selesa.

### 3.5 Analisis Data

Data Primer yang telah diperolehi melalui temubual, pemerhatian dan pengamatan dianalisis untuk memenuhi tujuan kajian. Data yang dipungut dianalisis secara diskriptif dan bersifat kualitatif.

Data Sekunder juga diambil dan dikumpul dari bahan-bahan rujukan iaitu sumber-sumber bertulis yang diterbitkan dan yang tidak diterbitkan. Data Sekunder digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang lima faktor yang mempengaruhi pengurusan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar yang dikaji. Kelima-lima faktor itu ialah pengetua, guru, pelajar, ibu bapa, dan kemudahan sekolah.

### 3.6 Batasan Kajian

Keputusan kajian yang diperolehi bukanlah sesuatu yang mutlak kerana kajian ini mempunyai beberapa batasan seperti kata **Kerlinger (1973)** bahawa terdapat beberapa kelemahan apabila kajian 'expost facto' dijalankan. Iaitu sekiranya kajian dibuat tentang hubungan pembolehubah-pembolehubah yang sedia ada pada individu-individu yang dikaji, pengkaji akan terikat dengan kajian ini dan masalah-masalahnya. Jadi pengkaji tidak dapat memanipulasikan pembolehubah-

pembolehubah dengan cekap dan dapatan tidak dapat diinterpretasikan dengan sempurna.

Kajian kes ini hanya dilakukan ke atas 4 buah sekolah menengah di Daerah Kubang Pasu Kedah. Sekolah-sekolah ini terdiri daripada sekolah menengah biasa yang mendapat bantuan penuh kerajaan. Saiz sampelnya kecil kerana ini merupakan penyelidikan terhadap 4 orang pengetua, 20 orang ibu bapa/penjaga, 20 orang pelajar dan 24 orang guru sahaja. Penyelidik tidak dapat menemui lebih ramai pelajar dan ibu bapa/penjaga kerana kesuntukan masa dan wang. Oleh itu sebab itu adalah sukar untuk membuat kesimpulan-kesimpulan menyeluruh berdasarkan dapatan kajian ini. Tambahan lagi kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung kepada kejujuran jawapan diberikan oleh responden.

Pendekatan ini memerlukan lawatan, pemerhatian dan temubual yang memerlukan masa yang lebih lama di sesebuah sekolah misalnya seminggu berbanding dengan hanya tiga hari dalam kajian ini. Jadi penyelidik tidak dapat mengesan aspek-aspek fakta yang lebih banyak dan tidak dapat menemui lebih ramai guru, pelajar dan ibu bapa. Jadi penyelidik tidak mendapat gambaran yang lebih jelas, masa yang lebih diperlukan.

Didapati sukar bagi penyelidik mengkaji iklim sekolah yang merupakan sesuatu entiti yang kompleks yang dipengaruhi oleh berbagai-bagai pembolehubah. Iklim sekolah juga tidak dapat diukur secara objektif, oleh itu penyelidik terpaksa menggunakan kaedah subjektif yang ada batasannya.

Adalah diharapkan kajian ini akan dapat memberikan input secara kualitatif tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan pencapaian akademik sekolah di luar bandar khususnya masalah pokok tentangnya. Kajian selanjutnya adalah perlu untuk mengetahui keadaan sebenar di sekolah-sekolah yang lain. Kajian mendalam untuk mengesan isu-isu dan masalah-masalah sebanyak mungkin serta cuba mengenalpasti sebab-sebab dan puncanya. Ini dapat digunakan sebagai asas pembentukan strategi mempertingkatkan pengurusan pencapaian akademik yang menyeluruh.

### **3.7 Definisi Operasional**

#### **Pengurusan**

Wan Mohd Zahid (1988) mentakrifkan pengurusan sebagai, pertama; pengurusan bererti menentukan matlamat. Ini adalah kerana matlamat memberi arah dan haluan kepada organisasi dan anggota di dalamnya. Kedua; pengurusan bererti perancangan iaitu merancang bagaimana matlamat yang telah ditentukan dapat

dicapai. Ketiga; pengurusan bererti menyelenggarakan sumber-sumber yang ada dengan cara yang berkesan sumber-sumber dalam organisasi ialah tenaga manusia dan masa sumber-sumber ini hendaklah diselenggarakan dengan baik kerana ia boleh meningkatkan produktiviti. Keempat; pengurusan bererti mengawal proses untuk mencapai matlamat organisasi. Kelima; pengurusan bererti meletakkan piawai tertentu untuk mengawal mutu. Aspek ini penting bagi menilai segala aspek yang berlaku di dalam organisasi, baik dari segi kerja yang dilakukan oleh anggota-anggota organisasi iaitu pengetua dan guru, mahupun dari mutu pengeluaran yang dihasilkan iaitu pelajar. Kelima-lima aspek pengurusan ini bergantung antara satu sama lain. Pengurusan juga merupakan sebahagian daripada kebertanggungjawaban terhadap kesejahteraan manusia. Oleh itu pengurusan perlulah dihayati dan direalisasikan pada semua peringkat (Kementerian Pendidikan Malaysia (1989)).

### **Pencapaian**

Merujuk kepada prestasi akademik seseorang pelajar sekolah dan ia diperolehi bukan hanya berasaskan kepada kecerdasan tetapi ia juga bergantung kepada usaha-usaha keupayaan dan teknik mengulangkaji pelajaran **Kerlinger (1973)** mendefinisikan pencapaian sebagai skor atau gred yang dicapai oleh pelajar dalam satu ujian atau peperiksaan yang piawai. Ia juga boleh berdasarkan penilaian guru

terhadap prestasi pelajar di dalam kelas. Secara operasionalnya, pencapaian dalam kajian ini adalah merujuk kepada keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menurut **Katz (1966)** sikap adalah sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu di dalam memberi nilai terhadap sesuatu objek atau apa juga yang disukai atau sebaliknya. Seterusnya sikap adalah sesuatu yang terhasil daripada perasaan. Kepercayaan atau pemikiran seseorang terhadap objek psikologi.

**Hurlock (1974)** menekankan bahawa sikap kanak-kanak terhadap pendidikan sebenarnya mempunyai hubungan yang kuat dengan pencapaian akademik. Pelajar yang mempunyai sikap yang positif dan baik terhadap pendidikan biasanya mempunyai kesanggupan belajar dengan bersungguh-sungguh dan dapat menyesuaikan diri dengan baik di sekolah berbandin pelajar-pelajar yang bersikap negatif terhadap sekolah, berkecenderungan untuk gagal dalam kegiatan akademik mereka.

### **Latar Belakang Sosial**

Latar belakang sosial dirujuk kepada taraf sosio ekonomi (SES). **Marimuthu (1983)** menyatakan SES merujuk kepada pekerjaan, pendapatan dan tahap pendidikan bapa atau ketua keluarga. **Sharifah Alwiah Alsagoff (1905)** berkata ukuran status sosial yang mengambilkira fakta-fakta sosial seperti latar belakang

pendidikan, tempat tinggal dan pendapatan. Dalam kajian ini SES keluarga bermaksud sebagai kedudukan seseorang berbanding dengan orang lain yang dinilai dari segi pekerjaan, pendidikan ketua keluarga dan pendapatan keluarga.

### **Sekolah Bandar**

Sekolah bandar ialah sekolah yang terletak di dalam kawasan Majlis Perbandaran yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia seperti yang tercatat dalam Borang Perangkaan Rekod Sekolah. Mengikut banci tahunan di Malaysia, kawasan bandar telah didefinisikan seperti berikut "semua tempat yang diwartakan berukuran 1,000 ekar atau lebih dimana penduduknya mesti melebihi 10,00 orang" (Jabatan Perangkaan Malaysia - Laporan Am Banci Penduduk Malaysia, 1970)

### **Sekolah Luar Bandar**

Sekolah luar bandar ialah sekolah yang terletak di luar kawasan Majlis Perbandaran dan telah ditetapkan oleh Bahagian Pembangunan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagaimana yang tercatat dalam borang Perangkaan Rekod Sekolah. Mengikut banci tahunan di Malaysia, kawasan luar bandar didefinisikan sebagai, semua tempat-tempat yang diwartakan berukuran kurang daripada 1,000

ekar di mana penduduknya di bawah 10,00 orang (**Jabatan Perangkaan Malaysia - Laporan Am Banci Penduduk Malaysia, 1970**).

### **3.8 Rumusan**

Keseluruhan Bab ini telah membincangkan tentang kaedah kajian yang meliputi populasi dan sampel, instrumen kajian termasuk temubual dan pemerhatian, serta prosedur kajian. Data akan dianalisis secara deskriptif dan bersifat kualitatif mengambil kira data primer dan data sekunder. Penyelidik juga telah menghadapi beberapa batasan semasa menjalankan kajian. Oleh kerana kesuntukan masa dan wang, maka hanya empat buah sekolah sahaja yang dipilih dan saiz sampel kajian adalah kecil. Tambahan lagi iklim sekolah merupakan sesuatu yang kompleks yang dipengaruhi oleh berbagai-bagai pembolehubah. Oleh itu keputusan kajian yang diperolehi bukanlah sesuatu yang mutlak. Beberapa definisi konsep utama telah diberikan. Antaranya adalah pencapaian latar belakang sosial, sekolah bandar dan sekolah luar bandar.

## **BAB 4**

### **PENEMUAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan pencapaian akademik pelajar dikenalpasti melalui analisis dan interpretasi kajian empat sekolah luar bandar yang dikaji. Data yang diperolehi dikutip melalui temubual dan pemerhatian akan dianalisis secara deskriptif dan bersifat kualitatif. Kajian ini dibuat mengikut rekabentuk kajian yang ditetapkan di dalam Bab III (Jadual 3.1).

Untuk kajian ini sekolah efektif (SE) dikategorikan sebagai sekolah A dan C dan sekolah kurang efektif (SKE) dikategorikan sebagai sekolah B dan D. Dalam mengemukakan hasil temubual, data-data yang mempunyai persamaan akan dilaporkan secara rumusan. Ini adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya pengulangan. Terdapat juga data-data yang akan dipetik dan disebut sebagai contoh. Dalam menginterpretasi data, penyelidik juga mengambil kira gerak laku responden yang dianggap mustahak. Hasil kajian juga tertumpu kepada data demografi dan data-data yang berkaitan dengan pembolehubah-pembolehubah yang dibincangkan dalam rekabentuk kajian di dalam Bab III (Jadual 3.1) iaitu faktor-faktor pengetua, guru, pelajar, ibu bapa/penjaga, dan kemudahan sekolah.

## 4.2 Pengetua

Tumpuan temubual dengan 4 orang pengetua daripada sekolah yang dikaji adalah untuk menyelidik tentang kewibawaan, harapan dan strategi yang dibuat serta peranan, kuasa, beban tugas dan stail pengurusan mereka secara umum. Seterusnya untuk mendapat maklumat tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan pencapaian akademik pelajar. Di dapati keempat-empat sekolah mempunyai pengetua-pengetua lelaki untuk mentadbir dan mengurus sekolah masing-masing. Berikut adalah butir-butir diri pengetua.

**Jadual 4.1 : Taburan Pengetua Mengikut Umur**

Umur	Bilangan Pengetua			
	SE		SKE	
	A	C	B	D
40 - 45 tahun	-	-	1	1
45 - 50 tahun	1	1	-	-
Jumlah	1	1	1	1

Jadual 4.1 menunjukkan taburan pengetua mengikut umur. Daripada 4 pengetua daripada SE dan SKE yang ditemubual, didapati pengetua-pengetua SE berumur 45 – 50 tahun. Ini menunjukkan pengetua-pengetua daripada SE lebih berumur berbanding pengetua-pengetua SKE.

**Jaduai 4.2 : Taburan Pengetua Mengikut Tempoh Pengalaman**

Pengetua	Tempoh Pengalaman		
	Dalam Profesion	Bilangan Sekolah	Sekolah Sekarang
SE (A)	10 – 15 thn	4	kurang 1 thn
SE (C)	1 – 5 thn	3	kurang 1 thn
SKE (B)	kurang 1 thn	1	kurang 1 thn
SKE (D)	kurang 1 thn	1	kurang 1 thn

Jadual 4.2 menunjukkan taburan pengetua mengikut tempoh pengalaman. Didapati Pengetua SE (A) lebih berpengalaman kerana telah menjadi pengetua selama 10 – 14 tahun dan pernah menjawat tugas itu di empat buah sekolah tetapi belum menjangkau satu tahun di sekolah sekarang. Pengetua SE (C) juga berpengalaman kerana menjadi pengetua selama 1 – 5 tahun dan pernah menjawat tugas itu di tiga buah sekolah. Pengetua-pengetua SKE (B) dan (D) merupakan pengetua-pengetua yang baru dilantik dan sekolah sekarang adalah sekolah pertama mereka. Pengalaman mereka sebagai pengetua belum menjangkau

setahun. Secara perbandingan pengetua-pengetua SE lebih berpengalaman daripada pengetua-pengetua SKE.

Berkenaan dengan objektif sekolah, semua pengetua mementingkan objektif akademik iaitu mencapai pendidikan berkualiti. Ini bermakna pendidikan cemerlang atau bermutu tinggi yang dikaitkan dengan kejayaan pelajar dalam bidang akademik. Dapatan ini menyokong pendapat **Hussein Mahmood (1993)** yang mengatakan isu kecemerlangan ini penting dan menjadi fokus kepada pentadbir dan para pendidik. Selain daripada itu sekolah juga bertujuan untuk membentuk dan mengubah tingkah laku pelajar ke arah yang dikehendaki iaitu selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (**Kementerian Pendidikan Malaysia, 1986**). Mereka berharap dapat menghasilkan manusia yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Semua guru, pelajar dan ibu bapa/penjaga yang ditemubual berkata bahawa pengetua mereka pentingkan kejayaan akademik dan ingin menghasilkan pelajar yang berilmu pengetahuan, bertanggungjawab dan baik akhlaknya. Ini adalah usaha pihak sekolah untuk mencapai matlamat membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara yang maju pada tahun 2020.

Untuk mencapai Wawasan 2020, pengetua bertungkus lumus mencari jalan untuk memajukan pengurusan akademik pelajar diluar bandar. Pengetua juga merancang

melaksanakan pelbagai strategi untuk memastikan pencapaian para pelajarnya meningkat dan seterusnya membolehkan matlamat sekolah dicapai. Sekolah yang efektif selalunya mengenalpasti masalah dan gejala yang ada di sekolah dan seterusnya merancang strategi. Antara strategi yang diberikan oleh pengetua SE (A) adalah: kursus motivasi kepada pelajar-pelajar; sistem mentor mentee; kursus dalaman untuk mempertingkatkan budaya ilmu; dan, program pemuafakatan untuk peningkatan akademik.

Pengetua SE (C) pula menyenaraikan strategi berikut: mempertingkatkan pengurusan akademik melalui pelunjuran-pelunjuran seperti rancangan jangka panjang 5 tahun program pembangunan sekolah; mewujudkan keadaan sekolah yang ceria; dan memperbanyak kemudahan-kemudahan sekadar kemampuan sekolah.

Pengetua SKE (B) pula menyenaraikan strategi berikut: kursus motivasi dalam pengurusan pencapaian akademik pelajar; mengadakan program bimbingan dan kaunseling; mengadakan kelas-kelas persediaan peperiksaan; dan, mengadakan ceramah-ceramah kerjaya.

Menurut pengetua SKE, oleh kerana mereka kurang berpengalaman, mereka memerlukan bimbingan profesional dan moral daripada Jabatan Pendidikan untuk memberi teguran tentang pengurusan strategi yang dirancang. Oleh kerana sekolah mereka jauh dari bandar, maka mereka kekurangan sokongan moral yang dapat dirasakan oleh sekolah-sekolah pencapaian tinggi yang terletak berdekatan dengan bandar.

Pada pendapat guru, setakat ini semua strategi dan program yang dilancarkan mendapat sambutan daripada ibu bapa dan pelajar. Oleh itu pihak sekolah dapat mempertahankan prestasi akademik pelajar. SE ini dikatakan berjaya dalam mengadakan inovasi pendidikan berkemungkinan kerana mendapat sokongan dan persetujuan penuh daripada semua pihak (**Wyant, et al 1980**). Ini adalah kerana guru-guru dan ibu bapa diberi peluang oleh pengetua mengambil bahagian dalam merancang dan menetapkan objektif yang hendak dicapai oleh sekolah. Mengikut **Chase (1951)** kepimpinan pengetua yang mengutamakan tugas dan bimbingan memberi kepuasan kepada guru-guru. Guru-guru akan merasa yakin tentang kebolehan mereka mempengaruhi kepercayaan pelajar.

Mengikut pengetua-pengetua SKE, mereka juga menggunakan beberapa strategi bagi membolehkan matlamat sekolah dicapai. Strategi yang digunakan ialah: motivasi dalam pengurusan pencapaian prestasi pelajar; meningkatkan program

birnbingan dan kaunseling; mengadakan kelas-kelas persediaan peperiksaan; ceramah-ceramah akademik dan kerjaya; meningkatkan keceriaan sekolah; dan, baik pulih keadaan fizikal sekolah.

Guru-guru SKE juga menyenaraikan strategi yang agak sama dan berpendapat strategi-strategi diatur oleh pengetua dapat mempertingkatkan pengurusan pencapaian akademik pelajar. Enam daripada sepuluh orang guru yang ditemubual berkata ada strategi yang tidak dapat dilaksanakan kerana sambutan daripada pelajar tidak memuaskan.

Mengikut pelajar ketidakhadiran mereka adalah disebabkan arahan-arahan yang diberikan kurang jelas. Oleh itu usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak sekolah kadangkala gagal. **Wideen dan Andrew (1984)** memberi pandangan bahawa setiap program yang dijalankan perlu dikomunikasikan dengan jelas kepada semua pihak.

Hasil temubual dengan pelajar tentang strategi yang dilaksanakan di SKE menunjukkan bahawa strategi yang dijalankan di sekolah seperti program motivasi, kelas-kelas tambahan dan kelas belajar cara belajar perlu melibatkan semua tingkatan dan bukan sahaja tingkatan-tingkatan yang akan menduduki peperiksaan. Pelajar menambah, mereka di tingkatan 4 berasa pelajar-pelajar perlu didedahkan lebih awal dengan program sekolah supaya mereka mendapat

kesedaran dengan lebih awal tentang betapa pentingnya mencapai kejayaan cemerlang.

Semua pengetua memperturunkan kuasa mereka kepada guru-guru supaya melibatkan guru-guru dalam pengurusan sekolah. **Al Ramaiah (1992)** berkata pengetua-pengetua hari ini terpaksa berbuat demikian kerana peranan pengetua-pengetua sebagai pengurus sekarang ini bertambah kompleks dan sukar serta berubah dari masa ke masa. Guru-guru SE (A) yang terlibat ialah: Guru Penolong Kanan (Pentadbiran); Guru Penolong Kanan (Hal Ehwal Murid); Guru Disiplin; Ketua-Ketua Panitia; dan, Ketua kelas kokurikulum.

Pengetua SE (A) menambah bahawa senarai tugas guru-guru disediakan dalam buku khas agar guru-guru menyedari dan memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing. Bagi pelaksanaan jadual waktu anjal, beberapa guru dilantik untuk melaksanakannya. Jadual waktu ini baru tiga minggu dilaksanakan, oleh itu keberkesananmya belum dapat dipastikan. Pengetua SE (C) pula memberi peluang guru-guru sekolahnya untuk: mengajar mengikut kaedah yang difikirkan sesuai; membuat keputusan tentang pelaksanaan program keceriaan sekolah; dan, mengendalikan masalah disiplin tanpa bertangguh-tangguh.

Pengetua SKE (B) pula memperturunkan beberapa tugas kepada: empat orang ketua bidang untuk menguruskan subjek Vokasional dan Teknologi, Sains, Bahasa dan Kemanusiaan; dan, Setiausaha peperiksaan untuk menguruskan penjadualan dan tugas peperiksaan dalaman.

Pengetua SKE (D) pula mempertnrunkan tugas–tugas berikut: pengurusan akademik dan penjadualan; pengurusan disiplin sekolah; motivasi dan bimbingan pelajar; dan, pengurusan kokurikulum.

Kedua-dua pengetua SKE membenarkan guru-guru membuat perancangan dan melaksanakan tugas serta dibenarkan membuat keputusan dalam perkara yang disebutkan tetapi perlu meminta nasihat pengetua di mana perlu. Guru-guru berpendapat tindakan pengetua memperturunkan kuasa kepada guru adalah digalakkan kerana seseorang pengetua tidak akan dapat melaksanakan semua strategi yang dirancang sendiri (**Hall dan Hard, 1987**). Tambahan lagi peranan pengetua bertambah kompleks dan sukar. Pengetua hari ini perlu melibatkan diri dalam pengajaran serta memberikan perhatian yang lebih kepada hal-hal pengurusan sekolah. **Othman (1979)** pula berpendapat penurunan kuasa baik kerana pada umumnya pengetua sebagai ketua eksekutif sekolah tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup untuk memberi tunjuk ajar dan arahan yang bersifat profesional kepada semua guru. Ibu bapa/penjaga yang

ditemubual menambah pengetua perlu memperturunkan tugas kerana saiz sekolah yang bertambah besar dengan peningkatan bilangan pelajar dan perkembangan sistem pendidikan yang pesat menjadikan pengurusan sekolah bertambah sukar. Peranan pengetua juga turut berubah bersesuaian dengan perubahan saiz sekolah. Pengetua juga mengalami kekangan peraturan-peraturan yang dipengaruhi oleh ibu bapa/penjaga dan orang awam. Mengikut **Hill, et al. (1980)** pengetua tidak dapat mengawal jadual kerja sendiri sepenuhnya. Oleh itu, pengurus yang baik mendelegasikan tanggungjawab kepada kakitangan lain sekiranya boleh.

Pelajar-pelajar juga mengakui bahawa guru-guru diberi tugas mentadbir yang spesifik. Tujuan agihan tugas ini adalah untuk meringankan tugas pengetua dan menolong pengetua mengurus sekolah agar segala strategi yang dirancangan berjalan lancar. Cara ini juga dapat mempertingkatkan pengurusan pencapaian akademik pelajar. Dapatan ini selaras dengan dapatan oleh **Slater (1992)** yang mengatakan pengetua merupakan orang yang paling penting dalam organisasi sekolah dan guru yang berpengalaman dilibatkan dalam pengurusan sekolah.

Kebanyakan guru dari SE dan SKE berpendapat pengetua-pengetua mereka membebankan guru yang rajin dan berpengalaman dengan kerja dan tanggungjawab yang terlalu berat. Inilah yang dapat menjejaskan pengajaran dan pembelajaran kerana terdapat guru-guru yang terlalu sibuk dengan tugas-tugas

yang lain daripada mengajar. Pelajar dan ibu bapa/penjaga juga menyokong dapatan ini. Mereka mengatakan pengetua memberi tugas yang banyak kepada sesetengah guru sehinggalah guru tidak dapat ke kelas untuk mengajar. Ini dapat menjejaskan pengajaran dan pembelajaran kerana ramai guru tidak masuk kelas kerana terpaksa menjalankan kerja-kerja lain seperti menghias dewan untuk hari penyampaian hadiah dan menguruskan persediaan alatan dan padang untuk hari sukan.

Tentang kewibawaan mereka sebagai pengetua, semua pengetua mencuba sedaya upaya menjadi seorang pentadbir, pengurus dan pemimpin yang dapat mencapai matlamat sekolah khasnya dan matlamat negara amnya. Mereka mengakui yang pengetua memainkan peranan untuk memberi perkhidmatan bimbingan dan nasihat kepada guru, pelajar dan staf sokongan dalam hal-hal yang berkaitan dengan tugas dan peranan masing-masing (**Yap dan Fernandez 1985**). Mereka juga cuba mempengaruhi aktiviti yang dijalankan oleh guru, pelajar, staf sokongan dan ibu bapa/penjaga ke arah pencapaian matlamat sekolah (**Stodgill, 1959**). Pengetua-pengetua juga cuba memberi inspirasi kepada orang lain supaya berusaha secara sukarela ke arah mempertingkatkan pengurusan pencapaian akademik pelajar (**Fuller, 1987**).

Pengetua SE bersyukur kerana mereka mempunyai pengalaman untuk membimbing sekolah mencapai kejayaan. Mereka telah mengikuti berbagai-bagai kursus keilmuan dan pengurusan yang diadakan oleh Institut Aminudin Baki. Di antara kursus yang mereka ikuti ialah Kursus Pengurusan Pelajar dan Kursus Pengurusan Kualiti. Pengetua SKE bersetuju bahawa pengalaman merupakan faktor penting bagi seseorang pengetua. Dengan pengalaman yang luas seseorang pengetua mempunyai visi yang jelas tentang apa yang dia perlu laksanakan **(Koster, 1994)**. Oleh kerana keempat-empat pengetua baharu sahaja ditukarkan ke sekolah masing-masing, mereka mengaku bahawa mereka terpaksa memahami iklim sekolah, guru-guru, pelajar dan masyarakat luar bandar sebelum merancang sesuatu untuk mempertingkatkan pencapaian akademik sekolah.

Guru-guru dan pelajar SE menganggap pengetua sekolah mereka sebagai seorang yang mempunyai daya kepimpinan untuk mengurus kerana beliau adalah seorang pengetua yang berpengalaman. Kesemua guru sekolah A berkata pengetua mereka bersedia mendengar pendapat yang diberikan dan menganalisa masalah yang dikemukakan dan memberikan pertimbangan yang wajar. Kadang-kadang beliau terlalu serius. Oleh itu susah bagi guru-guru memahaminya. Semua guru SE berkata pengetua sekolah mereka seorang yang tegas dan seorang pemimpin yang berwibawa dan begitu bersungguh-sungguh ingin memajukan sekolah. Beliau berjaya menguruskan sekolah dengan baik kerana bilangan guru dan pelajar kecil.

Kesemua guru dan pelajar SKE menganggap pengetua mereka sebagai bertimbang rasa dan sentiasa peka kepada perasaan orang lain. Oleh kerana sekolah ini merupakan sekolah pertama mereka menjadi pengetua, mereka kekurangan pengalaman bagaimana menguruskan sekolah dan hal ehwal pelajar.

Ibu bapa yang ditemubual tidak dapat memberi pendapat tentang pengetua-pengetua anak mereka tetapi masing-masing berkata pengetua merupakan orang yang paling penting dalam organisasi pendidikan. Mereka percaya pengetua yang dapat memberikan kejayaan sesebuah sekolah. Dapatan ini menyokong pendapat **Campbell, et al. (1983)** yang berkata adalah tanggungjawab pengetua untuk mewujudkan serta mengekalkan suasana yang sesuai untuk pembelajaran.

Kesemua pengetua, guru-guru, pelajar-pelajar, ibu bapa percaya bahawa kestabilan pengetua penting untuk kesinambungan dan kelicinan pelajar-pelajar sekolah. Pengetua sekolah SE (C) berkata seseorang pengetua perlu berada di sesebuah sekolah itu sekurang-kurangnya 5 tahun kerana jangkamasa seseorang pengetua dapat memupuk identiti dan objektif yang konsisten.

Kesimpulannya adalah, semua guru, pelajar dan ibu bapa/penjaga menganggap pengetua sekolah berwibawa dan mempunyai daya kepimpinan untuk mentadbir, mengurus dan memimpin orang-orang dalam organisasi sekolah ke arah

pencapaian matlamat organisasi. Hanya guru-guru SKE berpendapat pengetua sekolah mereka memerlukan pengalaman untuk melaksanakan semua strategi yang dirancangan dengan lebih berkesan. Pada pendapat mereka seseorang pengetua itu perlu berada di sesebuah sekolah sekurang-kurang 5 tahun untuk membolehkannya mempertingkatkan pengurusan pencapaian akademik pelajar.

### **4.3 Guru**

Guru-guru SE dan SKE yang ditemubual terdiri daripada 4 orang guru penolong kanan dan 20 orang guru biasa. Guru-guru yang dipilih terdiri daripada guru-guru Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah dan Sains. Pengkaji sengaja memilih guru-guru mata pelajaran tersebut sebab ingin mendapat maklumat tentang faktor-faktor yang dikaji dari sudut pandangan guru-guru yang mengajar mata pelajaran berkenaan. Berikut ialah butir-butir diri guru.

**Jadua14.3 : Taburan Guru Mengikut Umur**

Umur	Bilangan Guru			
	SE		SKE	
	A	C	B	D
Kurang 25 tahun	—	—	—	1
25 – 29 tahun	1	1	4	3
30 – 34 tahun	1	3	1	1
35 – 38 tahun	3	1	—	—
Lebih 39 tahun	1	1	1	1
Jumlah	6	6	6	6

Jadual 4.3 menunjukkan taburan guru mengikut umur. Daripada 12 orang guru SE yang ditemubual, didapati ~~orang~~ ~~berumur~~ 25 – 29 tahun, 4 orang berumur 30 – 34 tahun, ~~orang~~ ~~berumur~~ 35 – 38 tahun dan 2 orang berumur lebih 39 tahun. Daripada 12 orang guru SKE, seorang guru berumur kurang daripada 25 tahun, 7 orang berumur 25 – 29 tahun, 2 orang berumur lebih 39 tahun. Ini menunjukkan guru-guru SKE lebih muda berbanding guru-guru SE.

**Jadual 4.4: Taburan Guru Mengikut Tempat Lahir**

Tempat Lahir	Bilangan Guru			
	SE		SKE	
	A	C	B	D
Tempatan	5	4	3	4
Bukan Tempatan	1	2	3	2
Jumlah	6	6	6	6

Jadual 14.4 menunjukkan taburan guru mengikut tempat lahir. Daripada 12 orang guru SE yang ditemubual didapati 9 orang merupakan orang tempatan iaitu mereka dilahirkan di kawasan di mana sekolah-sekolah yang dikaji terletak. 3 orang sahaja merupakan bukan orang tempatan. Daripada 12 orang guru SKE, didapati 7 orang tempatan dan 5 orang bukan tempatan. Ini menunjukkan guru-guru SKE terdiri daripada guru yang bukan orang tempatan.

**Jadual 4.5 : Taburan Guru Mengikut Kelulusan Iktisas**

Kelulusan Ikhtisas	Bilangan Guru			
	SE		SKE	
	A	C	B	D
Maktab Perguruan	2	2	3	3
Diploma Pendidikan	1	2	2	2
Bachelor Pendidikan	3	2	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>

Jadual 14.5 menunjukkan taburan guru mengikut kelulusan ikhtisas. Daripada 12 orang guru SE yang ditemubual, didapati 4 orang guru SE berkelulusan Maktab Perguruan, 3 orang berkelulusan Diploma Pendidikan dan 3 orang berkelulusan Bachelor Pendidikan. Daripada 12 orang guru SKE, didapati 6 orang guru berkelulusan Maktab Perguruan, 4 orang berkelulusan Diploma Pendidikan dan

2 orang berkelulusan Bachelo Pendidikan. Ini menunjukkan lebih ramai guru-guru SE yang berkelulusan tinggi berbanding SKE.

**Jadua14.6 : Taburan Guru Mengikut Tempoh Pengalaman Mengajar**

Tahun	Bilangan Guru			
	SE		SKE	
	A	C	B	D
Kurang 1 tahun	—	—	—	1
1 – 4 tahun	1	2	4	4
5 – 9 tahun	1	2	1	—
10 – 14 tahun	3	1	—	—
Lebih 15 tahun	1	1	1	1
Jumlah	6	6	6	6

Jadual 4.6 menunjukkan taburan guru mengikut tempoh pengalaman mengajar. Daripada 12 orang guru SE yang ditemubual, didapati 3 orang guru yang mempunyai pengalaman mengajar 1 – 4 tahun, 3 orang mempunyai pengalaman mengajar 3 – 9 tahun, 4 orang mempunyai pengalaman mengajar 10 – 14 tahun dan dua orang mempunyai pengalaman mengajar lebih 15 tahun. Daripada 12 orang guru SKE, didapati seorang guru baru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang 1 tahun, 8 orang mempunyai pengalaman mengajar 1 – 4 tahun, seorang mempunyai pengalaman mengajar 5 – 9 tahun, dan dua orang mempunyai

pengalaman mengajar lebih 15 tahun. Ini menunjukkan guru-guru SE lebih berpengalaman berbanding SKE.

Hasil temubual dengan pengetua-pengetua dan guru-guru tentang perbezaan pengajaran dan pembelajaran antara guru siswazah dan bukan siswazah dalam pengurusan pencapaian akademik pelajar menunjukkan tidak ada perbezaan. Mengikut pengetua SKE (B), semua guru bekerja keras mendidik dan mengurus hal ehwal pelajar agar mereka mencapai matlamat diri sendiri dan juga sekolah. Kesemua pengetua sependapat dengan pengetua SKE (B) dan pengetua SE (A) menambah bahawa sama ada guru itu siswazah atau bukan siswazah adalah tidak penting. Apa yang penting ialah komitmen guru dalam menjalankan tugas. Dapatan ini menyokong pendapat **Vulliamy (1987)** yang menyatakan bahawa sekiranya guru-guru yang mengajar di luar bandar berkelayakan dan mempunyai kesanggupan menjalankan tugas dengan sempurna, maka ini akan memberi kesan yang positif atas pengurusan pencapaian akademik pelajar.

Pelajar pula beranggapan bahawa guru siswazah lebih pandai mengajar daripada bukan siswazah. Ini berkemungkinan mereka memandang tinggi kelayakan daripada Universiti. Mereka juga membuat kesimpulan sendiri bahawa guru bukan siswazah tidak cekap dan mereka tidak yakin atas kebolehan guru-guru ini. Ibu bapa yang ditemubual berpendapat sama ada guru itu siswazah atau bukan

siswazah adalah tidak penting. Mereka berkata bahawa semua guru memainkan peranan yang penting dalam pendidikan. Ini adalah kerana guru dapat mempengaruhi pihak sekolah, pelajar dan ibu bapa dalam mempertingkatkan pengurusan pencapaian.

Semua pengetua dan guru percaya bahawa pada amnya masa 40 minit yang ditetapkan bagi satu masa pengajaran dan pembelajaran adalah mencukupi kerana pelajar tidak dapat menumpukan perhatian sekiranya satu masa pengajaran dan pembelajaran itu melebihi satu jam. Kadangkala masa 40 minit tidak mencukupi kerana masa mengajar guru diganggu untuk melaksanakan kerja-kerja harian dalam kelas. Kerja yang dimaksudkan ialah mengelola pelajar membersihkan kelas, mengutip yuran, mengambil kedatangan pelajar dan mengawal disiplin. Masalah disiplin ini terpaksa diuruskan dahulu sebelum pengajaran dan pembelajaran dimulakan.

Keadaan begini berlaku di SKE dan kepada guru-guru yang baru mengajar. Mengikut guru-guru, gangguan ini boleh menyebabkan guru tidak dapat mengajar dengan sempurna dan pengajaran tidak dapat diteruskan. Rumusan yang dibuat oleh **Blase (1986)** bahawa guru-guru yang baru mengajar kurang menumpukan perhatian kepada pengajaran dan pembelajaran kerana sibuk menguruskan tingkah laku pelajar dalam kelas adalah selaras dengan dapatan pengkaji.

Para pelajar juga berpendapat masa yang diperuntukkan untuk satu masa pengajaran adalah mencukupi untuk mereka. Sekiranya lebih 40 minit mereka akan merasa bosan. Guru yang pandai dan cekap mengurus dan mengawal kelasnya akan mendapati jangkamasa ini amat sesuai. Objektif pengajaran guru pada masa itu akan tercapai. **Brookover, et al. (1979)** menyokong faktor masa ini.

Para ibu bapa percaya bahawa faktor masa tidak penting. Pada pendapat mereka guru mesti pandai menguruskan masa dengan baik supaya pengajaran bersistematik dan guru dapat menyesuaikan pengajarannya dengan tahap kebolehan pelajar dalam masa yang diperuntukkan. Pada pendapat mereka guru-guru yang berpengalaman akan dapat membuat demikian dan akan dapat mempertingkatkan pengurusan pencapaian akademik pelajar. **Tuckman (1971)** mendapati ada kaitan yang positif di antara guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar atas pencapaian sekolah.

Seorang pengetua SKE (B) mengatakan selalunya mata pelajaran yang diajar oleh guru tingkatan terjejas kerana mereka terpaksa memikul beban kerja yang berat, termasuk melaksanakan tugas ibu dan bapa kepada pelajar. Walaupun demikian guru-guru beriltizam dan bekerja keras untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Mengikut beliau kurikulum yang ada hari ini terlalu berat untuk pelajar-pelajar

luar bandar . Namun begitu guru-guru cuba sedaya upaya menyesuaikan kurikulum ini dengan tahap kebolehan pelajar. Ini adalah kerana kurikulum merupakan satu bidang yang dihubungkan dengan peningkatan taraf pendidikan di Malaysia (**Al Ramaiah, 1993**).

Pengetua dan guru-guru kedua-dua jenis sekolah memberi pendapat yang selaras dengan pengetua SKE (B), tetapi pengetua SE (A) menambah bahawa kurikulum tidak dapat dipersalahkan kerana pelajar-pelajar bandar juga mengikuti kurikulum yang sama dan mereka berjaya dalam mempertingkatkan pencapaian akademik. Oleh itu kegagalan pelajar luar bandar berkemungkinan bukan disebabkan oleh kurikulum yang begitu luas dan berat tetapi oleh faktor-faktor yang lain. Oleh itu di dalam kelas guru perlu lebih berdedikasi dan rela berkorban untuk mengatasi perkara itu. Ini juga merupakan seruan Y.B. Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada para guru (**Utusan Malaysia 21 Jun 1986**).

Para pelajar pula berkata oleh kerana hendak melengkapkan sukatan pelajaran, guru-guru terpaksa mengajar dengan cepat dan tidak sempat berbincang dan memberi peluang kepada pelajar berfikir tentang apa yang diajar. Ini adalah kerana masa tidak mengizinkan. Oleh itu pelajaran dalam kelas bersifat berpusatkan guru dengan penyertaan minima daripada pelajar. Pelajar SE tidak berminat untuk berbincang. Apa yang penting bagi mereka ialah faktor-faktor

tentang mata pelajaran yang diajar dan guru mesti menghabiskan sukatan kerana mereka ingin bersedia untuk peperiksaan akhir. Mereka berkata mereka boleh berfikir sendiri dan tidak perlu bagi guru mengajar mereka berfikir. Bagi pelajar SKE mereka perlu diajar berfikir tetapi guru-guru tidak ada masa membuat demikian (**Philip, 1992**) kerana pelajar-pelajar begitu lambat menerima apa yang diajar. Oleh itu guru-guru SKE perlu memberi peluang kepada pelajar berfikir kerana kekurangan kemahiran berfikir menjadi asas kepada kegagalan mereka (**Beyer 1985**).

Oleh kerana malas berfikir, pelajar akan bergantung kepada guru untuk mendapatkan fakta sesuatu mata pelajaran. Jadi ramai pelajar yang menghafal fakta tanpa berfikir tentang fakta yang dipelajari itu. Amalan ini bercanggah dengan prinsip utama pembelajaran yang diberikan oleh **Markle (1977)** iaitu “bukan apa yang disampaikan kepada pelajar tetapi apa yang mendorong mereka melakukan sesuatu ke atas maklumat itu yang menyebabkan pembelajaran.

Berkenaan dengan kegunaan alat bantu mengajar (ABM) pengetua dan guru-guru mengakui bahawa mereka kurang menggunakannya kerana sekolah tidak mempunyai kemudahan yang canggih seperti komputer dan “Overhead Projector” dan kemudahan yang ada seperti alat perakam televisyen juga telah rosak dan pihak sekolah tidak mampu membeli yang baru. Pelajar-pelajar pula berpendapat kegunaan ABM melambatkan pengajaran dan pembelajaran dan menjemukan.

Tentang latihan dan kerja rumah, pengetua berkata semua guru memberi tugas kepada pelajar-pelajarnya pada setiap hari. Ini adalah kerana latihan yang banyak diperlukan untuk membimbing pelajar membiasakan diri dengan latihan. Guru-guru memberi latihan supaya pelajar dapat membuat latihan sebanyak mungkin. Ini adalah satu cara pelajar dapat melatih membuat kerja sekolah. **Udai Pareek (1982)** menyatakan bahawa guru di luar bandar memainkan beberapa peranan seperti pendidik, penyelaras dan agen perubahan.

Mengikut semua pengetua, sekolah mesti mempunyai guru yang cukup untuk menjamin segala pengurusan sekolah berjalan dengan baik tetapi kekurangan guru mata pelajaran akan menjejaskan pencapaian pelajar. Contohnya Bahasa Inggeris, tidak terdapat seorangpun guru yang mendapat latihan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa kedua (TESL). Mengikut pengetua sekolah SKE (B).

**Guru-guru yang fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris terpaksa mengajar mata pelajaran tersebut walaupun mereka tidak mendapat latihan mengajar Bahasa Inggeris.**

Kemungkinan juga ini menjadi salah satu faktor yang menyebabkan pencapaian Bahasa Inggeris tidak memuaskan di luar bandar dan seterusnya menjejaskan pencapaian akademik pelajar-pelajar SPM secara keseluruhannya.

Pengetua berkata guru-guru komited dalam menjalankan tugas masing-masing. Pendapat ini disokong oleh pelajar-pelajar yang menyatakan guru-guru mereka rajin dan gigih mengajar dan memberi perhatian kepada semua pelajar. Sebahagian besar pelajar SKE (D) berkata segala pengorbanan oleh guru sudah cukup dan mereka tidak mengharapkan sesuatu yang lebih daripada itu. Pelajar-pelajar ini berkemungkinan merupakan pelajar-pelajar yang berpuas hati dengan keadaan selesa di sekolah. Terdapat segelintir pelajar SKE (D) berkata guru-guru mereka selalu tidak masuk kelas kerana sibuk menjalankan kerja-kerja yang diarah oleh pengetua. Ini selaras dengan pandangan **Willms, (1992)** yang berkata guru hari ini terpaksa melaksanakan bebanan kerja yang lain daripada mengajar. Pelajar SE juga berpendapat guru memainkan peranan penting dalam kelas. Terdapat guru-guru yang berpengetahuan tetapi tidak dapat menyampaikan kepada mereka dengan berkesan. Dapatan ini menunjukkan pelajar-pelajar yang berprestasi tinggi inginkan guru mereka bekerja lebih keras kerana pelajar-pelajar pandai ingin mencapai kejayaan yang lebih tinggi.

#### **4.4 Yelajar**

Oleh kerana terlalu ramai pelajar, pengkaji tidak dapat ditemubual semua. Oleh itu hanya 20 orang pelajar yang dipilih iaitu 5 dari tiap-tiap sekolah. Mereka ditemubual tentang tujuan mereka datang ke sekolah dan masalah-masalah yang

mereka hadapi yang dapat menjejaskan pengurusan pencapaian akademik mereka. Mereka juga diminta memberi pandangan tentang faktor-faktor lain yang mempengaruhi pencapaian mereka. Berikut ialah butir-butir diri pelajar.

**Jadua14.7 : Taburan Pelajar Mengikut Jantina**

Jantina	Bilangan Pelajar			
	SE		SKE	
	A	C	B	D
L	2	3	2	3
P	3	2	3	2
Jumlah	5	5	5	5

Jadua14.7 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Pengkaji memilih bilangan pelajar perempuan dan pelajar lelaki yang sama banyak iaitu 10 pelajar perempuan dan 10 pelajar lelaki. Ini adalah bertujuan untuk mengetahui pendapat pelajar perempuan dan lelaki tentang pengurusan pencapaian akademik mereka dan persepsi mereka tentang kewibawaan pengetua, guru-guru dan ibu bapa dalam hal ini. Berkemungkinan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan mempunyai persepsi yang berlainan.

**Jadual 4.8 : Taburan Pelajar Mengikut Jarak dari Rumah ke Sekolah**

Jarak (KM)	SE		SKE	
	A	C	B	D
1 – 8 km	3	1	–	–
4 - 6 k m	2	2	2	1
7 – 10 km	1	1	2	2
11 - 20 k m	–		1	2
Jumlah	5	5	5	5

Jadual 4.8 menunjukkan taburan pelajar mengikut jarak dari rumah ke sekolah. Daripada 20 orang pelajar yang ditemubual, 4 pelajar daripada SE tinggal berdekatan dengan sekolah (1 – 3 km). Bagi SKE, 3 pelajar yang tinggal dalam jarak (4 – 6 km), 4 pelajar (7 – 10 km) dan 3 pelajar (11 – 20 km). Ini menunjukkan lebih ramai pelajar dari SE yang tinggal berdekatan dengan sekolah

**Jadual 4.9 : Taburan Menunjukkan Cara Pelajar ke Sekolah**

Cara ke sekolah	Bilangan Pelajar			
	SE		SKE	
	A	C	B	D
Berbasikal	1	1	1	1
Bermotosikal	1	–	–	–
Menaiki Bas	1	3	3	3
Berjalan kaki	2	1	1	1
Jumlah	5	5	5	5

Jadual 4.9 menunjukkan cara pelajar ke sekolah. Daripada 20 pelajar yang ditemubual, 2 pelajar daripada SE berbasikal ke sekolah, seorang bermotosikal, 4 pelajar menaiki bas dan 3 pelajar berjalan kaki. Bagi SKE, 2 pelajar berbasikal, 6 pelajar menaiki bas dan 2 pelajar berjalan kaki. Ini menunjukkan bahawa lebih ramai pelajar-pelajar SKE yang terpaksa menggunakan pengangkutan awam ke sekolah berbanding dengan SE. Ini adalah kerana rumah mereka jauh dari sekolah.

**Jadual 4.10: Taburan Menunjukkan Perbelanjaan Seharian Pelajar**

Perbelanjaan Seharian				
	SE		SKE	
	A	C	B	D
Kurang RM 1 .00	—	—	1	1
RM1.05 – RM1.50	1	2	2	2
RM1.55 – RM2.00	2	1	2	2
RM2.15 – RM3.00	1	2	—	—
RM3.05 – RM5.00	1	—	—	—
Jumlah	5	5	5	5

Jadual 4.10 menunjukkan perbelanjaan seharian pelajar. Daripada 20 pelajar yang ditemubual, 3 pelajar daripada SE mendapat RMI .05 – RM1.50 untuk dibelanja

sehari, 3 pelajar mendapat RMI .55 – RM2.00, 3 pelajar mendapat RM2.15 – RM3.00. Seorang sahaja yang mendapat RM3.05 – RM5.00. Bagi SKE pula, 2 pelajar mendapat kurang daripada RM1 .00, 4 pelajar mendapat RMI .05 – RM1.50 dan 4 pelajar mendapat RMI.55 – RM2.00. Ini menunjukkan pelajar SE mendapat wang perbelanjaan yang lebih untuk dibelanjakan berbanding dengan pelajar-pelajar SKE.

Pelajar-pelajar Melayu luar bandar yang ditemubual memberi tujuan sebenar mereka datang ke sekolah dan secara tidak langsung penyelidik mengetahui tentang sikap pelajar terhadap pendidikan dan dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil temubual menunjukkan semua pelajar berkata mereka ke sekolah untuk menambah ilmu pengetahuan agar memperoleh masa depan yang lebih cerah dan seterusnya dapat berbakti kepada ibu bapa, masyarakat dan negara. Pelajar SE menambah bahawa mereka hendak mendapat pendidikan formal yang tidak dapat di persekitaran rumah. Di sekolah mereka mendapat pendedahan kepada suasana pengajaran dan pembelajaran yang dapat memenuhi cita-cita mereka yang tinggi. Sekolah merupakan batu loncatan ke arah masa depan yang terjamin. Ini menunjukkan betapa tingginya harapan pelajar terhadap fungsi sekolah. Cita-cita pelajar begitu tinggi dan sekolah menjadi harapan mereka mencapai kejayaan.

Pelajar SKE juga mempunyai cita-cita yang tinggi dan mempunyai sikap positif terhadap sekolah. Mereka ingin melanjutkan pelajaran ke universiti supaya mendapat pekerjaan yang baik dan bergaji lumayan. Mereka ke sekolah untuk mengubah nasib mereka khasnya dan nasib orang-orang Melayu amnya. Pelajar juga menunjukkan semangat yang berkobar-kobar dan ingin berjasa dan berbakti kepada orang tua mereka. Mereka juga ingin mencapai kejayaan. Para pelajar menambah bahawa mereka kadang-kadang tidak bermotivasi dan tiada 'mood' untuk belajar. Mereka didorong dan diberi galakan untuk belajar oleh pihak sekolah tetapi mereka merasa malas untuk belajar. Mereka berkata mereka kurang beraspirasi untuk belajar. Berkemungkinan juga pelajar ini tidak diorientasikan untuk berjaya dari peringkat-peringkat awal lagi. Oleh itu mereka kurang kesedaran untuk berjaya. Ini menunjukkan pelajar-pelajar kurang kemahiran asas seperti kurang membaca, tidak menghayati serta memperkembangkan kebolehan yang terdapat dalam diri mereka. Mereka kurang keinginan untuk mengetahui apa yang berlaku di sekeliling dan kurang berfikir. Oleh itu mereka kekal di tahap lama dari segi pengetahuan dan pergaulan. Keadaan begini tidak akan dapat memajukan pelajar dari segi pencapaian akademik (**Robiah, 1992**).

Guru-guru berkata, kebanyakan pelajar luar bandar boleh dididik tetapi pelajar itu sendiri perlu berusaha untuk bekerja keras dan berubah sikap. Mereka tidak

boleh hanya menerima apa yang diajar tanpa memberi pendapat. Mengikut guru, ada pelajar yang tidak pernah menyoal kerana mereka malu atau tidak faham apa yang diajar. Mereka tidak menjawab walaupun disoal. Guru-guru SE pula berkata pelajar-pelajarnya tidak pasif. Ramai yang bercakap dan memberi pendapat tetapi terdapat juga pelajar yang malas dan tidak bermotivasi. Pelajar-pelajar yang kurang motivasi selalunya akan gagal dalam peperiksaan. Seterusnya semua pengetua berpandangan positif tentang hal ini dan percaya semua pelajar boleh dididik sekiranya semua pihak bekerjasama memberi tunjuk ajar, nasihat dan galakan untuk mempertingkatkan pengurusan pencapaian akademik pelajar (Zaidatol, 1990).

Tentang latihan dan tugas yang diberikan pelajar SE tidak menghadapi masalah membuatnya. Mereka cuba membuat semua tugas yang diberikan. Sekiranya mereka gagal, mereka akan menanyakan guru-guru tuisyen dan kawan-kawan. Ada segelintir pelajar yang tidak membuat tugas yang diberikan kerana malas. Mereka tahu tugas yang diberikan merupakan latihan yang baik untuk mereka tetapi mereka malas membuatnya. Pelajar SKE pula berkata mereka boleh membuat tugas yang mudah sahaja. Bagi pelajar yang tidak dapat menyelesaikan masalah yang diberikan, mereka tidak dapat merujuk kawan-kawan kerana kawan juga tidak pandai membuatnya. Mereka tidak dapat menanya guru tuisyen kerana mereka tidak mampu menghadiri kelas tuisyen. Ibu bapa pula

berkata mereka tidak dapat membantu anak-anak dari segi pengajaran dan pembelajaran kerana mereka juga tidak dapat membuat tugas yang diberikan. Pengetua-pengetua berkata pelajar dimestikan membuat tugas yang diberikan kerana dengan cara ini sahaja pelajar dapat melatih diri membuat kerja sekolah dan seterusnya dengan mendapat latihan yang secukupnya, pelajar dapat menyediakan diri menghadapi peperiksaan.

Mengikut pengetua-pengetua di sekolah luar bandar, mata pelajaran yang tidak digemari pelajar ialah Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Bahasa Inggeris dan Sains merupakan mata pelajaran yang mencapai keputusan yang merosot. Oleh kerana mata pelajaran berkenaan merosot, maka keseluruhan pencapaian pelajar di luar bandar merosot. Di SE keadaan ini tidak begitu ketara, walaupun terdapat ramai pelajar yang tidak gemar mata pelajaran tersebut. Sebaliknya, di SKE, majoriti pelajar tidak mengambil inisiatif untuk mempelajari Bahasa Inggeris. Sikap pelajar terhadap mata pelajaran merupakan satu faktor penting dalam menentukan pengurusan pencapaian akademik pelajar. Menurut **Adnan (1985)** sikap pelajar terhadap mata pelajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian. Pelajar SE yang mempunyai sikap yang baik dan positif terhadap Bahasa Inggeris dan Sains akan mempunyai kesanggupan untuk belajar bersungguh-sungguh (**Mager, 1968**).

Masalah disiplin berleluasa di mana-mana sahaja dan sekolah-sekolah di luar bandar tidak terkecuali. Masalah ini merupakan salah satu faktor yang dapat mempengaruhi pengurusan pencapaian pelajar. Antara masalah yang dikemukakan oleh pengetua ialah: merokok, ponteng sekolah, bergaduh, berpasangan, dan semangat belajar yang rendah.

Pengetua-pengetua SE berkata mereka kurang menghadapi masalah disiplin yang serius yang dapat menjejaskan imej dan prestasi sekolah. Masalah yang dialami oleh semua remaja hari ini mengikut pengetua SKE, masalah disiplin yang ketara ialah ponteng sekolah. Pelajar-pelajar berbuat demikian kerana mereka tinggal jauh dari sekolah. Oleh itu terdapat masalah pengangkutan, sekiranya mereka bangun lewat, mereka akan ketinggalan bas. Ini akan menjadi kebiasaan kepada pelajar terbabit dan seterusnya akan menjejaskan pengurusan pelajaran pelajar.

Guru-guru SKE menambah, pelajar-pelajar suka berpasangan di luar dan di kawasan sekolah. Taman sekolah yang begitu ceria sekali dan telah menarik minat pelajar lelaki dan perempuan untuk berdua-duaan. Kelas-kelas juga menjadi tempat mereka berpasangan. Gejala kurang sihat ini melalaikan pelajar daripada tanggungjawab mereka sebagai pelajar. Gejala ini juga menjejaskan prestasi mereka.

Masalah ini adalah selaras dengan teori **Hall (1956)** yang menyatakan bahawa zaman remaja merupakan satu peringkat apabila seseorang individu akan mengalami keributan dan tekanan. Peringkat remaja adalah keadaan peralihan pelajar memasuki alam dewasa. Semua pelajar melalui proses yang akan menimbulkan masalah emosi. Maka pelajar-pelajar akan terjerumus kepada kegiatan yang tidak sihat dan tidak dapat mengawal dan mengurus perasaan dan diri sendiri. Ibu bapa yang ditemubual menyedari masalah yang dihadapi ini tetapi gagal mengawal anak-anak daripada terjerumus kepada kegiatan-kegiatan ini.

Masalah ini memberikan implikasi yang negatif terhadap pengurusan pencapaian akademik pelajar. Ia menjejaskan tugas intelek yang biasanya dipatuhi di dalam kelas. Mengikut **Sharifah Alwiyah (1987)** pelajar-pelajar ini tidak lagi minat belajar. Mereka akan melanggar undang-undang sekolah. Akhir sekali prestasi akademik mereka akan terjejas.

Semua pelajar dengan bersungguh-sungguh merasakan bahawa terlalu ramai pelajar yang kurang berdisiplin terutama sekali pelajar-pelajar yang menjadi samseng di sekolah terutamanya di SKE. Keadaan ini mengakibatkan suasana sekolah menjadi tegang dan pelajar yang ingin belajar menjadi kurang selesa dan tidak wujud persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran. Semua pelajar sedar

yang sekiranya pelajar tidak dapat mengawal diri sendiri dan melakukan perbuatan yang tidak berdisiplin, mereka tidak akan dapat mengurus diri sendiri supaya tekun belajar. Pelajar-pelajar sedar tentang masalah utama pelajar-pelajar Melayu di luar bandar ialah masalah sosial yang dapat menjejaskan prestasi akademik mereka.

Tentang kegiatan kokurikulum pengetua dan guru-guru berkata kegiatan ini wajib dihadiri oleh semua pelajar. Pihak sekolah memberi penekanan kepada kegiatan ini untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar luar bandar menggunakan kemudahan di sekolah untuk menyihatkan tubuh badan. Dengan kesihatan fizikal diharapkan kesihatan mental akan terjamin. Pelajar juga akan lebih cerdas, cergas dan dapat berfikir dengan sihat serta dapat menerima ilmu yang disampaikan setiap hari. Pengetua SE berkata pelajar berminat dan aktif dan pihak sekolah tidak menghadapi apa-apa masalah tentang penglibatan pelajar. Di antara kemenangan yang diperolehi oleh SE (A) ialah: Tempat Ketiga Peringkat Negeri bagi Pertandingan Memasak, Naib Johan Peringkat Daerah bagi Pertandingan Pusat Sumber dan Pertandingan Berbalas Panhm.

Kemenangan yang diperolehi oleh SE (C) ialah: Johan Peringkat Daerah bagi Pertandingan Nasyid, dan Tilawah Al-Quran.

Pengetua dan guru-guru SKE berkata pelajar kurang berminat untuk menceburkan diri dalam kegiatan kokurikulum ini kerana masalah pengangkutan pulang selepas kegiatan diadakan. SKE (D) tidak mendapat apa-apa kemenangan sementara SKE (B) mendapat kemenangan dalam kegiatan: Naib Johan Peringkat Daerah bagi Pertandingan Bola Baling, dan Pertandingan Bola Jaring.

Mengikut pelajar SE, mereka sedar tentang kebaikan menceburkan diri dalam kegiatan yang disediakan di sekolah. Mereka sedar dengan badan yang sihat, mereka dapat berfikir dengan baik dan ini dapat mempertingkatkan pengurusan diri sendiri. Pelajar SKE berkata mereka inginkan kecerdasan fizikal dan mental tetapi mereka tidak dapat hadir kerana masalah pengangkutan awam. Mereka terpaksa pulang ke rumah berjalan kaki, sekiranya mereka ketinggalan bas. Dengan itu keadaan persekitaran di luar bandar berkemungkinan mempunyai implikasi negatif ke atas diri pelajar.

Semua ibu bapa bersetuju bahawa kegiatan kokurikulum boleh menjamin kecerdasan fizikal dan mental pelajar dan mereka boleh berfikir dengan aktif. Ibu bapa SE berkata anak-anak mereka bergiat cergas kerana mereka tinggal berdekatan dengan sekolah. Ibu bapa/penjaga SKE berkata kadang-kadang kegiatan kokurikulum membuang masa sahaja kerana anak-anak terpaksa ke sekolah tiga kali seminggu. Oleh kerana mereka tinggal jauh dari sekolah, mereka terpaksa ke sekolah dari pagi hingga ke petang. Anak-anak akan merasa letih dan

tidak dapat membuat latihan yang diberikan oleh guru. Berkemungkinan faktor ini menjadi penyebab kepada kemerosotan pencapaian akademik pelajar-pelajar luar bandar .

Dapatan menunjukkan pelajar-pelajar mencapai tinggi lebih aktif dalam kegiatan kokurikulum dan sukan berbanding dengan SKE. Didapati penyertaan aktif dalam aktiviti di dalam dan di luar kelas berkait rapat dengan pencapaian akademik yang tinggi. Ini menunjukkan mengadakan pendidikan yang lebih berseimbang adalah tidak menjejaskan pencapaian akademik (**Kementerian Pendidikan 1986**).

Hasil temubual dengan pengetua, guru, pelajar, dan ibu bapa/penjaga menunjukkan bahawa tahap pencapaian pelajar yang tinggal di asrama adalah lebih baik dari pelajar-pelajar yang tinggal di rumah (**Mahadzir, 1993**). Mengikut pengetua SE (A) dan SKE (B), pelajar-pelajar asrama adalah penyumbang kepada peratus lulus sekolah. Guru-guru berkata berkemungkinan pelajar-pelajar ini lebih selesa tinggal di asrama kerana mendapat kemudahan fizikal yang tidak ada di rumah. Mereka juga tidak menghadapi masalah pengangkutan apabila tinggal di asrama. Pelajar-pelajar juga berpendapat bahawa suasana asrama lebih kondusif untuk pengajaran dan pendidikan. Suasana yang lebih dapat menyumbang kepada peningkatan pengurusan pencapaian akademik.

#### 4.5 Ibu bapa/Penjaga

Untuk mengetahui latar belakang dan taraf sosio- ekonomi ibu bapa serta penglibatan mereka dengan prestasi anak-anak dan dengan aktiviti sekolah, 20 orang ibu bapa telah ditemubual untuk mendapat maklumat secara bersemuka. Penyelidik juga telah menemubual pengetua, guru dan pelajar untuk mendapat pandangan mereka tentang penglibatan ibu bapa dan pengasuh mereka dalam pengurusan pencapaian akademik pelajar di sekolah luar bandar. Berikut adalah butir-butir diri ibu bapa/penjaga.

**Jadual 4.11 : Taburan Menunjukkan Tahap Pendidikan Ibu bapa/Penjaga**

Tahap Pendidikan	Bilangan Ibu Bapa/Penjaga			
	SE		SKE	
	A	C	B	D
Tidak Bersekolah	1	1	2	2
Sekolah Rendah	1	1	1	1
Sekolah Men. Rendah	-	-	1	1
Sekolah Menengah Atas	2	2	1	1
Maktab/Diploma	1	1	-	-
Jumlah	5	5	5	5

Jadual 4. I 1 menunjukkan taburan ibu bapa/penjaga mengikut tahap pendidikan.

Daripada 10 ibu bapa/penjaga SE yang ditemubual didapati 2 ibu bapa/penjaga

daripada SE, tidak bersekolah, 2 orang ke sekolah rendah, 4 orang ke sekolah Menengah Atas, dan 2 orang ke Maktab/Diploma. Daripada 10 orang ibu bapa/penjaga SKE, 4 orang tidak bersekolah, 2 orang ke Sekolah Rendah, 2 orang ke Sekolah Menengah Atas. Ini menunjukkan ibu bapa/penjaga SE mendapat pendidikan yang lebih tinggi daripada mereka di SKE.

**Jadual 4.12 : Taburan Menunjukkan Pekerjaan Ibu bapa/Penjaga**

Pekerjaan	Bilangan Ibu Bapa/Penjaga			
	SE		SKE	
	A	C	B	D
Sendiri	2	—	—	1
Polis	—	1	1	—
Pegawai Kanan	2	1	—	—
Buruh Am	—	2	2	2
Petani/Penoreh	1	1	2	2
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>5</b>	<b>5</b>	<b>5</b>

Jadual 4.12 menunjukkan taburan ibu bapa/penjaga mengikut pekerjaan. Daripada 10 orang ibu bapa/penjaga SE yang ditemubual, di dapati 2 orang bekerja sendiri, seorang polis, 3 orang pegawai kanan, 2 orang buruh am, 2 orang petani/penoreh. Daripada 10 orang ibu bapa/penjaga SKE seorang bekerja sendiri, seorang polis, 4 orang buruh am, 4 orang petani/penoreh. Ini menunjukkan lebih ramai ibu

bapa/penjaga pelajar SKE yang bekerja sebagai penoreh/petani berbanding dengan SE.

**Jadual 4.13: Taburan Menunjukkan Bilangan Anak Dalam Keluarga**

Bilangan Anak	Bilangan Ibu Bapa/Penjaga			
	SE		SKE	
	A	C	B	D
Seorang	1	1	-	-
2 orang	3	2	-	-
3 – 5 orang	1	2		5
6 – 10 orang	-	1	5	-
Jumlah	5	5	5	5

Jadual 4.13 menunjukkan bilangan anak dalam keluarga. Daripada 10 orang ibu bapa/penjaga yang ditemubual didapati 2 orang ibu bapa/penjaga mempunyai seorang anak sahaja. 5 orang mempunyai 2 orang anak. Daripada 10 orang ibu bapa/penjaga SKE, 5 orang mempunyai 3 – 5 orang anak, 5 orang mempunyai 6 – 10 orang anak. Ini menunjukkan ibu bapa/penjaga SKE mempunyai lebih ramai anak berbanding mereka di SE.

Ibu bapa/penjaga SE berkata mereka menghantar anak-anak ke sekolah tadika bukan kerana mereka berpendapatan tinggi tetapi kerana menganggap seolah-olah selari dengan sistem pendidikan formal di Malaysia. Begitu juga dengan tuisyen. Oleh itu kebanyakan ibu bapa terpaksa menghantar anak-anak ke kelas-kelas tersebut supaya anak-anak mereka tidak akan ketinggalan. Mereka percaya sekolah tadika dapat menyediakan anak-anak menghadapi darjah satu. Berkenaan dengan tuisyen, mereka menghantar anak-anak ke rumah-rumah guru untuk tuisyen dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik. Pada pendapat mereka tuisyen dapat menolong anak-anak mencapai kejayaan dalam PMR. Ibu bapa SKE juga berpendapat demikian tetapi mereka kurang beruntung kerana tidak terdapat pusat tuisyen yang berdekatan.

Guru-guru dan ibu bapa/penjaga berkata sekolah Tadika dan kelas-kelas tuisyen baik untuk pelajar dan dapat menambah ilmu pengetahuan. Mereka juga menggalakkan pelajar mengambil tuisyen tetapi tanpa ibu bapa/penjaga SE yang mampu menghantar anak ke kelas-kelas tersebut berbanding dengan ibu bapa/penjaga SKE. Oleh itu pelajar-pelajar SE lebih beruntung daripada pelajar SKE. Jadi pelajar SE lebih baik pencapaiannya daripada pelajar-pelajar dari SKE.

Hasil temubual dengan pelajar SE tentang penglibatan dan pengaruh ibu bapa/penjaga ke atas pencapaian pelajar menunjukkan bahawa ramai pelajar mengatakan ibu bapa/penjaga memberi galakan dan dorongan kepada anak-anak supaya belajar. Ibu bapa/penjaga juga mengambil berat tentang kemajuan mereka di sekolah. Inisiatif ibu bapa/penjaga dimulakan semenjak pra sekolah lagi. Lapan daripada 10 pelajar SE yang ditemubual mengatakan mereka pernah menghadiri kelas pra sekolah dan begitu juga dengan sebilangan besar kawan-kawan mereka yang lain. Mereka juga merasakan kelas pra sekolah telah menyumbang kepada kejayaan yang mereka nikmati sekarang. Ibu bapa/penjaga mereka juga mampu menghantar mereka ke kelas-kelas tuisyen dan mata pelajaran yang menjadi tumpuan ialah Bahasa Inggeris, Matematik dan Perakaunan. Mereka percaya taraf pencapaian mereka dipertingkatkan dengan pengambilan tuisyen. Ada pelajar berkata ibu bapa mereka tidak berpendapatan tinggi tetapi kelas-kelas tuisyen terletak berdekatan dengan rumah dan yurannya tidak begitu mahal. Oleh itu ibu bapa/penjaga mampu membayar yuran tuisyen.

Sebaliknya berlaku kepada pelajar-pelajar SKE di luar bandar, mereka berkata ibu bapa tidak mampu menghantar ke sekolah-sekolah Tadika. Tambahan lagi kelas yang ada hanyalah yang diadakan di Masjid sahaja dan pelajar diberi bimbingan dalam hal agama Islam. Satu lagi kekangan yang dihadapi adalah tidak ada pusat-pusat tuisyen bagi para pelajar menambah ilmu berbanding dengan di bandar;

pusat tuisyen tumbuh bagai cendawan. Ibu bapa/penjaga juga tidak mampu membayar tambang pengangkutan dan yuran tuisyen yang dikenakan di bandar-bandar besar. Pelajar juga percaya tuisyen berkait rapat dengan pencapaian sekolah.

Ibu bapa/penjaga SE berkata mereka mengambil berat tentang tugas yang diberikan oleh guru-guru. Mereka cuba meluangkan masa memeriksa dan berbincang tentang kerja rumah anak-anak dan kerap kali meneliti buku-buku laporan. Sekiranya anak-anak berjaya, mereka diberi pujian dan ganjaran. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan anak-anak supaya lebih beriltizam dan mencapai kejayaan yang lebih baik. Mereka memberi aspirasi begini rupa setiap kali anak-anak berjaya dalam peperiksaan. Sekiranya anak-anak tidak berjaya, teguran yang membina diberikan.

Ibu bapa/penjaga SKE juga mengambil berat tentang pencapaian anak-anak. Mereka juga cuba memeriksa tugas yang dibuat oleh anak-anak tetapi tidak dapat membantu dan berbincang tentang kerja sekolah mereka kerana kurikulum hari ini berbeza daripada zaman mereka dahulu. Mereka hanya dapat memberi insentif dalam bentuk pujian sahaja sekiranya anak-anak berjaya. Mereka juga tidak dapat bersama dengan anak-anak kerana masa bekerja mereka tidak tetap.

Inilah yang menyebabkan pelajar malas membuat kerja rumah kerana kurang bimbingan daripada ibu bapa.

Tentang penglibatan ibu bapa dalam prestasi pelajar, secara amnya ibu bapa/penjaga kurang melibatkan diri. Mengikut pengetua dan guru-guru terdapat sebilangan ibu bapa sahaja yang datang ke sekolah tanpa dipanggil oleh pihak sekolah. Mereka datang untuk berbincang hal pelajaran anak-anak. Malangnya ibu bapa/penjaga yang mempunyai anak-anak yang bermasalah tidak hadir. Mereka ini juga tidak hadir walaupun dipanggil. Ini menunjukkan ibu bapa/penjaga kurang ambil berat tentang pendidikan anak-anak. Sikap ibu bapa/penjaga yang begini dapat menjejaskan pengurusan pencapaian pelajar. Seperti yang dikatakan oleh **Jagdish (1983)** bahawa sikap ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam pencapaian pelajar berbanding dengan faktor-faktor lain seperti kadar SEK atau sekolah.

Pelajar-pelajar SE berkata ibu bapa/penjaga pernah juga memeriksa buku-buku latihan mereka sekiranya ditunjuk dan mereka juga diarah membuat kerja rumah di waktu malam. Ada juga pelajar dari SKE yang berkata ibu bapa/penjaga tidak pernah memberi teguran tentang pelajaran. Oleh itu mereka mengambil kesempatan menonton televisyen dan bermain dengan kawan-kawan.

Tentang penglibatan ibu bapa dalam PIBG, ibu bapa berkata PIBG sekolah anak-anak mereka aktif dan menjalankan berbagai-bagai projek seperti yang diadakan oleh SE, seperti: menjalankan program motivasi; pembelian kerusi meja pelajar; baik pulih tempat menunggu bas; dan, beri bantuan kebajikan pelajar.

Ibu bapa/penjaga SE pula berkata mereka sedaya upaya akan cuba menghadirkan diri pada hari sukan. Mereka sedar hari-hari tersebut amat bermakna kepada anak-anak. Kehadiran ibu bapa/penjaga akan dapat mendorong dan memberi aspirasi kepada anak-anak untuk bekerja dengan lebih gigih untuk berjaya. Ini menunjukkan ibu bapa/penjaga SE lebih peka betapa pentingnya penglibatan mereka dalam aktiviti sekolah.

SE pula mengadakan projek-projek seperti: kelas tambahan/motivasi; majlis perjumpaan ibu bapa dan guru; adakan surau, balai rehat; dan, gotong royong untuk mempertingkatkan keceriaan sekolah.

Ibu bapa/penjaga SKE menambah bahawa mereka tahu tentang projek-projek yang dijalankan oleh sekolah tetapi mereka tidak dapat hadir kerana mereka terlalu sibuk dengan kerja harian. Mereka bekerja sendiri seperti menoreh, menanam padi, membuka kedai runcit. Oleh itu mereka tidak dapat meninggalkan kerja untuk melibatkan diri dengan aktiviti anjuran PIBG. Ada yang mengakui

bahawa mereka cuba menghadirkan diri ke sekolah sekiranya ada anak-anak yang menerima hadiah. Ini semata-mata tidak mahu mengecilkan hati anak-anak.

Kesemua pengetua berkata tidak ramai ibu bapa yang melibatkan diri dengan aktiviti sekolah kerana mereka sibuk menjalankan tugas harian. Oleh itu kegiatan PIBG di sekolah-sekolah kurang aktif kerana kehadiran ibu bapa ke mesyuarat agung tidak menggalakkan. Pada tiap-tiap tahun kehadiran guru melebihi ibu bapa. Hanya ibu bapa yang menjadi ahli sahaja yang melibatkan diri dalam kegiatan yang dianjurkan oleh sekolah. Oleh yang demikian pihak sekolah dan ibu bapa tidak dapat mengadakan perbincangan yang mendalam tentang pengurusan pencapaian akademik pelajar. Oleh itu PIBG luar bandar tidak mempunyai prestasi yang cemerlang. Ini berkemungkinan disebabkan oleh ibu bapa yang mempunyai kadar kesedaran yang rendah tentang pentingnya pelajaran (Atan Long, 1993).

Guru-guru juga memberi pendapat yang sama tentang penglibatan ibu bapa dalam kegiatan PIBG. Kata mereka, tiap-tiap tahun ibu bapa yang sama yang meluangkan masa ke Mesyuarat Agung PIBG dan juga ke majlis-majlis lain yang dijalankan oleh sekolah seperti Hari Penyampaian Hadiah dan Majlis Sukan sekolah. Oleh itu guru-guru dan ibu bapa tidak berkesempatan untuk bertukar maklumat dan berbincang tentang memperbaiki taraf pendidikan pelajar.

Dengan itu PIBG telah gagal mencapai salah satu tujuan penubuhannya (**Tajul Ariffin, 1993**). Guru-guru menambah bahawa pihak sekolah juga merancangkan berbagai-bagai aktiviti tiap-tiap tahun untuk melibatkan ibu bapa/penjaga dalam pengurusan sekolah demi kepentingan pelajar. Sekiranya ibu bapa/penjaga pentingkan pencapaian tinggi daripada anak-anak, maka mereka perlu menunjukkan minat melibatkan diri dalam kegiatan yang dirancangkan supaya semua tujuan PIBG tercapai.

Pelajar juga berkata ibu bapa/penjaga mereka tidak melibatkan diri dengan kegiatan yang dirancangkan kerana mereka sibuk dan tidak ada masa hendak ke sekolah. Ada pelajar yang mengatakan ibu bapa/penjaga mereka enggan ke sekolah kerana mereka malu berdepan dengan pihak sekolah dan merasakan bahawa mereka sudah berpuas hati dengan cara sekolah diuruskan. Oleh itu tidak ada sebab kenapa mereka perlu ke sekolah.

Dapatan menunjukkan ibu bapa/penjaga di luar bandar tidak berpendidikan tinggi dan sebilangan besar daripada mereka berpendapatan rendah. Oleh itu mereka tidak mampu memberi kemudahan fizikal dan kewangan kepada anak-anak terutama ibu bapa/penjaga SKE. Tambahan lagi mereka terlalu sibuk dengan tugas harian untuk meluangkan masa membimbing dan mengurus anak-anak ke arah mempertingkatkan pengurusan pencapaian akademik anak-anak.

Secara perbandingan di dapati ibu bapa/penjaga SE dapat melibatkan diri dengan pendidikan anak-anak kerana lebih beruntung daripada aspek sosio ekonomi keluarga daripada ibu bapa/penjaga SKE. Didapati ibu bapa/penjaga secara amnya tidak melibatkan diri dengan kegiatan PIBG sekolah anak-anak. Oleh itu interaksi antara pihak sekolah dan ibu bapa/penjaga tentang mempertingkatkan pengurusan pencapaian akademik anak terhad. Dapatan ini menyokong dapatan **Davenport, (1991)** yang menyatakan pencapaian akademik pelajar yang kurang beruntung adalah disebabkan oleh kekurangan interaksi antara keluarga dan pihak sekolah.

#### **4.6 Kemudahan Sekolah**

Aspek ini ditinjau daripada tiga sudut iaitu: lokasi sekolah; keceriaan dan kemudahan-kemudahan fizikal.

##### **4.6.1 Lokasi**

Dari pemerhatian penyelidik mendapati SE (A) terletak di kawasan yang berdekatan dengan bandar yang agak besar di Negeri Kedah ini contohnya sekolah efektif A terletak kira-kira 15 km dari dua bandar terbesar iaitu Alor Setar dan Kangar. Sementara SE (C) terletak kira-kira 8 kilometer dari pekan terbesar di daerah Kubang Pasu. Sekolah-sekolah ini juga

terletak berdekatan dengan jalan yang sibuk dan pengangkutan jalan raya tidak menjadi masalah. Dengan ini didapati sekolah-sekolah ini baik untuk pengajaran – pembelajaran kerana mereka mendapat pendedahan yang meluas tentang berita terkini. Faktor ini dapat memotivasikan pelajar bekerja keras untuk mencapai kejayaan.

SKE (B) dan (D) terletak jauh dari ibu negeri Kedah iaitu kira-kira 40 kilometer. Walaupun SKE (B) terletak 2 kilometer dari sebuah pekan kecil, tetapi pendedahan kepada berita terkini terlalu kurang kerana terdapat masalah pengangkutan. Pelajar kurang mengunjungi bandar utama kerana taraf sosio-ekonomi yang rendah. Hanya guru menjadi sumber pengetahuan pelajar. Lokasi ini sungguh kurang memuaskan. Sekolah yang dikelilingi oleh tanah tinggi ini terpencil daripada pembangunan kota. SKE (D) mempunyai lokasi yang nyaman dan membuat pelajar berasa selesa dengan keadaan yang ada. Mereka kurang sedar dengan cabaran dan perubahan yang wujud di bandar-bandar. Kurang pendedahan ini berkemungkinan menjadi penyebab kepada kurangnya daya saing di kalangan pelajar.

#### 4.6.2 Keceriaan

SE (A) dan (C) mempunyai kawasan yang bersih dan menarik. Walaupun kawasan sekolah luas dan kekurangan kakitangan, pihak sekolah berjaya menceriakan sekolah dengan menanam pokok bunga hiasan yang cantik dan membuat kolam ikan yang indah. Keceriaan sekolah-sekolah ini ditambahkan lagi dengan keadaan sekeliling yang nyaman kerana terletak sawah padi yang indah. Longkang, kantin serta bilik darjah juga disapu dengan bersih agar pelajar dapat belajar dengan baik.

Kantin, longkang dan bilik darjah didapati bersih tetapi masalah penjagaan tandas guru dan pelajar berlaku di mana sahaja. Bilik guru juga tidak menunjukkan tempat yang kondusif untuk guru bekerja. Bilik ini penuh sesak dengan buku-buku. Meja guru terlalu kecil untuk dikongsi oleh guru pagi dan petang. Nampaknya keceriaan bilik guru tidak dapat dijaga dengan baik kerana kekurangan ruang.

Pada amnya SKE (B) dan (D) menunjukkan usaha-usaha menjaga kebersihan dan keceriaan sekolah mereka. Walaupun kawasan di luar pagar semak dengan lalang, namun demikian kawasan sekolah menarik kerana ditanam dengan pokok-pokok hiasan dan jambangan bunga yang cantik. SKE (B) yang terletak di pedalaman juga dihias dengan pintu

gerbang yang tersergam indah dan membanggakan pelajar. SKE (D) pula dikelilingi oleh sawah padi yang terbentang luas dan angin bertiup sepoi-sepoi bahasa. Kawasan ini nampaknya begitu kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran tetapi gagal memotivasikan pelajar-pelajar-pelajar untuk bekerja keras.

Kantin, longkang, bilik darjah didapati bersih tetapi tandas guru dan pelajar kurang bersih. Bilik guru juga merupakan tempat yang tidak diberi perhatian. Bilik yang kecil dimuatkan dengan bilangan guru yang besar. Oleh itu bilik ini tidak menunjukkan tempat yang kondusif untuk guru bekerja dengan berkesan.

#### **4.6.3 Kemudahan Fizikal**

Dalam hal ini SE mempunyai kemudahan yang mencukupi berbanding dengan SKE yang masih serba kekurangan. Kemudahan asas yang dibekalkan oleh Kementerian adalah seperti bangunan sekolah yang dilengkapi dengan bilik darjah, pejabat, makmal, pusat sumber dan bilik guru yang diubahsuai. Terdapat juga kemudahan untuk permainan. Kemudahan ini tidak mencukupi untuk menampung pelajar yang lebih

seribu orang seperti di SE (A). Pelajar terpaksa menggunakan kemudahan yang ada secara bergilir-gilir.

Bilik guru merupakan tempat yang selalu tidak diberi perhatian oleh pihak pentadbiran. Alasan yang diberikan ialah guru bukan selalunya berada di dalam bilik guru jadi bilik guru adalah kelas yang diubahsuai. Ia merupakan tempat persinggahan guru bukan tempat guru berehat.

SE (A) mempunyai pusat sumber yang agak besar daripada SE (C) kerana sekolah ini adalah gred A. Ia dilengkapi dengan buku-buku rujukan, panduan peperiksaan, novel, majalah dan akhbar. SE (C) mempunyai pusat sumber yang kecil dan sesuai dengan bilangan pelajar yang kurang 500 orang. Pelajar-pelajar SE dapat menampung segala kekurangan yang tidak dapat diberikan oleh Pusat Sumber sekolah dengan mengunjungi Pusat Sumber awam di Pekan Jitra, Alor Setar dan Kangar.

Sekolah juga dikunjungi oleh jurujual-jurujual yang membekalkan buku-buku kepada Pusat Sumber. Dengan ini pelajar-pelajar di SE dibekalkan dengan bahan-bahan ilmu pengetahuan yang terkini yang dapat membina dengan daya fikir mereka.

SKE mempunyai kemudahan yang asas sahaja seperti beberapa blok untuk memuatkan pelajar, bilik yang dijadikan pejabat, kelas yang dijadikan bilik guru, makmal dan Pusat Sumber serta kantin, padang dan tandas. Tandas merupakan kemudahan asas yang sentiasa kurang bersih dan selalu mengalami masalah bekalan air. SKE (B) yang mempunyai pelajar yang lebih seribu orang menghadapi masalah ini. SKE (D) yang mempunyai pelajar yang kurang daripada lima ratus orang juga mengalami masalah yang sama.

Pusat Sumber yang merupakan satu tempat untuk pembelajaran dan perbincangan dan juga membaca, merujuk dan meminjam tidak dipenuhi oleh pelajar. Keadaannya lengang dan sunyi. Apabila ditanya seorang pelajar berkata:

**bahan yang dibekalkan adalah tidak memadai. Oleh itu hanya membuang masa pergi ke Pusat Sumber**

Penyelidik mendapati Pusat Sumber dipenuhi dengan habuk dan rak-rak tidak disusun dengan kemas. Bilik ini tidak dimuatkan dengan akhbar-akhbar yang terkini. Ini merugikan pelajar-pelajar di luar bandar kerana tidak ada peningkatan pengetahuan melalui penggunaan pusat sumber. Pelajar-pelajar juga tidak ada pilihan lain untuk membuat rujukan kerana

pusat sumber sekolah merupakan sumber yang terdekat. Mereka tidak dapat ke pusat sumber awam kerana terletak terlalu jauh dari tempat kediaman.

Bahan-bahan yang ada hanya buku panduan peperiksaan, disusuli dengan majalah dan novel-novel lama. Ditanya sama ada terdapat buku-buku yang dihadiahkan oleh orang-orang awam, penerbit-penerbit buku atau jurnal, guru Pusat Sumber berkata jurujual buku jarang singgah ke sekolah kerana sekolah ini terletak jauh dari jalan raya. Buku-buku yang ada hanyalah yang mampu dibeli oleh sekolah dan dihadiahkan oleh guru-guru.

Kesimpulan daripada pemerhatian yang dibuat ialah SKE sememangnya menghadapi kekurangan kemudahan fizikal yang boleh membantu pelajar mempertingkatkan prestasi mereka. Terpulanglah kepada pihak sekolah menggunakan budi bicara dan membuat perancang yang sepatutnya bagi menguruskan keadaan sekolah yang serba kekurangan.

#### 4.7 Rumusan

Dapat dirumuskan bahawa pengetua SE lebih berpengalaman berbanding dengan pengetua SKE dan berkemungkinan dapat mengurus sekolah dengan lebih baik daripada pengetua yang kurang berpengalaman. Jadi pengalaman pengetua dapat membezakan pencapaian sesebuah sekolah. Mereka juga memperturunkan tugas dengan penuh kepercayaan kepada guru agar keputusan dapat dibuat dengan cepat dan pantas. Berbagai-bagai strategi dirancang untuk mempertingkatkan prestasi pelajar. Kesemua penyelia menggunakan strategi yang agak sama bagi membolehkan matlamat sekolah dicapai. Berkemungkinan pengetua SE membuat persepsi yang jelas tentang strategi yang perlu diambil dan rancangan kemajuan sekolah adalah khusus. Sebaliknya pengetua SKE membuat perancangan yang terperinci juga untuk memajukan sekolah tetapi berkemungkinan kurang pengalaman untuk melaksanakannya. Kesemua pengetua, guru, pelajar dan ibu bapa percaya bahawa kestabilan pengetua di sesebuah sekolah dapat mempertingkatkan pengurusan pencapaian akademik pelajar.

Dapatan menunjukkan guru-guru SE luar bandar adalah lebih berumur dan boleh dikatakan mempunyai pengalaman mengajar yang lebih lama berbanding dengan guru-guru SKE. Dari segi kelayakan juga mereka mempunyai ramai guru-guru siswazah tetapi dapatan menunjukkan tidak ada perbezaan pengajaran dan

pembelajaran di antara kedua-dua jenis guru. Semua pihak juga bersetuju bahawa kurikulum hari ini sesuai tetapi berat bagi pelajar-pelajar luar bandar terutamanya mata pelajaran Bahasa Inggeris. Bebanan mata pelajaran ini dirasakan oleh SKE kerana tidak terdapat guru yang terlatih dalam pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua.

Semua pihak berpendapat masa pengajaran dan pembelajaran yang diperuntukkan selama 40 minit bagi sesuatu masa adalah mencukupi tetapi guru haruslah menggunakan masa itu sepenuhnya untuk mempertingkatkan pengurusan pengajaran dan pembelajaran. Malangnya, di SKE masa ini diganggu oleh keadaan kelas yang tidak teratur dan pelajar yang kurang berdisiplin. Semua guru memberi latihan dan tugas kepada pelajar tetapi pelajar SE lebih berinisiatif dan suka membuatnya berbanding pelajar SKE. Oleh itu SE lebih berjaya. Pengetua, pelajar dan ibu bapa beranggapan guru-guru gigih dan komited tetapi terdapat sebilangan pelajar beranggapan guru malas, tidak masuk kelas kerana sibuk membuat kerja-kerja pentadbiran daripada mengajar. Pelajar SE juga berharap guru mereka lebih berpengetahuan, berinisiatif dan inovatif. Oleh itu guru-guru perlu mempertingkatkan profesionalisma mereka untuk kepentingan pelajar.

Dapatan menunjukkan ramai guru SE terdiri daripada orang-orang tempatan. Berkemungkinan mereka dapat bekerja dengan lebih baik kerana selesai tinggal di

tempat sendiri. Manakala ramai guru SKE terdiri daripada orang-orang bukan tempatan yang terpaksa berulang dari Alor Setar ke sekolah. Mereka berkemungkinan tidak dapat menjalankan tugas dengan baik dan ramai yang meminta tukar ke sekolah-sekolah yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Ketidakselesaan guru dapat menjejaskan pengurusan pencapaian pelajar.

Pelajar luar bandar SE dan SKE mengetahui dengan tepat dan jelas tentang tujuan mereka ke sekolah. Mereka memahami objektif dan matlamat sekolah dan meletakkan harapan yang tinggi pada sekolah. Mereka mengharapkan sekolah dapat memberi kejayaan masa depan. Berkemungkinan pelajar-pelajar lupa yang mereka sendiri perlu bekerja keras untuk mencapai cita-cita mereka. Pihak sekolah, tanpa kerjasama pihak-pihak lain, tidak dapat menjanjikan kecemerlangan.

Pelajar-pelajar SE luar bandar bercita-cita lebih tinggi daripada pelajar SKE. Mereka meluahkan ketidakpuasan yang mereka rasakan tentang kekurangan kemudahan fizikal di sekolah begitu juga tentang guru-guru. Pelajar-pelajar SKE pula mempunyai sikap yang positif tentang pelajaran tetapi mereka lebih selesa dengan keadaan persekitaran yang wujud. Mereka kekurangan semangat berlumba-lumba kerana mereka wujud di dunia yang tersendiri yang jauh dari pendedahan yang dapat memberikan daya saing yang sihat. Mereka juga berpuas

hati dengan guru-guru yang mengajar. Mereka seperti berada di zaman 60an tatkala guru disanjung. Oleh itu cita-cita mereka yang tinggi menggunung akan dilumpuhkan oleh keadaan persekitaran yang tidak mencabar.

Sama ada disedari atau tidak masyarakat adalah bertanggungjawab secara langsung atau tidak terhadap pengurusan pencapaian akademik pelajar. Ibu bapa merupakan pengurus pelajar yang terdekat. Adalah menjadi tanggungjawab mereka mengurus anak-anak demi masa hadapan mereka. Dapatan menunjukkan tahap pendidikan dan pendapatan ibu bapa/penjaga berkait rapat dengan pengurusan pencapaian pelajar. Didapati ibu bapa/penjaga SKE tidak mampu memberi kelengkapan rumah dan kemudahan tuisyen kepada anak-anak mereka berbanding ibu bapa/penjaga SE. Oleh itu SEK mempengaruhi pembolehubah lain yang berkait dengan kejayaan pelajar seperti aspirasi, motivasi dan tahap kebolehan. Apa yang jelas ialah pengetua kedua-dua jenis sekolah mencuba untuk melibatkan ibu bapa dengan projek-projek sekolah tetapi gagal melibatkan ibu bapa dengan berkesan. Hasil penyelidikan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara tentang sikap ibu bapa. Ibu bapa di dapati tidak menunjukkan minat dalam hal sekolah dan juga dari segi prestasi anak-anak. Nampaknya mereka menyerahkan anak-anak kepada pihak sekolah untuk membentuk masa depan anak-anak mereka.

Pada amnya dapat disimpulkan bahawa lokasi yang unggul tidak semestinya menjamin keberkesanan sesebuah sekolah, tetapi kajian ini menunjukkan lokasi sekolah merupakan faktor yang berkemungkinan mempengaruhi pencapaian akademik sekolah. Sekolah luar bandar yang dikaji yang terletak berdekatan dengan bandar memperlihatkan tahap pencapaian yang lebih baik daripada sekolah yang terletak jauh dari bandar.

Kesimpulan yang dibuat ialah walaupun ke empat-empat sekolah yang dikaji terletak di luar bandar, tetapi sekolah yang lokasinya berdekatan dengan pekan kecil menunjukkan lebih efektif dari sekolah yang jauh daripada bandar.

Dari segi keceriaan pula, garis pemisah antara sekolah efektif dan kurang efektif tidaklah begitu jelas kerana SKE didapati bersih dan menarik dan dalam kajian ini, SKE lebih ceria dari SE. Oleh itu, berkemungkinan juga faktor keceriaan tidak boleh dirumuskan sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian sekolah.

Dari segi kemudahan fizikal di dapati terdapat perbezaan yang ketara antara SE dan SKE. SE mempunyai kemudahan yang agak baik seperti kemudahan pusat sumber, makmal, bilik kaunseling dan alat-alat sukan serta padang dan gelanggang, SKE pula mempunyai kemudahan yang asas sahaja.

Sekiranya dilihat dari segi pejabat sekolah di dapati pegawai pentadbir SE bekerja dengan selesa kerana mempunyai pejabat yang berhawa dingin tetapi SKE tidak merasai keselesaan ini. Daripada pemerhatian di dapati masalah tandas dirasai oleh semua jenis sekolah. Satu lagi masalah yang begitu ketara yang dialami oleh guru adalah ketidakselesaan dan kesempitan bilik-bilik guru di semua jenis sekolah. Mungkin pihak yang bertanggungjawab lupa bahawa guru juga merupakan pegawai perkhidmatan yang memerlukan keselesaan sekiranya mereka ingin mempertingkatkan profesionalisma mereka. Oleh itu keberkesanan sesebuah sekolah dapat dipertingkatkan sekiranya kemudahan-kemudahan sekolah diperbaiki.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan pencapaian akademik pelajar di empat buah sekolah menengah di luar bandar di Negeri Kedah Darul Aman. Faktor-faktor yang telah dikenalpasti ialah pengetua, guru, pelajar, ibu bapa/penjaga dan kemudahan sekolah. Oleh itu kajian ini dapat mendedahkan dan melaporkan masalah yang wujud di sekolah agar pihak tertentu prihatin, sedar dan memahami dengan lebih mendalam tentang masalah yang dihadapi di luar bandar.

#### **5.2 Pentingnya Kajian**

Dapatan kajian diharapkan menjadi garis panduan kepada pengetua-pengetua di luar bandar untuk mempertingkatkan pencapaian sekolah mereka. Mereka disyorkan mengenalpasti masalah-masalah sekolah dan bukan sahaja sekadar mengesan gejala-gejala yang ada sahaja. Untuk mengatasi masalah-masalah ini, strategi yang diambil perlu jelas, terperinci dan khusus. Pengetua juga perlu memperturunkan tugas dengan penuh kepercayaan kepada guru agar segala

rancangan yang dibuat dapat diuruskan dengan cepat dan pantas. Harus juga diingat bahawa SKE di luar bandar juga merancang berbagai-bagai strategi untuk mencapai matlamat sekolah tetapi mereka gagal dalam usaha ini. Di sini jelas kelihatan bahawa cara melaksanakan dan menguruskan strategi amat penting sekali dalam mencapai matlamat dan gol yang dirancang oleh pihak sekolah.

Dapatan menunjukkan SE di luar bandar mempunyai pengetua yang lebih berpengalaman dari SKE. Oleh itu lebih ramai pengetua yang berpengalaman perlu dihantar ke kawasan luar bandar untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di sana. Pengetua yang berpengalaman berkemungkinan merupakan pemimpin yang berdedikasi dan bermotivasi di samping mempunyai kemahiran pengurusan yang baik serta peka dengan masalah dan keperluan pendidikan, maka sudah tentu pencapaian pendidikan yang lebih tinggi dapat dicapai.

Didapati pengetua-pengetua SE telah menghadiri berbagai-bagai kursus peningkatan keilmuan dan pengurusan sekolah berbanding dengan pengetua-pengetua SKE. Ini menunjukkan dengan penambahan ilmu, seseorang pengetua itu lebih berkeyakinan dan berani menjalankan tugas sebagai pemimpin di sekolah. Dicadangkan institut yang memberi latihan seperti Institut Aminuddin Baki (IAB) dapat memberi latihan kepada pengetua-pengetua supaya mereka menjadi pemimpin pengajaran yang berketrampilan dan efektif.

Dengan dapatan ini juga, Kementerian Pendidikan perlu sedar bahawa pengetua-pengetua di luar bandar kekurangan bimbingan profesional dan sokongan moral dari Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Sebenarnya pihak sekolah memerlukan hubungan mesra daripada pegawai-pegawai JPN. Dengan ini kakitangan sekolah dapat mengadakan perbincangan terbuka tentang masalah yang mereka hadapi. Mereka perlukan kerjasama JPN untuk mencapai objektif sekolah dan seterusnya mempertingkatkan mutu pendidikan di Malaysia. Ciri-ciri ini terdapat di SE. Dapatan ini menyokong pendapat **Purkey dan Smith (1983)** yang mengatakan salah satu ciri-ciri sekolah efektif ialah sokongan moral daripada pihak Jabatan dan seterusnya pihak Jabatan dan Sekolah perlu sedar yang mereka mempunyai objektif yang sama.

Dapatan menunjukkan ke empat-empat sekolah yang dikaji menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar terutamanya guru-guru mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah. Oleh itu guru-guru di luar bandar perlu sedar bahawa mereka perlu berkhidmat di kawasan luar bandar untuk tempoh 3 – 5 tahun sebelum memohon ditukarkan ke bandar. Cara ini dapat mengurangkan masalah yang dihadapi dan seterusnya melicinkan pengurusan pengetua dalam hal masalah tenaga pengajar.

Guru-guru perlu sedar bahawa tahap kebolehan pelajar berlainan tiap-tiap tahun. Kadang-kadang terdapat sekumpulan pelajar yang pandai dan pada tahun berikutnya terdapat kumpulan pelajar yang kurang pandai. Oleh itu guru-guru tidak boleh menggunakan teknik mengajar yang sama tahun demi tahun. Setelah mengenalpasti tahap kebolehan pelajar, para guru perlu mengatur rancangan, atau aktiviti untuk mengubah teknik pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan keperluan para pelajar. Selain daripada itu, guru dinasihatkan bekerjasama dengan ibu bapa dan pelajar sendiri dalam usahanya menguruskan pelajar supaya berjaya membina budaya sekolah yang positif dan kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran.

Persepsi pelajar tentang gaya pengurusan pengajaran dan pembelajaran guru dalam kelas bersifat berpusatkan guru dengan penyertaan minima daripada pelajar. Lebih daripada separuh pelajar berpandangan bahawa kebanyakan guru menulis nota di atas papan tulis untuk disalin oleh pelajar. Ada guru yang selalu membaca daripada buku teks dalam kelas. Tambahan lagi majoriti berkata hanya beberapa orang guru yang menggunakan alat pandang dengar sebagai ABM di dalam pengajian mereka.

Oleh itu guru mesti menentukan penyertaan aktif pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan juga semasa kokurikulum. Di dalam kelas tentukan pelajar memairikan peranan aktif dalam perbincangan kelas dan galakan

mereka menyoal. Guru juga perlu mengadakan suasana persekitaran yang kondusif agar pelajar tidak takut menyoal dan menjawab. Ini adalah baik untuk perkembangan minda pelajar dan menggalakkan mereka berfikir.

